



MALAYSIA

**Hari Jumaat
19hb Julai, 1974**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1889]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 1949]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat AbM dari Bandar Melaka [Ruangan 1950]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974) [Ruangan 1950]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama—

Kepala B. 1, B. 4, B. 5, B. 7, B. 10 dan B. 66 [Ruangan 1981]

Kepala B. 14 [Ruangan 1988]

Kepala B. 18 [Ruangan 1997]

Kepala B. 21 [Ruangan 2000]

Kepala B. 23, B. 24, B. 25 dan B. 26 [Ruangan 2002]

Jadual Kedua—

Kepala B. 7, B. 10 dan B. 66 [Ruangan 1981]

Kepala B. 14 [Ruangan 1988]

Kepala B. 19 [Ruangan 1999]

Kepala B. 20 [Ruangan 2000]

Kepala B. 22 [Ruangan 2001]

Kepala B. 25 [Ruangan 2002]

KANDUNGANNYA--(sambungan)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973 [Ruangan 1995]

Jawatankuasa—

Kepala P. 14 [Ruangan 1988]

Kepala P. 15 [Ruangan 1995]

Kepala P. 17 dan P. 18 [Ruangan 1997]

Kepala P. 22 [Ruangan 2001]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974 [Ruangan 2002]

Jawatankuasa—

Kepala P. 7 [Ruangan 1984]

Kepala P. 14 [Ruangan 1988]

Kepala P. 15 [Ruangan 1995]

Kepala P. 16 [Ruangan 1996]

Kepala P. 23 [Ruangan 2002]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Lesen Teksi—Rayuan [Ruangan 2006]

Kuil Sri Maha Mariaman, Bukit Neas Estate—Ambilalih [Ruangan 2009]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Jumaat, 19hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- " NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- " DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- " TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- " TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- " PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- " TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- " DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- " TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- " DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- " CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- " TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- " TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- " AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- " TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- " TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- " TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- " DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- " DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- " TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- " TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- " TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- " TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- " TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- " TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- " TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- " TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- " TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- " TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- " TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- " TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALIENG (Rajang).
- " DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- " TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- " TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- " TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- " TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- " DATUK DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., J.M.N., P.J.K. (Kuantan).
- " TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- " TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- " TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

Yang Berhormat TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- " TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- " TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- " TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- " TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- " RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- " PENGARAH RAMUN ANAK DEBAK (Serian).
- " TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN, A.M.P. (Ipoh).
- " TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- " DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- " TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- " TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- " DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- " DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- " TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- " TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

Yang Berhormat DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Kewangan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENTVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Masyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENCEN BALU DAN ANAK YATIM — PENGEMBALIAN CARUMAN

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah terdapat kelambatan dalam pengembalian wang Pencen Balu dan Anak Yatim kepada pencarum-pencarum.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 89) perlu dipinda untuk memperuntukkan pengembalian caruman kepada pencarum-pencarum dengan tujuan menggulung Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak. Suatu Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1974" telah pun disediakan untuk tujuan ini dan Rang Undang-undang tersebut perlu dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sarawak terlebih dahulu. Persetujuan dari Kerajaan Negeri Sarawak diterima agak lewat sedikit dan dari itu Rang Undang-undang tersebut hanya dapat dibentangkan di Persidangan Parlimen yang sedang berjalan sekarang ini. Sebaik sahaja Rang Undang-undang itu berkuatkuasa sebagai undang-undang, Surat-surat Pekeliling dan borang-borang opsen akan diedarkan kepada pencarum-pencarum untuk membolehkan mereka memilih samada ingin terus menjadi pencarum dan menyimpan hak-hak mereka yang terakru di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 89) atau berhenti menjadi pencarum dan mendapat balik semua caruman mereka.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana di dalam soalan asal ini tidak khusus kepada Sarawak sahaja, ini bererti meliputi seluruh Malaysia, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan mengapakah terdapat kelambatan dalam mengembalikan wang Pencen Balu dan Anak Yatim kepada pencarum-pencarum di seluruh Malaysia seperti yang terdapat sekarang, bukan Sarawak sahaja?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Besut nampaknya membuat tafsirannya sendiri, tetapi daripada tafsiran saya sendiri, maka yang ditanyakan ini ialah berkenaan dengan wang Pencen Balu dan Anak Yatim di Sarawak.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan membuat tafsiran saya sendiri. Di dalam soalan ini tidak menyebutkan Sarawak atau Sabah.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu soalnya, saya anggap itu soalan lain. Kerana soal ini telah dikemukakan beberapa kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak dan oleh kerana soalan ini datang daripada Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, saya menganggap bahawa soal itu bagi kepentingan pencarum-pencarum di Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya datang daripada Ahli Yang Berhormat dari Sarawak kerana soalan ini berkenaan dengan Sarawak.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat faham daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa seseorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak bertanya hanya untuk Sarawak sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan Pencen Balu dan Anak Yatim ini, jawabnya "ya".

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya seorang Ahli Parlimen dari Semenanjung Malaysia dan saya hendak bertanya berkenaan dengan masalah Semenanjung Malaysia bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jawapan?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan soalan Widows' and Orphans' Pension Fund.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apakah soalnya?

Tuan Ng Hoe Hun: Itulah yang saya hendak beritahu: saya Ng Hoe Hun, (Ketawa) Ahli Parlimen dari Larut Selatan minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab terdapat kelambatan dalam

pengembalian wang Pencen Balu dan Anak Yatim kepada pencarum-pencarum di Semenanjung Malaysia?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu membuat soalan yang sama dalam persidangan yang akan datang, kerana ini merupakan soalan yang baru.

Tuan Ng Hoe Hun: Ini bukan soalan baru. Ini soalan tambahan berkenaan dengan masalah tadi. Adakah tahu atau tidak, saya harap Menteri beri jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu dia sudah beri dua jawapan. Pertama Sarawak masalah di Sarawak, perkara di sini masalah di sini. Kalau yang ditanya itu perkara di sini buat satu soalan lain iaitu soalan yang baru.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya mengerti juga, tetapi jika kita lihat soalan ini tidak nampak masalah ini berkenaan dengan Sarawak, Sabah atau Semenanjung Malaysia sahaja. Soalan ini berkenaan seluruh Malaysia, tetapi dalam jawapan Menteri memberi penjelasan mengenai Sarawak sahaja, saya hendak tahu mengenai Semenanjung Malaysia. Menteri jawab mengenai Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Menteri jawab mengenai Sarawak sahaja, Sarawak sahajalah.

Tuan Ng Hoe Hun: Sekarang saya hendak tahu mengenai Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Semenanjung Malaysia dia tak mahu jawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Oh! Dia tak mahu jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada hak, bukan dia mesti jawab. Mana yang dia hendak jawab, dia jawab; kalau dia tak mahu jawab, tidak boleh ditanya lagi!

Tuan Ng Hoe Hun: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu dia tidak mahu jawab masalah Semenanjung Malaysia.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, untuk mencari jalan tengah bolehkah Tuan Yang di-Pertua memberi satu

keputusan dari Ahli Yang Berhormat yang bertanya, adakah maksud pertanyaan ini ditujukan kepada Sarawak sahaja ataupun pertanyaan yang dikemukakan itu untuk seluruh Malaysia supaya Dewan ini jelas apakah jawapan Menteri tadi menepati di atas kehendak soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya berpendapat Menteri tidak payah menjawab. Saya fikir ini berkenaan dengan Sarawak sahaja, sebab Ahli dari Sarawak sahaja yang bertanya. Ahli-ahli yang lain nampaknya bila soalan ini dikemukakan baru hendak campur tangan.

RANCANGAN PERUMAHAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

2. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada benar bahawa Rancangan Perumahan untuk Pegawai-pegawai Kerajaan telah dibatalkan oleh kerana harga bahan-bahan pembinaan telah melambung tinggi;
- (b) berapa bilangan rancangan perumahan yang serupa telah dibatalkan; dan
- (c) samada benar bahawa setengah-setengah pegawai Kerajaan terpaksa membayar perbezaan harga sebanyak \$30,000 untuk harga sebuah rumah yang ditempah 3 tahun dahulu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar bahawa ada rancangan perumahan untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dibatal disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan binaan.
- (b) Tidak ada satu rancangan pun yang telah dibatalkan malahan semua rancangan perumahan masih berjalan seperti yang dijadualkan; dan
- (c) Tidaklah benar setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan terpaksa membayar perbezaan harga sebanyak \$30,000 untuk harga sebuah rumah yang ditempah 3 tahun dahulu. Apa yang sebenarnya ialah rumah yang dijual itu harganya tidaklah berubah sedikit pun dari harga yang ditetapkan ketika rumah itu ditempah dahulu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan Rancangan Perumahan itu adakah Kerajaan mempunyai satu rancangan baru lagi bagi Pegawai-pegawai Division II, III dan IV?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan perumahan itu pada ketika ini Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan sedang menjalankan rancangannya di Ladang Wardieburn di mana usaha sedang dibuat untuk membina sebanyak 736 yunit rumah. Rancangan yang lain di Ladang Seaport berjumlah 2,000 yunit rumah dan Bukit Damansara 3,000 yunit rumah sedang diusahakan. Bagi kawasan di luar negeri Selangor, di Bagan Serai, di Pulau Pinang juga sedang dibuat rancangan untuk mendirikan rumah-rumah. Di Taiping juga ada di mana kita akan membina 364 yunit rumah, di Pasir Puteh, Ipoh dan Tanjung Rambutan Perak; di Paroi, Seremban, dan ada juga rancangan di Johor Bahru iaitu di Jalan Tebrau dan juga di Tampoi.

Tuan Ng Hoe Hun: Rancangan perumahan yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri itu berkenaan dengan rumah-rumah yang akan dijual kepada rakyat. Soalan saya berkenaan dengan rumah-rumah pegawai Kerajaan bagi Division Dua, Tiga dan Empat. Adakah Kerajaan mempunyai satu rancangan baru untuk mereka?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, penat saya menyebutkan tadi. Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tak faham jawapan saya. Apa yang ditanya itulah yang dijawab tadi.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Timbalan Menteri mengatakan di Taiping ada 364 buah rumah yang dibina oleh Kerajaan, rumah-rumah itu hendak dijual kepada siapa? Kepada rakyat atau kepada pegawai-pegawai Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Pegawai Kerajaan itupun rakyat juga (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak serupa, Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan pegawai Kerajaan. Saya minta jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, akan dijual kepada pegawai-pegawai yang menjadi rakyat. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak mengerti, saya tahu pegawai-pegawai pun rakyat, tetapi saya hendak dibezakan pegawai-pegawai Kerajaan dengan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka apabila Ahli Yang Berhormat itu bangun dari tempat duduknya bertanya soalan tambahan, bukan hendak bertengkar, ini bukan masanya!

Tuan Ng Hoe Hun: Saya faham, tetapi Timbalan Menteri hendak ikat kaki saya dan hendak pusing keliling apa saya boleh buat, dia tidak mahu beri jawapan yang betul, itu sebab sudah tersangkut seperti kata Shakespeare: "Oh! what a web we weave, when we first try to deceive." So he is trying to deceive the House.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu Shakespeare. (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat di atas kenyataan yang baru dibuat sebentar tadi menyatakan atau menuduh saya bahawa saya mencuba hendak "deceive the House". Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat tarik balik tuduhan beliau itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Jika diminta tarik balik, saya tarik balik. Tetapi soalan tambahan saya berkenaan dengan rumah-rumah yang tidak cukup di seluruh Malaysia, dan Kerajaan ada banyak rancangan perumahan. Bolehkah Kerajaan menjual rumah-rumah papan yang ada sekarang kepada pegawai-pegawai Kerajaan Division II, III dan IV.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab soalan itu, saya minta Ahli Yang Berhormat itu supaya tarik balik tuduhan yang dibuatnya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah tarik balik.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Mengenai soalan yang baharu dikemukakan tadi, itu adalah soalan yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semalam harga simen naik, maka akan melibatkan kenaikan harga

(cost) bangunan dan lain-lain bahan binaan bangunan. Bolehkah Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang menempah (booked) rumah-rumah di bawah rancangan itu tidak akan terpaksa membayar lebih di masa depan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi iaitu rumah-rumah yang telah dipesan atau booked oleh pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan, maka harganya tidak akan berubah, tetapi bagi rancangan-rancangan yang lain itu saya tak dapatlah menyebutkan di sini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana keadaan perumahan di negara kita sangat tidak cukup untuk orang-orang yang memerlukan perumahan khususnya kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah dan dengan kenaikan harga semua barang-barang pembangunan bolehkah Kerajaan mengadakan satu crash programme untuk membina lebih banyak rumah-rumah pangsa khususnya untuk pekerja-pekerja Division III, IV dan Kumpulan I.M.G. oleh kerana sekarang jikalau mereka sendiri mahu mencari atau membeli rumah adalah satu perkara yang bukan mereka boleh mampu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang ditimbang oleh Kerajaan.

INFLASI—PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

3. **Tuan Soh Ah Teck** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan keadaan inflasi sekarang di negara kita samada beliau akan menimbangkan menaikkan pelepasan cukai pendapatan bagi seorang pembayar cukai dan tanggungan-tanggungan-nya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dalam Dewan ini pada 22hb Disember, 1972.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Jawapan yang disebutkannya itu ialah untuk tahun 1972. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keterangan

kepada Dewan ini adakah semenjak tahun 1972 perkara ini disiasat dan dikaji semula oleh Kab.net oleh kerana bila Undang-undang Cukai Pendapatan (Income Tax Law) dibuat ialah tahun 1947—sudah dekat 30 tahun dan masa itu untuk seorang yang berpendapatan \$2,000 satu tahun (relief allowance untuk seorang). Pendapatan seorang pada tahun 1947 boleh dikatakan sangat senang ada tanggungan keluarga oleh kerana \$2,000 setahun ialah agaknya \$170 satu bulan. Tetapi 30 tahun sudah lepas dengan inflasi yang sangat teruk, seorang yang mendapat gaji \$170 sebulan sendiri pun sangat susah boleh hidup dan tentulah Income Tax Law mesti dikaji dan relief untuk setiap orang sekarang \$2,000 mesti dinaikkan sekurang-kurangnya kepada \$4,000 dan untuk isterinya dari \$1,000 kepada \$2,000. Oleh kerana inflasi satu dua tahun ini adalah sangat tinggi, adakah Kabinet atau Kementerian mengkaji atas perkara itu dengan lebih mendalam dan untuk merengangkan beban rakyat jelata supaya ditukar—tambah relief bagi setiap pembayar cukai dan tanggungan-nya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang dikaji dari semasa ke semasa, tetapi buat masa ini pertimbangan ke atasnya belum dapat dibuat lagi.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam di dalam Dewan ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa cukai simen satu tan \$12. Oleh kerana rayuan taukeh-taukeh kilang-kilang simen di negara ini maka cukai simen telah diturunkan \$2 satu tan dan harga simen telah dinaikkan \$5 satu kampil. Jika Kerajaan boleh menimbangkan kapitalis-kapitalis yang kaya dalam negeri ini dengan menurunkan cukai, apalah salahnya Kerajaan menimbangkan keadaan rakyat jelata, kakitangan Kerajaan yang berpendapatan kecil, menaikkan sara hidup dan menaikkan juga nilai tanggungan tiap-tiap anak pekerja-pekerja yang makan gaji dengan Kerajaan. Janganlah pilih kasih kepada kapitalis sahaja, tetapi rakyat di-biarkan menderita.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesukaran yang dialami oleh mereka yang berpendapatan kecil Kerajaan telahpun memberi Elaun Bantuan Khas.

Dari segi ini Kerajaan telah menimbangkan tentang kesulitan yang dihadapi oleh rakyat jelata dan juga oleh pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan perkara ini untuk menambah relief income tax bagi setiap orang ada dikaji dari semasa ke semasa. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini semenjak tahun 1972 di mana bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan ada membuat satu pengumuman tidak akan ubah perkara ini. Berapa kali Kementerianannya atau Kabinet ada mengkaji perkara ini dan kenapa dalam dua tahun ini Kerajaan masih tetap tidak mahu menaikkan relief itu sungguhpun inflasi sangat teruk?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan tidak dapat menimbang sesuatu perkara ialah kerana ada sebab-sebabnya yang tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebab-sebabnya begitu oleh kerana ini adalah perkara public interest?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Saya katakan tadi oleh kerana adanya sebab-sebab yang tertentu dan masalah ini ada hubungannya dengan masalah yang lain, jadi saya minta izin Dewan ini untuk tidak menjawabnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah ertinya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa fasih dengan sebab-sebab itu?

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Soalan saya berkenaan dengan pelepasan cukai pendapatan bagi isteri yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu relief allowance \$2,000 itu adakah cukup bagi isterinya berbelanja atau tidak?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu ada isteri, tanya pada isterinya sendiri dahulu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada isteri, tetapi beliau ada isteri.

IMPOT UBAT NYAMOK—SEKATAN

4. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau akan menyekat impot ubat nyamok yang mengandungi ubat DDT, yang mana adalah tidak berfaedah kepada kesihatan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, sekatan impot dikenakan ke atas barang-barang demi kepentingan rakyat keseluruhannya. Kawalan Impot/Ekspot adalah bertujuan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan rakyat jelata amnya. Pihak Kementerian saya akan membawa perkara ini ke pengetahuan Kementerian Kesihatan untuk dikaji dan sekiranya didapati bahawa ubat nyamok yang diimpot mengandungi ubat DDT dan mengancam kesihatan, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Tan Cheng Bee: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada satu dua jenis ubat nyamok yang diimpot dan sudah diperiksa oleh chemist dan didapati ada DDT?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, walaupun benar separuh-paruh ubat nyamok itu sudah diperiksa oleh chemist dan didapati ada DDT, tetapi kalau dipandang oleh mereka ini tidak mengancam kesihatan, saya fikir terpuanglah kepada Kementerian Kesihatan memberi nasihat kepada Kementerian saya untuk mengambil apa-apa tindakan.

GADIS-GADIS TERCEBUR DALAM PELACURAN

5. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sejauh manakah kebenaran bahawa bilangan gadis-gadis yang terlibat dalam maksiat telah bertambah besar dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya lebih banyak peluang dan kemudahan pemulihan diberi kepada gadis-gadis ini untuk kembali kepada masyarakat.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am tidak dapat menyatakan samada atau tidak bilangan gadis-gadis yang terceburlah dalam pelacuran telah bertambah oleh kerana tidak

ada penyiasatan dijalankan untuk memastikan penglibatan gadis-gadis di dalam pelacuran. Namun begitu, perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan bagi mereka yang telah menjadi mangsa pelacuran sedang diperluaskan dengan pesatnya di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua apabila dua buah yayasan iaitu di Batu Gajah dan di Rembau sudah siap nanti. Kedua-dua yayasan itu, satu-satunya boleh menerima 200 orang, sedang dalam pembinaan.

ASRAMA LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (i) rancangan positif Kerajaan mengenai asrama Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Mekah dan Madinah; dan
- (ii) bilangan Pegawai Perubatan dan Kebajikan yang akan dihantar untuk berkhidmat pada musim haji tahun ini (1974-1975).

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Setakat ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah menyewakan 2 buah bangunan di Madinah yang dapat menampung kira-kira 400 katil untuk digunakan sebagai asrama kepada Jemaah-jemaah Haji Malaysia bagi tahun 1974 ini. Penyewaan bangunan untuk dijadikan asrama di Madinah ini akan di teruskan pada masa-masa hadapan dan apabila diperlukan bangunan tambahan akan disewa lagi berdasarkan kepada keperluan-keperluan Jemaah Haji bagi tiap-tiap tahun. Kerajaan akan terus menyewa bangunan-bangunan bagi menjadi asrama kepada Jemaah-jemaah Haji bagi mengatasi masalah tempat tinggal yang sering dihadapi oleh Jemaah-jemaah Haji di Madinah.

Di Mekah pula buat sementara ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menyewa hanya bangunan-bangunan untuk kegunaan urusan haji iaitu satu untuk rombongan perubatan dan satu lagi untuk rombongan kebajikan. Bangunan-bangunan ini sedang dicari untuk digunakan sebagai asrama kepada Jemaah-jemaah Haji.

Walau bagaimanapun, buat masa ini amatlah rumit untuk mendapatkannya. Sekarang ini Kerajaan juga sedang berunding dengan pihak Kerajaan Saudi Arabia untuk mendirikan satu bangunan yang tetap bagi menempatkan Jemaah-jemaah Haji di sana. Pihak Kedutaan Besar Malaysia kita di sana sedang mengkaji perkara ini.

- (ii) Bilangan rombongan perubatan dan rombongan kebajikan yang akan dihantar untuk berkhidmat pada musim haji tahun 1974/75 bersama 1394 hijrah, adalah seperti berikut:

- (a) Rombongan Kesihatan 86 orang berbanding dengan 74 orang untuk tahun hijrah 1393.
- (b) Ahli-ahli Rombongan Kebajikan 70 orang berbanding dengan 59 orang untuk tahun hijrah 1393.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pada fahaman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan bahawa dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti yang telah disebutkan baharu sekejap, perkara-perkara yang telah berlaku pada tahun-tahun yang lalu tidak akan berulang lagi kepada jemaah haji kita waktu berada di Madinah dan di Mekah pada musim haji tahun hadapan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjamin bahawa keadaan itu tidak berulang lagi, tetapi keadaan akan bertambah baik.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan (b) mengikut keterangan tadi, bahawa Pegawai Kebajikan pada tahun ini akan dihantar 70 orang berbanding dengan tahun yang lepas seramai 59 orang. Saya ingin mendapat kenyataan jumlah 70 orang yang akan dihantar itu adakah terdiri daripada orang-orang yang faham masalah-masalah di sana, ataupun akan dihantar orang-orang yang semata-mata hendak mencari peluang menunaikan fardhu haji di sebalik menjadi Pegawai Kebajikan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Pegawai-pegawai yang dihantar itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah orang-orang yang difahamkan boleh menunaikan kewajipan dan tugas-tugasnya.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Dalam menyelesaikan masalah perumahan pernah atau tidak Tabung Haji memikirkan masalah rumah-rumah wakaf yang telah diwakafkan oleh Negeri Kelantan atau Kedah dan sebagainya. Biasa rumah-rumah itu telah buruk, bolehkah Tabung Haji berpakat dengan mereka itu untuk membaiki dan menambah lagi tingkatannya untuk memudahkan perumahan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan pihak Kedutaan kita di Mekah sekarang sedang berunding berkenaan dengan soal ini dan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan ditimbangan juga.

PENGANGKUTAN AWAM

7. Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar:

- (a) bahawa sistem pengangkutan awam tidak begitu memuaskan dengan terdapatnya orang-orang ramai berduyun-duyun menanti bas dan bas pula mengisi penumpang terlampau ramai, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan di atas hal ini;
- (b) bahawa setengah-setengah bas didapati tiada Kotak Pertolongan Cemas (First Aid Kit), selalu rosak di tengah jalan, lari melebihi had laju dan bermacam-macam lagi; dan
- (c) bahawa Kerajaan tidak menggalakkan pekerja-pekerja dan orang awam menggunakan kereta sendiri tetapi sebaliknya menggalakkan mereka menggunakan sistem pengangkutan awam apabila mereka pergi kerja oleh kerana harga minyak mahal sekarang. Oleh sebab sistem pengangkutan awam tidak begitu cekap adakah Kerajaan bercadang hendak membaikinya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa keadaan sistem pengangkutan awam tidak dapat memuaskan semua golongan. Walau bagaimanapun, satu kajian dasar perancangan lalu-lintas telah diuruskan oleh satu Syarikat Juru Perunding dan laporannya sedang dikaji oleh Kemen-

terian saya dan langkah-langkah yang sesuai akan diambil untuk mengatasi masalah kerumitan pengangkutan awam mengikut dari satu peringkat ke satu peringkat.

- (b) Penyiasatan-penyiasatan adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap bas-bas dari masa kesemasa dan tindakan yang berpatutan diambil sekiranya didapati kesalahan-kesalahan yang dilakukan, yang tidak menunaikan sebagaimana yang dikehendaki oleh aturan dan peraturan yang mesti dijalankan oleh bas-bas itu samada hendak membawa First Aid Kit dan lain-lain lagi.

Begitu juga berkenaan jawapan (c) Kerajaan sedang merancang untuk memperbaiki keadaan sistem pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, rancangan tersebut akan mengambil masa dan akan dijalankan mengikut prioritynya atau mengikut mana satu yang boleh disempurnakan kita buat lebih dahulu supaya dapat nikmatnya dikecap oleh orang ramai, dan tidak sesak lagi bahkan bertambah dari satu masa ke satu masa. Umpamanya, ada rancangan hendak buat jalan khas dua hala kerana bas sahaja dan semua kenderaan lain tidak boleh lalu di situ. Jadi bas boleh pergi balik, ini akan memakan waktu. Boleh jadi dalam masa 5 atau 10 tahun. Jadi hendak dirancang, hendak diperuntukkan perbelanjaannya. Oleh kerana itulah perkara ini memakan waktu sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kenapa sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini sangat kelam-kabut dan Kementerian beliau tidak boleh mengatasi masalah di mana setiap hari khususnya untuk orang-orang perempuan, orang-orang tua dan murid-murid sekolah naik bas, khususnya dalam masa peak hours boleh dikatakan satu kesusahan yang teruk (a daily ordeal) oleh kerana keadaan sangat sesak. Kenapa perkara yang berlaku di Kuala Lumpur ini tidak boleh diatasi. Sungguhpun itu adalah satu masalah yang sangat rumit, tetapi kepada orang-orang tua, orang-orang sakit, orang-orang perempuan dan kanak-kanak sangat merbahaya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, soal Kuala Lumpur baru sekarang ini telah dipisahkan sebagai kawasan Federal. Sebelum itu ada kawasan Municipality, ada kawasan Negeri dan ada kawasan Federal. Jadi kita hendak coord.nate memakan waktu. Kadang-kadang kita hendak buat, waktu tidak sesuai. Tentang bas, bercakap senang tetapi hendak praktikkan terlampau susah. Kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, Negeri Melaka lebih kecil daripada Kuala Lumpur bandarnya, tetapi di sana pun ada juga congestion, kerana tiap-tiap bas daripada pukul 6.00 atau 6.30 pagi sampai pukul 8.00-8.30, dalam masa dua jam bagaimana jalan dalam bandar tidak penuh sesak, sebab Sri Jaya ada 250 buah bas. Saya telah berunding dengan syarikat-syarikat bas dan saya telah minta supaya syarikat-syarikat swasta membuka pejabatnya tidak sama. Jadi tidak semua sekali atau serentak. Pihak swasta pergi ke pejabat pada pukul 8.00 umpamanya, murid-murid pergi ke sekolah pada pukul 7.30. Di mana-mana negeri dalam dunia pun mesti ada staggering hours. Ini kita sudah minta tetapi kita tidak boleh paksa. Sebab itu saya kata tadi pakar daripada dunia antarabangsa sudah beri rancangan supaya ada dua sahaja jalan bas pergi-balik supaya orang ramai tidak bawa banyak kereta dan dengan sebab itu bas boleh bawa orang pergi-balik dengan senang. Soal orang sakit, orang tua, itu kita akan beri kesenangan dengan cara yang bukanlah makna naik bas tetapi dengan apa-apa kenderaan juga umpama dengan ambulan hospital atau lain-lain. Tetapi tidak bolehlah hendak salahkan kepada Kementerian Perhubungan. Kalau dia tidak dapat buat perhubungan, dia salahkan. Kalau dia sudah dapat perhubungan, beri terima kasih pun tidak, dia hentam sahaja (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu ada beberapa cara yang boleh mengatasi perkara ini, dan ada cara-cara yang memakan masa. Tetapi satu cara yang boleh serta-merta dijalankan ialah mesti ada pemimpin yang tegas, pemimpin yang dinamik daripada Kementerian Perhubungan untuk menjamin membuat satu kempen di mana orang-orang yang naik bas kena queue up, dan tidak sesiapa yang kuat naik bas dahulu. Tetapi satu sistem yang sopan dan beratur, dan jikalau itu boleh dibuat, dan tentu itu boleh dibuat jikalau kita ada Menteri yang

dinamik dan tegas yang boleh menunjukkan jalan. Itu sangat mustahak. Di lain-lain negeri

Tuan Yang di-Pertua: Ini cadangan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, untuk mengatasi soal-soal sistem pengangkutan umum bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah yang diambil untuk menjalankan perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Langkah telah dijalankan, tetapi orang ramai juga. Kalau Yang Berhormat menunggu satu jam, bukan sahaja orang tua berjalan dahulu, yang muda pun hendak naik dahulu. Saya tidak boleh hendak mengajar tentang disiplin. Ini diajar di sekolah. Kita telah meminta kerjasama dengan Kementerian Pelajaran mengenai kempen keselamatan jalan raya. Tetapi saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat itu, semenjak saya jadi Menteri Pengangkutan selama sepuluh tahun setengah jadi Menteri Perhubungan, saya telah ikhtiarkan mengadakan bas sekolah, tidak banyakkah sekolah-sekolah itu mempunyai bas-bas sekolahnya sendiri? Sekarang saya telah adakan bas kerana mengangkut pekerja-pekerja dengan dikenakan 20% sahaja bayaran cukai, tidak ada juga orang menggunakan peluang-peluang ini.

Yang Berhormat itu hendaklah tolong bersama-sama dengan saya sebagai Wakil Rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun ada soalan-soalan untuk berdisiplin atau cara beratur naik bas, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini adakah dia mengakui; dia sudah gagal dan tidak boleh mengadakan satu sistem queue up yang berdisiplin?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita kena buat Peraturan dan Undang-undang (Rules and Regulations). Dalam hal ini pun di bawah Wilayah Kuala Lumpur, sesiapa yang hendak naik bas berebut-rebut adalah salah, akan didenda \$15 atau \$50. Selagi tidak ada undang-undang hendak dilaksanakan tentang cukup muatan barangkali susah. Hal ini saya setuju, kita akan adakan kuatkuasa undang-undang umpamanya, berludah atau hisap rokok, itu

ada kuatkuasa undang-undang; selagi tidak ada kuatkuasa undang-undang disiplin memang sudah hendak dilaksanakan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan sebagai satu jalan bagi mengatasi masalah ini, Pegawai Penguatkuasa atau Polis mengadakan ceramah satu minggu atau satu bulan bagi memasukkan semangat disiplin kepada penumpang-penumpang bas.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bas-bas di Taiping mengisi penompang-penompang terlalu ramai seperti sadin. Adakah Pegawai-pegawai Kementerian memeriksa bas itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengenai Taiping, saya minta notis.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan Kuala Lumpur, bukan Taiping, adakah Pegawai-pegawai Kerajaan memeriksa bas-bas yang mengisi penumpang terlampau penuh?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat ini faham dan tahu bahawa conductor bas itu tidak membenarkan naik lagi, sudah penuh, sudah sarat tidak boleh jalan rodanya. Bagaimana lagi pegawai saya hendak periksa; dilarang pun mereka naik juga. Perkara ini memanglah kita hendak buat undang-undang.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah pernah Menteri itu naik bas?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Ng Hoe Hun: Jikalau Menteri ada naik bas, beliau tahu kesusahan rakyat bagaimana hendak naik bas. Adakah Menteri biasa naik bas atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, dia bertanya pernahkah saya naik bas, hari-hari saya naik bas.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya ingin tahu adakah Kementerian mempunyai pegawai-pegawai khas memeriksa (examine) bas-bas yang membawa penumpang serupa sadin?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pegawai-pegawai telahpun diarah supaya mengikhtikarkan jangan sampai merbahaya orang naik ramai-ramai di dalam bas, kadang-kadang bas itu sarat sangat tidak boleh jalan—ada, tetapi kehendak orang ramai ini kita tidak boleh hendak menyekat, melainkan ada undang-undang. Soalan itu saya telah jawab tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Menteri menjawab soalan (c) mengatakan bahawa Kerajaan ada mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan umum, dan bukan pengangkutan sendiri untuk mengurangkan kesesakan dan sistem pengangkutan di negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini samada beliau sedar jikalau hendak menggalakkan orang ramai menggunakan sistem pengangkutan umum, tambang bas tidak dinaikkan, oleh kerana jikalau lebih mahal tambangnya tentulah tidak ada jalan untuk menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan umum. Dengan sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa tambang-tambang bas tidak akan dinaikkan untuk mengelakkan tujuan yang disebutkan dalam soalan (c) ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Naiknya tambang bas, itu soal lain. Kalau harga minyak telah naik, harga spare parts pun naik, kalau ada permohonan, kita akan timbangkan apabila sampai waktunya kelak.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu akan berlaku. Adakah tambang bas akan naik tidak lama lagi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu telah saya jawab tadi.

MINYAK PETROL PALSU— PENJUAL-PENJUAL

8. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa penjual-penjual minyak petrol menjual minyak petrol palsu yang dikatakan sebagai minyak petrol yang mengandungi octane tinggi dan samada Kerajaan telah cuba menyiasat sah tidaknya kandungan actane dalam minyak yang dijual itu, dan jika sudah, apakah hasilnya.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum lagi di bawa perhatian Kerajaan. Sehingga masa ini syarikat-syarikat, minyak yang bertanggungjawab membuat ujian-ujian di stesyen-stesyen minyak untuk memastikan supaya minyak yang dijual itu mengikut gred yang ditandakan. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat setengah-setengah penjual-penjual minyak yang tidak bertanggungjawab yang mungkin menjual minyak petrol campuran, Kementerian saya belum ada mendapat lapuran rasmi mengenai hal ini. Kami akan memberi sepenuh-penuh kerjasama untuk mengadakan penyiasatan yang segera, sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi lapuran yang tepat kepada Kementerian saya atas stesyen-stesyen minyak yang melakukan perkara yang tidak diingini itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan octane value yang sekarang ini dijual di Kuala Lumpur atau seluruh Malaysia apakah sebabnya Kementerian yang berkenaan tidak ada satu badan memeriksa petrol yang jual 97% high octane, atau 97% low octane?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya specification ini bukan specification Kerajaan. Ini commercial specification untuk memperbaiki mutu-mutu bagi cara melakukan barang masing-masing di dalam persaingan antara satu dengan lain. Tidak ada official specification mengenai octane value di dalam negeri ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Kerajaan Malaysia ada satu standard institute. Jikalau standard institute ada memeriksa barang-barang yang dijual kepada rakyat, apakah sebabnya octane value ini tidak diperiksa.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kalau Timbalan Menteri Perdagangan izinkan, saya rasa Standard Institute Malaysia ini sedang menjalankan banyak kerja, beratus-ratus standards yang lain dan specification yang lain. Soal octane ini bukan high priority yang banyak sangkutan dengan penghidupan rakyat hari-hari.

Tuan Ng Hoe Hun: Octane value sangat mustahak. Jikalau Tuan Yang di-Pertua bawa kereta, beli high octane petrol, dia beri low octane petrol dan jikalau Tuan Yang di-Pertua masuk gear, dia fail.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak pernah masuk gear apa-apa (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tidak mengerti apa sebabnya tidak memberi order kepada sesiapa pun yang ada kuasa memeriksa stesyen-stesyen minyak.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah itu soalan tambahan?

Tuan Ng Hoe Hun: Ya, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Ng Hoe Hun: Apakah sebabnya lain-lain Menteri tidak dipanggil untuk menolong memeriksa masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri sudah kata tadi, perkara ini bukan perkara yang priority, banyak lagi benda lain yang hendak dibuat.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di masa yang akan datang adakah Kementerian yang berkenaan akan mengadakan satu badan untuk memeriksa masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Masa akan datang?

Tuan Ng Hoe Hun: Yes, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Masa akan datang hypothetical, tidak tentu lagi apa akan jadi masa akan datang.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bukan masa akan datang. Adakah syarikat PETRONAS akan mengadakan satu badan seperti ini untuk memeriksa masalah octane value atau tidak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: PETRONAS tidak akan mengambil tindakan apa-apa, bukan ada tanggungjawab PETRONAS dalam hal ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Jikalau begitu, orang yang menjual petrol menipu rakyat sahaja. Betul atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Siapa tipu?

Tuan Ng Hoe Hun: Tipu macam ini (*Ketawa*). Kita minta 97% octane, dia beri 60% octane, itu maknanya tipu. Bolehkah Kementerian yang berkenaan allow such a situation to carry on?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, we have a mountain out of a mole-hill. Soal in soal yang mudah. Kalau kita tahu ada sebuah kompeni menipu kita, mengapa hendak membeli di sana lagi? Yang kedua, kalaulah ada berlaku perkara semacam ini orang yang lebih senang hendak mengambil tindakan supaya dapat menjagakan mutu productnya sendiri ialah syarikat minyak. Syarikat tidak mahu hendak menjatuhkan mutu minyaknya, takut kalah dalam persaingan dengan syarikat-syarikat minyak yang lain. Dia mesti mengambil tindakan kalau ada complaint.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mutu beras ada control, minyak tidak ada, apakah sebabnya?

Tuan Yang di-Pertua: Beras boleh dimakan, minyak tidak boleh dimakan. (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang akhir. Bolehkah Kementerian yang berkenaan menulis surat kepada syarikat Shell, Esso, B.P., Caltex meminta kerjasama dengan Kementerian yang berkenaan tentang octane value?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tidak payah diminta. Ini tugas mereka yang utama dalam menjalankan perniagaan yang paling baik.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Oleh kerana Dewan ini ialah Dewan yang mulia, baharu sekejap tadi saya mendengar Yang Berhormat Menteri mengatakan berdasarkan kepada soalan ini penjual minyak petrol menjual minyak petrol palsu. Yang Berhormat Menteri mengatakan dia belum sedar. Timbul soalan yang kedua, tidakkah perkara ini, kalau patut, diberi priority, maka Yang Berhormat Menteri menjawab tidak perlu diberi priority, kerana ada perkara-perkara lain yang patut diberi priority. Saya ingin

mendapat penjelasan perkara-perkara menjual barang-barang palsu seperti ini benarkah tidak perlu diberi priority? Dewan ini Dewan yang mulia, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat betul-betul memerhati apa yang telah dicakapkan tadi ialah priority susunan kerja Standard Institute untuk mengeluarkan satu specification Kerajaan, bukan mengenai soal tipu-menipu. Mengenai tipu-menipu, Undang-undang sudah ada dalam negeri ini. Ambil tindakan mahkamah, repot kepada Polis.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Atas soalan yang mula-mula ini, saya ingin tahu pada masa sekarang nampaknya Kementerian yang berkenaan percaya kepada kompeni-kompeni minyak, iaitu masing-masing Kompeni itu tidak menipu rakyat, tetapi tanggungjawab Kerajaan atas rakyat ini lain. Kompeni itu tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Adakah apa-apa rancangan untuk memeriksa dari semasa ke semasa di stesyen-stesyen petrol tentang quality minyak pada masa akan datang? Sekarang kita tolak tanggungjawab itu kepada kompeni. Kalau dia suka, dia periksa, jikalau dia tidak suka, dia tidak periksa. Kita cuma percaya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Tuan T. S. Gabriel: Adakah apa-apa rancangan pada masa akan datang iaitu Kerajaan kita mengadakan satu sistem dari semasa ke semasa memeriksa stesyen-stesyen minyak adakah mereka menjual minyak petrol campuran? Jangan kita beri tanggungjawab ini kepada kompeni-kompeni minyak sahaja. Kerajaan patut memeriksanya.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kita lihatlah soal perniagaan ini pada keseluruhannya. Kalau saya buat satu sekim hendak memeriksa tiap-tiap stesyen apa mutu dan rupa minyaknya, ini bererti Kerajaan tidak boleh menolak kalau orang kata Kerajaan mesti periksa tiap-tiap kedai—mengenai mutu kain, kacang putih, dan mutu gula. Ini mesti diperiksa. Kalau tidak diperiksa, kita tidak payah hendak adakan satu sekim, hendak adakan undang-undang hendak hentam di sini, hentam di situ dengan Government control. Hidup manusia tidak demikian, begitu ketat

dikawal oleh Kerajaan. Kita ini bersistem demokrasi. Ada cukup check dan balance dalam bentuk perniagaan manusia yang boleh menjamin pada keseluruhannya satu amalan yang cukup baik dalam perniagaan. Kalau perkara ini berjalan begitu baik tidak payah kita campurtangan. Kalau sekiranya dalam Malaysia ini soal penipuan mutu minyak menjadi soal yang besar sekali, baharulah kita masuk campurtangan. Tidak baik bagi kita masuk campurtangan dalam semua perniagaan manusia dalam negeri ini.

PARTI-PARTI POLITIK PERKAUMAN

9. Tuan Chan Yoon Onn (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan samada Kementeriannya akan memansuhkan semua parti politik yang bercorak perkauman oleh kerana parti-parti ini merupakan halangan yang nyata dalam usaha membina negara Malaysia yang bersatu.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat mempunyai dua bahagian. Bahagian yang pertama menyoal samada Kementerian saya bercadang hendak memansuhkan semua parti-parti politik yang bercorak perkauman. Dalam bahagian kedua, Ahli Yang Berhormat membuat anggapan-anggapan tertentu tentang mengapa parti-parti politik yang bercorak perkauman harus dimansuhkan, iaitu, parti-parti tersebut nyata menjadi halangan ke arah pembinaan negara Malaysia yang bersatu-padu.

Izinkan saya menjawab kepada soalan bahagian yang pertama dahulu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pertubuhan yang telah diluluskan oleh Parlimen menerangkan sifat-sifat pertubuhan-pertubuhan yang boleh ditubuh. Di bawah Akta ini tidak ada larangan ke atas rakyat negara ini untuk menubuhkan persatuan-persatuan atau parti-parti yang bercorak perkauman. Pihak yang berkuasa mengenai perkara ini ialah Pendaftar Pertubuhan dan beliau adalah bertanggungjawab kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, soal memansuhkan parti-parti politik yang bercorak perkauman tidak berbangkit sama sekali.

Mengenai soalan bahagian yang kedua, saya tidak bersetuju dengan anggapan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa

dengan adanya parti-parti politik berdasarkan kepada keturunan kaum akan, dengan sendirinya, menyebabkan perpecahan di kalangan rakyat.

Kita tidaklah seharusnya memandangkan akan perkembangan parti-parti politik yang bercorak perkauman dalam negara ini dengan pandangan yang sempit—sekiranya apa Ahli Yang Berhormat maksudkan sebagai parti-parti politik bercorak perkauman ialah bahagian-bahagian yang terdapat dalam Parti Perikatan iaitu, UMNO, M.C.A., dan M.I.C. Saya yakin Ahli Yang Berhormat sendiri tahu akan sejarah yang menyebabkan wujudnya tiga buah parti ini dan juga pembentukan Perikatan, dan kenyataan bahawa percantuman ketiga-tiga parti inilah yang telah melahirkan satu barisan bersatu yang membolehkan kita mencapai kemerdekaan. Tindakan itu adalah satu langkah yang progresif dan bermakna walaupun parti-parti ini berasaskan kepada keturunan kaum, tetapi dengan usaha bersama dan bekerjasama mereka dapat mencapai matlamat-matlamat negara.

Sekiranya pada masa itu tidak ada percantuman antara ketiga-tiga buah parti ini mungkin kita tidak ada Kemerdekaan dan juga kemajuan Negara. Pembentukan Barisan Nasional adalah satu langkah lanjutan kepada konsep bekerjasama ke arah perpaduan yang lebih luas di kalangan rakyat.

Barisan Nasional akan memberi asas yang lebih luas kepada parti-parti politik yang berkenaan untuk bekerjasama demi kepentingan negara. Kerajaan telahpun memberi jaminan untuk mewujudkan satu masyarakat adil bagi semua rakyat Malaysia. Pada pendapat saya yang menjadi halangan bukanlah kerana adanya parti-parti politik yang bercorak perkauman, tetapi samada parti-parti politik dalam negeri ini boleh mengelakkan diri daripada politik untuk kepentingan satu-satu kaum sahaja dan tidak menyalurkan tenaga mereka untuk bekerjasama ke arah usaha-usaha positif membina sebuah Negara Malaysia yang bersatu-padu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Perpaduan Negara memikirkan dapat membentuk satu masyarakat adil dengan tidak mengira perkauman dan berbilang bangsa, jika sesuatu bangsa itu dibenar mendirikan

sesuatu bangunan atau sesuatu bentuk dalam negara ini membentuk kebudayaan negaranya.

Dalam suratkhbar empat hari yang lepas ada menyatakan bahawa kaum China di negeri Perak akan membangunkan sebuah pintu gerbang yang kekal yang berharga di antara \$15,000-\$20,000 di simpang Jalan Tambun dengan Hugh Low Street di hadapan rumah Menteri Besar, sebuah pintu gerbang yang berbentuk kebudayaan China. Dengan cara yang demikian, adakah dapat perpaduan negara dijalankan mengikut asas yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika tiap-tiap orang boleh membanggakan kebudayaan negerinya di dalam negeri ini yang hendak menyatukan semua bangsa Malaysia.

Tun V. T. Sambanthan: Jawapan saya tadi sudah cukup terang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri dalam jawapannya tadi nampaknya membuat satu propaganda statement dan bukan jawapan mengenai parti-parti politik, tetapi mengenai parti-parti Perikatan dan National Front dan daripada propaganda statement itu ada banyak sebut National Front. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa National Front sebenarnya ialah satu National Fraud? (Disampuk) Oleh kerana dasarnya tidak berbedza, dan semua parti-parti Pembangkang dahulu yang masuk semuanya surrender dasar mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau Ahli Yang Berhormat itu bijak-pandai mengatakan National Front itu National Fraud, saya suka ditarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Itu pandangan saya

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pandangan sendiri tidak boleh dikeluarkan dalam Dewan ini!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu satu parti saya percaya, dan saya rasa itu satu National Fraud.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tidak mahu tarik balik? Saya mengarahkan ditarik balik, sebab saya sebagai Yang di-Pertua Dewan ini ada berhak mengatakan perkataan itu perkataan biadap!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membuat apa perkataan mengenai orang persendirian, dan oleh kerana itu saya rasa itu satu pandangan saya, dan saya berhak membuat pandangan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, tidak mahu tarik balik?

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa, saya tidak melanggar apa-apa Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak mahu tarik balik, saya gantung Ahli itu, tidak boleh disifatkan ada dalam Dewan ini lagi (Tepuk).

LAPANGAN TERBANG IPOH

10. Tuan Chan Yoon Onn minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(a) samada beliau sedar yang landasan terbang Lapangan Terbang Ipoh tidak sesuai bagi:

- (i) pendaratan kapal-kapal terbang antarabangsa yang besar dan;
- (ii) pendaratan malam disebabkan oleh sebuah gunung yang ada berhampirannya;

(b) jika ada, adakah beliau akan menimbangkan perancangan masa depan sebuah lapangan terbang yang moden untuk menggantikan lapangan terbang yang ada sekarang; dan

(c) sekiranya beliau tidak sedar, adakah beliau akan menimbangkan satu rancangan atau projek pembangunan baru untuk sebuah tapakbina lapangan terbang baru di Ipoh supaya:

- (i) dapat menyenangkan kemudahan perjalanan udara;
- (ii) jalan dari lapangan terbang ke bandar akan disingkatkan dan dibuat lebih senang lagi;
- (iii) hasil masa depan diperolehi dari perlombongan bijih timah di atas lapangan terbang sekarang akan bertambah banyak lagi sekiranya diberi peluang melombong;
- (iv) tanah di atas tapak sekarang disediakan untuk pembangunan rumah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, di dalam kontek Kajian Jangka Panjang mengenai Lapangan terbang di Malaysia telah dicadangkan oleh perunding-perunding antarabangsa yang membuat kajian satu tapak lapangan terbang yang baru untuk bandar Ipoh. Satu kajian yang mendalam terutama mengenai kekerapan trafik atau frequency of the traffic belanja-belanja mengenainya dan perkara-perkara bersangkutan dengan teknik mestilah terlebih dahulu dibuat sebelum keputusan untuk lapangan terbang Ipoh yang baru itu diambil tindakan.

Tuan Chan Yoon Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan beritahu bila lapangan-terbang (aerodrome) moden di Ipoh akan dibuat dan bila akan siap?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bagi pengetahuan Yang Berhormat saya sendiri telah terbang dengan pakar saya menengok tapak, tetapi kita baru tengok tapak, belum sampai kepada technical investigation, ini tentu memakan masa sekurang-kurang satu dua tahun untuk investigation.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan memberi jawapan kepada saya, mengapakah kemajuan negeri Perak tentang lapangan-terbang ini ketinggalan daripada negeri lain, kalau hendak dibina pun terkemudian sangat, apakah sebabnya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat pernah naik kapalterbang, kalau pernah, dia tahulah, sebab dari Ipoh kalau naik kereta ke Kuala Lumpur memakan masa dua jam. Orang yang naik kapal-terbang tiap-tiap hari belum ramai. Oleh sebab itu, kita ada planning, kita tidak tinggalkan Ipoh, kita akan majukan juga.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya biasa naik kapalterbang. Beliau tanya pernahkah? Saya jawab pernah. Baru-baru ini saya naik kapalterbang pergi Kota Kinabalu, Brunei dan saya pergi Sarawak. Padang kapalterbang Miri itu berjuta ringgit hendak dibina pada hal tidak berapa besar sangat bandarnya. Negeri Perak, Ipoh lebih besar, tetapi mengapa di sana didahulukan, dan negeri saya ditinggalkan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat itu kalau sudah pergi ke Miri tentu tahu—Miri is the land of the black gold—sumber minyak di situ. Syarikat dari dunia luar semua sekali datang ke situ. Perhubungan dalam negeri Sarawak ini menerusi kapalterbang, tidak seperti di sini kita ada banyak jalan: ada jalan kiri, jalan kanan, jalan tengah, jalan bawah dan jalan atas (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Tidakkah Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengetahui dan adakah beliau pernah pergi ke Ipoh? Di Ipoh banyak hasil bijih timah, kelapa kering, getah, kalau dibandingkan dengan Miri, tetapi ditinggalkan tempat saya. Mengapa cuai sangat?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang Ipoh itu telah ada lebih dahulu daripada Lapanganterbang Miri dan lain-lain di Negeri Sarawak. Yang Berhormat itu berkehendakkan International Airport. Dalam negara seperti Malaysia ini tidak mampu hendak mengadakan tiga, empat, lima International Airport. Di Pulau Pinang kita hendak menambah lagi airport antarabangsa yang makan belanja sebanyak \$70 million. Di sebelah Selatan di Sinai, Johor telah dibina sebanyak \$32 million. Jadi di tempat yang lebih dekat dengan Fokker Friendship sudah cukup, ada lapangan terbang di sana dan boleh naik kapalterbang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 61 adalah diberi di bawah ini).

DOKTOR KE PULAU PANGKOR— LAWATAN

11. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa lawatan hanya sekali seminggu oleh seorang doktor dari Lumut ke Pusat Kesihatan Kecil di Pulau Pangkor adalah tidak mencukupi dan jika ya, samada beliau akan mengeluarkan satu arahan segera untuk menambah bilangan lawatan doktor itu kepada sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tindakan sudahpun dibuat supaya seorang doktor melawat Pulau Pangkor tiga kali dalam seminggu dari Hospital Daerah, Lumut.

PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN

12. Dr Tan Chee Kboon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak penuntut-penuntut tidak puashati oleh kerana mereka dipaksa belajar di dalam aliran sains bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan; jika ya, nyatakan samada beliau akan mengkaji perkara ini supaya penuntut yang bukan daripada aliran sains tidak dipaksa belajar di dalam aliran sains.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yacob): Semua penuntut-penuntut yang mengikuti jurusan sains di Tingkatan VI memiliki kelulusan untuk mengikuti jurusan tersebut. Oleh yang demikian, tidaklah benar jika dikatakan bahawa penuntut-penuntut yang bukan daripada jurusan sains telah dipaksa belajar di dalam jurusan berkenaan. Walaupun demikian, ada terdapat penuntut-penuntut dari jurusan sains yang berkecayaan juga untuk ditempatkan ke dalam jurusan sastera. Bagi mereka ini, permohonan untuk menukar jurusan adalah diberi pertimbangan.

RUMAH—MELINDUNG PEMBELI DARI TERANIAYA

13. Tuan Tiah Eng Bee minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada Kementerian beliau akan mengambil tindakan untuk melindungi pembeli-pembeli rumah yang teraniaya daripada pembina-pembina yang tidak bertanggungjawab yang menjual rumah-rumah yang dibina di atas tapak yang belum dibahagi-bahagikan kerana ini telah mengakibatkan pembeli-pembeli rumah tiada dibekalkan dengan meter air yang berasingan dan bekalan letrik kepada rumah-rumah mereka.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhorinat bahawa mengikut Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970

tiada apa pun permit iklan boleh dikeluarkan bagi sesuatu kemajuan perumahan yang mengenainya:

(a) pemaju perumahan berlesen itu bukan tuannya tanah di atas mana kemajuan perumahan itu dicadang hendak dijalankan:

Dengan syarat bahawa peruntukan ini tidak akan dipakai jika tuannya tanah itu telah membuat perjanjian dengan pemaju perumahan berlesen itu yang bernaksud bahawa:

(i) tuannya bersetuju tentang penjualan tanah itu bagi maksud kemajuan perumahan yang berkenaan itu; dan

(ii) tuannya bersetuju patuh kepada peruntukan-peruntukan Kaedah 11 Kaedah-kaedah ini;

(b) tanah di mana kemajuan perumahan itu hendak dijalankan adalah dicagarkan bagi sejumlah wang yang lebih daripada lima puluh peratus termasuk faedah tahunan mengikut nilai pasar bagi tanah itu dan cagaran itu adalah kepada mana-mana orang, kumpulan orang, syarikat, firma atau persatuan lain daripada suatu bank yang mempunyai lesen yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 3 Ordinan Bank, 1958;

(c) pemaju perumahan berlesen itu belum lagi mendapat kelulusan bertulis dari Pihak Berkuasa yang Berkenaan dengan pelan susunan bagi kemajuan perumahan yang dicadangkan itu; dan

(d) pemaju perumahan berlesen itu belum lagi memohon dengan bertulis kepada Pesuruhjaya Negeri atau Pemungut Hasil Tanah di bawah Seksyen 137 Kanun Tanah Negara untuk memecah sempadan tanah di mana kemajuan perumahan itu hendak dijalankan.

Daripada syarat-syarat di atas adalah jelas bahawa permit iklan tidak akan dikeluarkan bagi sesuatu kemajuan perumahan kecuali pelan susunan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa yang Berkenaan dan juga pecahan sempadan tanah diluluskan atau sekurang-kurangnya dipohon dengan bertulis di bawah Seksyen 137 Kanun Tanah Negara. Ini akan menentukan supaya pembeli-pembeli boleh mendapat lot-lot berasingan.

Soalan Ahli Yang Berhormat terlalu umum. Bagaimanapun, jika beliau boleh memberi butir-butir lanjut berkenaan dengan kes-kes yang tertentu, Kementerian ini akan menyiasat perkara ini.

TABUNG AMANAH BUMIPUTRA

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan bagaimana Tabung Amanah Bumiputra akan menjalankan usahanya membeli saham-saham untuk orang Melayu dan apa kemajuannya setakat ini.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tabung Amanah Bumiputra adalah ditubuhkan untuk membeli saham-saham di dalam syarikat-syarikat "viable" yang dikhaskan kepada Bumiputra yang belum lagi dibeli oleh mereka. Saham-saham tersebut yang mana pembelannya adalah dengan menggunakan wang yang diberi oleh Kerajaan akan dijualkan semula kepada Bumiputra-bumiputra apabila saham-saham syarikat itu sudah membawa keuntungan.

Pembelian dan penjualan semula saham itu akan dijalankan oleh satu badan pelabur yang akan dilantik oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan urusan sehari-hari tabung ini akan dijalankan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya.

Pada masa ini Tabung Amanah Bumiputra ini masih dalam proses pembentukan dan belum lagi menjalankan aktiviti. Walau bagaimanapun, ianya dijangka akan dapat memulakan khidmatnya kepada Bumiputra sebaik sahaja peruntukan kewangan didapati.

KELAS TINGKATAN ENAM DI TAPAH

15. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa di Tapah dan di seluruh daerah Batang Padang tidak ada satu pun kelas Tingkatan Enam, jika ya, adakah Kementerian beliau akan menimbang mengadakan satu kelas Tingkatan Enam pada tahun 1975, oleh kerana ramai penuntut yang layak menyambung pelajaran mereka ke Tingkatan Enam terpaksa keluar dari Tapah ke tempat-tempat lain yang jauh.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Ya, saya sedar. Murid-murid dari kawasan Tapah yang layak memasuki Tingkatan Enam pada masa ini dihantar ke sekolah-sekolah menengah yang terkenal dan mempunyai kelengkapan yang cukup di Ipoh/Telok Anson/Sitiawan.

Walaupun bagaimanapun, kalau bilangan murid yang layak memasuki ke Tingkatan Enam cukup besar untuk mengadakan kelas Tingkatan Enam dan jika terdapat kemudahan serta guru terlatih yang cukup bilangannya di Tapah, maka Kementerian Pelajaran akan memberi pertimbangan mengadakan kelas Tingkatan Enam itu pada masa akan datang.

HOSPITAL DAERAH TELUK ANSON—PAKAR PERUBATAN

16. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan bila pakar-pakar perubatan dan doktor-doktor pembedah akan dihantar ke Hospital Teluk Anson.

Tan Sri Lee Siok Yew: Seorang Pakar Bedah dan seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan sudah ada di Hospital Daerah Teluk Anson. Seorang Pakar Perubatan akan dihantar sebaik-baik sahaja seorang Pakar Perubatan ada didapati.

BAHASA INGGERIS MATAPELAJARAN WAJIB DI SEKOLAH-SEKOLAH

17. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah Kementerian beliau mengutamakan pelajaran Bahasa Inggeris di Malaysia mengikut kenyataan yang beliau buat pada awal tahun ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Bahasa Inggeris telah dijadikan satu mata pelajaran wajib di semua sekolah menengah dan rendah. Sukatan pelajaran Bahasa Inggeris untuk sekolah menengah dan rendah telah disemak semula supaya sesuai dengan dasar menjadikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa yang kedua.

Yunit Bahasa di Kementerian saya sentiasa mengkaji kaedah-kaedah mengajar Bahasa Inggeris secara berkesan di sekolah-sekolah di samping juga menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan.

Guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah telah diberi latihan dalam cara-cara moden mengajar Bahasa Inggeris. Demikian juga pegawai-pegawai penting akan dilatih dan ditempatkan di daerah atau negeri yang tertentu untuk mengelola serta memberi nasihat tentang pengajaran Bahasa Inggeris.

JAMBATAN DARI PULAU PINANG— SEBERANG PRAI

18. Tuan V. Veerappen minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi membina jambatan dari Pulau Pinang ke Seberang Prai.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kerja-kerja binaan jambatan akan dimulai pada tahun 1977 dan dijangka akan mengambil masa selama lima tahun.

Pada masa ini peringkat kedua dalam Kajian Kemungkinan jambatan ini sedang dijalankan oleh Jurutera Perunding dan dijangka akan siap pada bulan September, tahun ini. Penyiasatan ke atas tanah bagi pembinaan "Interchange" di sebelah Pulau Pinang telah siap. Sementara itu tindakan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengistiharkan tanah-tanah yang dikehendaki untuk projek ini di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah.

KAYU-KAYAN UNTUK EKSPOT

19. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tentang banyaknya kayu-kayan untuk diekspot terbengkalai di Pelabuhan Kelang sekarang ini oleh kerana kekurangan kapal-kapal terutama sekali dari negara-negara barat, dan jika ya, samada Kementerian beliau bercadang untuk mengatasi masalah ini untuk mengelakkan kerugian hasil kepada negara kita.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Ya, Kementerian saya sedar bahawa ada kalanya kayu-kayan untuk diekspot berlonggok di jeti-jeti persendirian berdekatan dengan Pelabuhan Kelang kerana menunggu kedatangan kapal-kapal untuk

membawa kayu-kayan tersebut ke negeri-negeri pembeli. Barang dimaklum bahawa pada masa ini pengeksport kayu-kayan adalah dikelolakan oleh 18 jeti-jeti persendirian dan bukan oleh Pelabuhan Kelang. Kayu-kayan tersebut disimpan di pengkalan jeti-jeti tersebut dan tidak di Pelabuhan Kelang semasa menunggu kedatangan kapal-kapal yang membawa kayu-kayan ke negeri-negeri pembeli.

Berhubung dengan kekurangan kapal untuk membawa kayu-kayan ini ke luar negeri, ini adalah satu soalan yang rumit dan Kementerian saya tidak dapat membuat apa-apa oleh kerana ini ada perhubungan dengan perniagaan dunia seluruhnya. Jika sekiranya tuan-tuan punya kapal tersebut memberi keutamaan untuk membawa barang-barang lain dan tidak kayu-kayan oleh kerana kayu-kayan adalah dianggap sebagai satu barang dagangan yang tidak kemas dan memakan ruangan kapal yang banyak dengan harga tambangnya pula murah maka Kerajaan tidak boleh memaksa tuan-tuan punya kapal untuk membawa kayu-kayan tersebut. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan pengeksport berbincang secara perniagaan dengan agensi-agensi perkapalan dan juga wakil-wakil Syarikat Perkapalan. Perbincangan-perbincangan seperti ini adalah dipercayai sentiasa sahaja diawasi oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

BAJA—KEKURANGAN BEKALAN

20. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa bekalan-bekalan baja untuk petani-petani luar bandar boleh didapati dengan murah dan mudah khasnya di Sarawak.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Kekurangan bekalan baja telah menyebabkan harga bahan itu naik di serata dunia kerana krisis bahan petroleum berikutan dengan peperangan yang berlaku di Asia Barat. Negara-negara pengilangan baja kekurangan bahan mentah untuk kilangnya dan harganya pun adalah lebih mahal daripada sebelum kawalan pengeluaran minyak. Seluruh dunia mengalami kekurangan bekalan baja bukan sahaja baja dari jenis yang berasaskan bahan keluaran petroleum

tetapi juga lain-lain jenis baja oleh kerana permintaan yang berlebihan dari negara-negara pertanian.

Kerajaan sedar natijah kekurangan baja ke atas pengeluaran hasil-hasil pertanian lebih-lebih lagi terhadap hasil tanaman padi yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan negeri ini mengeluarkan beras untuk keperluan Malaysia seluruhnya. Kerajaan telah meletakkan tanggungjawab bagi memperoleh bekalan baja urea yang diperlukan bagi tanaman padi kepada Kementerian saya. Setok baja urea sedang ditubuhkan untuk rancangan subsidi baja urea yang akan dilancarkan mulai dari tanaman luar musim tahun ini yang akan mengambil tempat dalam bulan ini atau bulan hadapan. Persediaan-persediaan pentadbiran sekim telah disusun untuk menjamin pengedaran baja urea kepada penanam-penanam padi di negeri ini seluruhnya. Penanam-penanam padi hanya akan membeli baja dengan harga \$10.00 satu kampil mengandungi 44lb urea di bawah sekim ini.

Kerajaan juga menyedari kekurangan baja kimia yang lain termasuk baja compound. Kerajaan telah menggesa pengilang baja tempatan supaya berikhtiar bersungguh-sungguh supaya mengeluarkan baja kimia dan baja compound seperti biasa juga dan jikalau boleh menambah lagi pengeluarannya. Kita faham bahawa kejayaannya ini bergantunglah kepada bekalan bahan-bahan mentah yang diperlukan. Sebuah Syarikat Pengilang baja kimia usaha bersama oleh beberapa syarikat tempatan telah menubuh kilang yang dilaporkan akan memulakan pengeluaran dalam tempoh 2 tahun. Saya berharap syarikat-syarikat kilang baja ini akan dapat memperoleh bahan-bahan mentah untuk kilangnya supaya pengeluaran baja di negeri ini sendiri bertambah.

Saya suka mengingatkan walau bagaimanapun, bahawa harga baja tidak dapat diturunkan kepada harga sebelum berlaku krisis minyak yang saya nyatakan tadi. Saya telah mengarahkan Jabatan Pertanian supaya memperoleh bekalan-bekalan yang ada di negeri ini dari ejen-ejen dan pengimpot biasa menurut harga pasaran sekarang. Persetujuan telah diperolehi dari Perbendaharaan untuk menggantungkan untuk sementara ini sistem pembelian dengan cara tender.

PERKHIDMATAN DOKTOR TERBANG (FLYING DOCTORS)

21. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menyatakan sambutan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak terhadap perkhidmatan doktor terbang (flying doctors) dan samada beliau bercadang mengadakan rancangan kemudahan-kemudahan kesihatan yang lebih pesat di kawasan-kawasan luar bandar pada masa yang akan datang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Sambutan yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk di Sarawak terhadap Perkhidmatan Doktor Terbang (Flying Doctor Service) sangat menggalakkan. Sejak tertubuhnya perkhidmatan ini dalam bulan Oktober tahun lalu, seramai 1,427 pesakit-pesakit telah dirawat oleh doktor-doktor semasa mereka membuat lawatan-lawatan. Pesakit-pesakit yang telah ditemui oleh doktor-doktor ini puklurata seramai 100 orang tiap-tiap lawatan. Kementerian saya sedang berusaha untuk menjadikan perkhidmatan ini sebagai satu perkhidmatan tetap dan meluaskan liputannya.

Pada masa ini juga Jabatan Perubatan Sarawak sedang mengaturkan lawatan doktor-doktor ke kelinik-klinik di semua dispensari-dispensari atau lain-lain tempat kemudahan kesihatan yang boleh dilawati dengan menggunakan cara pengangkutan yang lain.

PERUSAHAAN-PERUSAHAAN DI KAWASAN DESA

22. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalak penubuhan perusahaan-perusahaan di kawasan desa menurut matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk memperindstrikan kawasan-kawasan desa di bawah Rancangan Malaysia Kedua, khasnya di Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Mengikut objektif Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah mengiatkan usahanya untuk menyebarkan projek-projek perusahaan ke kawasan-kawasan kurang maju dan telah mengambil beberapa langkah untuk mencapai matlamat ini.

Di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968, Kerajaan telah mengistiharkan kawasan-kawasan kurang maju, antaranya Negeri Sarawak, sebagai "Kawasan Pembangunan" di mana sesebuah syarikat boleh mendapat satu tahun tambahan bagi kelepasan cukai di bawah taraf perintis atau 5% tambahan keredit cukai jika syarikat itu mendapat galakan keredit cukai pelaburan. Ini adalah untuk menggalakkan penubuhan perusahaan perindustrian di kawasan desa.

Kerajaan telah mengistiharkan satu galakan baru, iaitu Galakan Tempatan untuk mendorong penubuhan projek-projek perindustrian di kawasan-kawasan yang ditentukan. Kawasan-kawasan yang akan ditentukan itu ialah kawasan-kawasan desa atau kawasan-kawasan kurang maju termasuk Sarawak.

Tambahan lagi, dalam meluluskan projek-projek perindustrian, pertimbangan yang lebih mudah telah diberikan kepada projek-projek yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Tambahan pula, Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan asas susunan yang baik di kawasan-kawasan desa untuk menarik lebih banyak perusahaan didirikan di kawasan-kawasan ini. Kerajaan Negeri juga telah memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan kurang maju apabila merancang tapak-tapak kawasan perindustrian yang baru.

Kejayaan setakat ini sangatlah memuaskan. Dalam tahun 1971, cuma 131 atau 43.1% projek-projek yang diluluskan akan ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Dalam tahun 1972, perangkaan ini bertambah menjadi 186 atau 52.4%. Dalam tahun lalu, 277 atau 58.6% dari bilangan projek yang diluluskan akan ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Dalam jangkamasa ini, daripada jumlah projek-projek yang diluluskan bagi kawasan-kawasan kurang maju, 44 akan ditempatkan di Sarawak.

JALAN BUNGSOL/PANDARUAN

23. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) mengapa peruntukan sebanyak \$600,000 bagi Jalan Bungsol/Pandaruan yang telah diluluskan dalam

Rancangan Malaysia Yang Pertama itu ditarik balik; dan

- (b) kenapa tidak dapat dimasukkan peruntukan itu dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Pembinaan Jalan Bungsol/Pandaruan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Pertama telah ditunda dan tidak dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua oleh kerana terdapat keutamaan-keutamaan yang lebih penting bagi pembinaan jalanraya-jalanraya di tempat-tempat lain di negeri itu di samping peruntukan yang terhad.

BOT AMBULAN BAGI PULAU PANGKOR

24. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa bot ambulan yang ada sekarang di Pulau Pangkor adalah tidak berupaya berjalan laju untuk membawa pesakit-pesakit dalam keadaan cemas ke Hospital Lumut, dan jika ya, samada langkah-langkah segera akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menggantikan bot yang ada sekarang dengan bot baru demi untuk kepentingan nelayan-nelayan di sana.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ya, dan Kementerian saya telah mengambil tindakan pertama untuk memanggil tawaran-tawaran bagi pembekalan sebuah bot ambulan yang laju bagi Pulau Pangkor.

GURU-GURU DILATIH DALAM BAHASA MALAYSIA

25. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada guru-guru yang fasih di dalam Bahasa Malaysia dihantar ke Kota Bharu untuk dilatih selama tiga bulan di dalam Asas Bahasa Malaysia; jika ya, nyatakan samada beliau boleh kecualikan guru-guru ini dari menghadiri kursus ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Ya, memang benar guru-guru yang fasih di dalam Bahasa Malaysia dihantar ke Kota Bharu tetapi bukanlah untuk dilatih selama tiga bulan dalam Asas Bahasa Malaysia. Mereka itu dihantar untuk dilatih mengguna

Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Guru-guru itu diuji dan mereka yang diakui layak oleh pensyarah-pensyarah bolehlah dikecualikan daripada mengikuti kursus selama tiga bulan.

DEMAM DENGGI HAEMORRHAGIC

26. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kesihatan :

- (a) berapa jumlah mereka yang mati disebabkan oleh demam denggi dalam tahun 1974;
- (b) berapa jumlah pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital kerana mengidap demam denggi;
- (c) punca-punca yang menyebabkan demam denggi;
- (d) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melawan demam denggi; dan
- (e) adakah benar demam denggi ini disebabkan oleh kecuaian Jabatan Kesihatan.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Bilangan orang yang telah meninggal dunia mengidap penyakit demam denggi haemorrhagic dari 1hb Januari hingga 1hb Julai, 1974 ialah 71.
- (b) Bilangan pesakit yang masuk ke hospital mengidap demam denggi haemorrhagic dari 1hb Januari hingga 27hb Jun, 1974 ialah 1,124.
- (c) Demam denggi dan demam denggi haemorrhagic adalah disebabkan oleh Vairas denggi.
- (d) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membasmi demam denggi haemorrhagic boleh dibahagi-bahagikan kepada langkah-langkah jangka pendek dan panjang:
 - (A) *Langkah-langkah Jangka Pendek*
 - (i) Memasukkan semua kes demam denggi haemorrhagic ke hospital untuk rawatan.
 - (ii) Pemberitahu awal semua kes yang sudah ditentukan kepada pihak berkuasa kesihatan.
 - (iii) Penyemburan ubat serangga menggunakan swing-fogging, atau lain-lain cara membunuh nyamuk Aedes yang membawa penyakit.

(iv) Penghapusan semua tempat-tempat membiak nyamuk Aedes dengan pemeriksaan dari rumah ke rumah.

(v) Pelajaran Kesihatan dan publisiti di atas semua langkah yang boleh diambil oleh rakyat biasa berhubung dengan demam denggi haemorrhagic.

(B) *Langkah-langkah Jangka Panjang*

- (i) Memberikan Pelajaran Kesihatan kepada orang yang bertanggungjawab kepada pengawalan pembiakan nyamuk Aedes di dalam rumah dan kawasan rumah mereka sendiri.
 - (ii) Memperbaiki kebersihan asas.
 - (iii) Kajian atau survey dibuat bagi menentukan setakat mana nyamuk aedes membiak di semua bandar di negara ini.
 - (iv) Langkah-langkah kawalan khas dijalankan di semua kawasan-kawasan di mana kejadian penyakit demam denggi haemorrhagic telah berlaku sebelumnya atau di mana didapati high aedes index, dengan menggunakan pasukan kesihatan terlatih.
 - (v) Menguatkuasakan undang-undang terhadap pembiakan nyamuk di premis-premis.
- (e) Demam denggi dan haemorrhagic adalah disebabkan Vairas Denggi yang dibawa oleh nyamuk di dalam rumah, nyamuk aedes. Oleh kerana lebih 90% tempat-tempat membiak nyamuk ini didapati di dalam rumah, tanggungjawab utama kerana berlakunya demam denggi haemorrhagic terletak kepada penghuni-penghuni rumah yang membiarkan nyamuk-nyamuk ini membiak di dalam dan di kawasan rumah mereka.

RUMAH PANGSA UNTUK ATTENDAN HOSPITAL

27. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kesihatan bolehkah Kerajaan mempertimbangkan pembinaan tempat tinggal baharu untuk kakitangan di Hospital Besar Pulau Pinang dengan kelengkapan kesihatan yang moden dan udara yang cukup sihat.

Tan Sri Lee Sioh Yew: Suatu peruntukan sebanyak \$2.1 juta telah diuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi rumah-rumah pangsa untuk atendan Kerja-kerja perancangan sedang giat dijalankan sekarang dan dijangka kerja-kerja pelaksanaannya akan dimulakan dalam tahun 1975.

LAWATAN KE KAMPUNG BARU— URUSAN RASMI MENTERI

28. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan samada lawatan beliau ke kampung-kampung Machang Bubok, Berapit dan Juru pada 15hb Jun, 1974 itu atas urusan Kerajaan atau sebagai seorang ahli politik dan sekiranya lawatan beliau itu atas urusan Kerajaan, menyatakan:

- (a) mengapakah semua persediaan bagi lawatan tersebut dibuat oleh seorang ahli Pemuda M.C.A. dan tidak oleh Pegawai Daerah Bukit Mertajam;
- (b) di bawah undang-undang atau perintah apakah yang membolehkan seseorang ahli Pemuda M.C.A. itu mengeluarkan arahan kepada Pegawai Daerah itu; dan
- (c) sebab-sebab beliau tidak melawat kampung-kampung lain seperti Sungei Lembu dan Permatang Tinggi walaupun kampung-kampung ini memerlukan bantuan dari Kerajaan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon): Sebagai seorang Menteri yang menyelaraskan kampung-kampung baru, adalah tugas saya bagi melawat kampung-kampung baru atas Urusan Kerajaan.

- (a) Persediaan bagi lawatan saya ke Kampung-kampung Baru Machang Bubok, Berapit dan Juru pada 15hb Jun, 1974 telah diatur oleh Pegawai Daerah dan tidak oleh Pemuda M.C.A. sebagai yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (b) Pertanyaan itu tidak timbul kerana lawatan berkenaan telah diaturkan oleh Pegawai Daerah dan bukan Pemuda M.C.A.
- (c) Di seluruh negara ini ada 400 lebih buah kampung baru, dan adalah mustahil bagi saya melawat ke semua

kampung-kampung baru itu dalam masa yang sesingkat. Tetapi Kementerian saya sedang berusaha sedaya-upaya untuk menyelaraskan dengan setiap agensi Kerajaan dan Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan kemajuan kampung-kampung baru, dan menentukan supaya penduduk-penduduk kampung-kampung baru mendapat kemudahan-kemudahan yang sewajarnya.

KAMPUNG WELLESLEY

29. Tuan V. Veerappen minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru menyatakan bila dan apakah langkah-langkah jika ada yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengambil alih Kampung Bharu Wellesley, Seberang Prai untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi penduduk-penduduk di sana.

Datuk Lee San Choon: Kampung Wellesley adalah sebuah kawasan perkumpulan semula (regrouping area). Kawasan ini adalah di atas sebidang tanah yang dipunyai oleh orang perseorangan yang memungut sewa tanah daripada penduduk-penduduk kawasan tersebut.

Oleh yang demikian sebelum apa-apa bantuan perlu yang disalurkan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini, soal tanah perlu diselesaikan dahulu. Saya difahamkan bahawa satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah dilantik untuk mengkaji soalan ini. Kerajaan Negeri sedang menimbangkan laporan Jawatankuasa Khas ini dan tindakan yang sesuai akan diambil apabila Kerajaan Negeri telah meneliti keputusan laporan tersebut.

JURUTERBANG MAS— KERJA IKUT PERATURAN

30. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa juruterbang-juruterbang MAS pada masa sekarang menjalankan "kerja mengikut peraturan" yang menyebabkan kelambatan dalam penerbangan untuk menyokong tuntutan mereka bagi kenaikan gaji dan elaun, dan jika ya, nyatakan samada beliau dapat memberikan suatu jaminan untuk mengulangkaji tanggaji dan

kadar elaun mereka supaya mereka memamatkan sistem "kerja mengikut peraturan" ini dan dengan demikian mengembalikan semula kepercayaan penumpang-penumpang terhadap perkhidmatan yang baik dan memuaskan yang diberikan oleh MAS serta menjaga nama baik syarikat penerbangan negara kita yang pertama.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sedar bahawa baru-baru ini juruterbang-juruterbang MAS telah menarik balik kerjasama (goodwill) kerana tidak dapat menyelesaikan masalah tanggagaji dan syarat-syarat berkenaan yang lain. Tempoh yang berkenaan itu ialah di antara 27 April, 1974 hingga 20 Mei, 1974. Mulai 21 Mei, 1974, Kesatuan-kesatuan Juruterbang MAS telah-pun menyambung semula kerjasama-kerjasama terhadap Syarikat dan kedua-dua pihak sekarang sedang berbincang berkenaan dengan tanggagaji dan sebagainya itu.

Perkara bekerja "mengikut peraturan" ini memang perkara biasa yang dilakukan oleh mana-mana pihak Kesatuan-kesatuan Pekerja untuk menyokong tuntutan mereka daripada pihak Majikan. Syarikat Penerbangan MAS telah berikhtiar dengan sedaya upaya untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang perselisihan di antara Majikan dengan pekerjanya, dan Syarikat itu akan terus mengambil tindakan sewajarnya untuk menjamin perkhidmatan yang memuaskan bagi penumpang-penumpang.

PUSAT PENGAJIAN TINGGI

31. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menubuhkan lebih banyak lagi pusat-pusat pengajian tinggi seperti kolej-kolej Universiti, memandangkan bertambahnya bilangan penuntut-penuntut yang tidak dapat peluang memasuki Universiti-universiti, jika ya, bila dan di mana.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak. Pada masa ini hanya satu sahaja universiti yang telah berkembang dengan sepenuhnya, iaitu Universiti Malaya. Yayasan-yayasan pelajaran tinggi yang lain yang bertaraf universiti, iaitu Universiti Sains, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institut Teknologi Kebangsaan baru sahaja ditubuhkan dan masih boleh menambah bilangan penuntut-penuntut dari setahun ke setahun.

ASEAN—TABUNG NASIONAL

32. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah perjanjian yang telah dibuat antara Negara-negara ASEAN mengenai bayaran dalam lapangan pelancungan untuk merapatkan lagi perhubungan dan persafahaman.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Negara-negara anggota ASEAN telah bersetuju membentuk Tabung Nasional di tiap-tiap negara anggota untuk membiayai segala projek ASEAN yang telah dipersetujui. Projek-projek itu termasuklah projek-projek pelancungan. Dari segi bidang pelancungan, peruntukan sebanyak US \$250,000 telah dibelanjakan untuk kepentingan seluruh rantau ASEAN bagi usaha-usaha pemasaran untuk dua tahunan peralihan 1972 dan 1973. Seterusnya Rancangan Pemasaran Lima Tahun mulai 1974/75 hingga 1978/79 akan dilaksanakan dengan peruntukan perbelanjaan US \$300,000 bagi tahun pertama. Peruntukan ini akan ditambah 10% setahun bagi tahun-tahun berikutnya.

Dengan maksud mencapai munafaat maxima melalui kerjasama serantau, aktiviti-aktiviti pemasaran pelancungan yang telah dirancang ini dilaksanakan secara "package" oleh negara-negara anggota sendiri.

ROMBONGAN PERDAGANGAN KE CHINA

33. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan bercadang menghantar satu rombongan perdagangan terdiri daripada wakil-wakil dari semua lapisan perdagangan di Malaysia ke Republik Rakyat China, jika ya, bila rombongan itu akan dihantar.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Buat masa ini tidak ada rancangan untuk menghantar Rombongan Perdagangan rasmi ke Republik Rakyat China. Apabila keputusan telah dibuat oleh Kerajaan untuk menghantar Rombongan Perdagangan, organisasi-organisasi sektor swasta yang mewakili masyarakat perdagangan negara ini akan dihubungi untuk menentukan mereka-mereka yang akan menyertai rombongan tersebut.

KOLEJ UNIVERSITI

34. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk mendirikan sebuah Kolej Universiti di negeri Perak, dan jika ya, nyatakan butir-butir lanjut mengenainya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak.

PINJAMAN LUAR NEGERI

35. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman-pinjaman dari luar negeri yang telah dibuat oleh Kerajaan hingga sekarang dan kadar-kadar bunga tahunan yang Malaysia kena bayar; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan akan menjelaskan pinjaman-pinjaman ini.

Menteri Kewangan (Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Jumlah pinjaman luar negeri yang diperolehi oleh Kerajaan sehingga akhir Mac, 1974 ialah bersamaan dengan M\$2,664.36 juta, iaitu M\$1,994.66 juta untuk pinjaman-pinjaman projek dan M\$669.7 juta lagi untuk pinjaman-pinjaman yang dibuat daripada pasaran-kewangan dunia. Kadar faedah tahunan ke atas pinjaman-pinjaman ini berlainan dari satu pinjaman ke satu pinjaman—iaitu dari 0% setahun hingga 7½% setahun.
- (b) Kerajaan akan membayar balik pinjaman-pinjaman ini daripada Kumpulanwang Persekutuan Disatukan (kira-kira Pinjaman)

AKTA SEWA BELI— BAHASA MALAYSIA

36. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang mengadakan buku panduan sewa beli atau suatu borang perjanjian yang ada sekarang dalam Bahasa Inggeris merumitkan orang-orang ramai yang tidak tahu Bahasa Inggeris dan jika tidak, mengapa.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedar, Akta Sewa Beli sekarang terdapat dalam Bahasa

Malaysia. Borang Perjanjian dalam Bahasa Malaysia sedang disediakan dan akan mengandungi peruntukan-peruntukan Akta Sewa Beli yang penting untuk mengelakkan apa-apa juga kemungkinan kekeliruan. Oleh yang demikian, adalah tidak perlu diadakan Buku Panduan yang berasingan.

MAS/KERETAPI/BAS/TEKSI— TAMBANG ISTIMEWA PESARA-PESARA

37. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan mengesyorkan kepada Kerajaan untuk menimbang memberi keistimewaan kepada pesara-pesara apabila mereka menaiki keretapi, bas, teksi dan kapal terbang MAS.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak bercadang hendak mengesyorkan kepada Kerajaan untuk menimbangkan pemberian keistimewaan kepada pesara-pesara apabila mereka menaiki keretapi. Ini ialah oleh kerana Keretapi Tanah Melayu adalah bergerak sebagai sebuah badan perdagangan dan memberi keistimewaan tambang kepada mana-mana pihak akan merugikan.

Tambang-tambang teksi/kereta sewa dan bas adalah tertakluk kepada semua penumpang-penumpang dan Menteri Perhubungan tiada bercadang memberi tambang-tambang istimewa kepada pesara-pesara.

Syarikat Penerbangan MAS ialah sebuah syarikat perniagaan dan bukanlah Jabatan Kerajaan. Oleh itu tidak ada kemungkinan bahawa Syarikat MAS dapat memberi tambang murah kepada ahli-ahli pencen Kerajaan.

DISPENSARI BERGERAK PEKAN MENGGATAL

38. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa dispensari di Pekan Menggatal, Sabah telah dirobuhkan dan sebaliknya sebuah dispensari di Kota Kinabalu digunakan pula untuk melayan 10,000 orang penduduk-penduduk Kampung Inanam, Menggatal dan Talipok, oleh yang demikian mendatangkan kesusahan dan menambatkan perbelanjaan orang-orang kampung yang miskin; dan

- (b) adakah kemungkinan untuk membina sebuah dispensari yang baru di Pekan Menggatal.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Jabatan Perubatan, Sabah tidak ada bangunan dispensari di Pekan Menggatal. Kemudahan yang ada sekarang adalah cuma dispensari bergerak yang melawat Menggatal di sebelah petang tiap-tiap hari Isnin dan Talipok di sebelah pagi tiap-tiap hari Isnin. Selain dari itu, dispensari bergerak ada juga melawat di sebelah pagi tiap-tiap hari Selasa di Balai Raya Kampong Bambangan di kawasan Inanam.
- (b) Soal mengadakan sebuah dispensari baru di Pekan Menggatal akan disiasat dan dipertimbangkan.

SEKOLAH-SEKOLAH AKADEMIK

39. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menubuhkan lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Akademik yang bertaraf Universiti di Malaysia jika ya, bila dan di mana.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak.

**MINYAK DIESEL—
KENAIKAN HARGA**

40. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab Kerajaan memberi persetujuan tentang kenaikan harga minyak diesel yang menjadi sejenis daripada barang-barang keperluan, dan samada beliau sedar bahawa orang-orang yang berpendapatan pertengahan dan rendah sedang menghadapi kesulitan dan kesusahan akibat dari kenaikan harga ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Harga minyak diesel yang wujud sebelum ianya dinaikkan, adalah harga yang tidak ekonomik. Oleh itu, syarikat-syarikat minyak, terutama pengimpot-pengimpot diesel telah enggan membekalkan minyak diesel ke dalam pasaran ini terlebih daripada bekalan 1973 berserta dengan tambahan sehingga 5-6% sahaja, dengan tidak mengalami kerugian. Setelah mendapat jaminan daripada semua syarikat-syarikat minyak untuk menyempurnakan

bekalan yang cukup untuk keperluan negara, Kerajaan telah bersetuju menaikkan harga diesel sebanyak 8 sen segelen di stesyen-stesyen minyak. Juga, surtax yang sebanyak 4% yang dikenakan ke atas diesel yang diimpot telah dihapuskan. Kenaikan 8 sen segelen ini tidak mungkin menyebabkan kesulitan dan kesusahan yang didakwakan kerana kenaikan ini adalah sangat kecil dan dapat diatasi.

**KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS
WELD QUAY**

41. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) mengapa Kawasan Perdagangan Bebas yang dicadangkan di Weld Quay terletak di Pulau Pinang masih belum mula berjalan walaupun dua tahun sudah berlepas sejak diumumkan bahawa kawasan ini dicadangkan Kawasan Perdagangan Bebas; dan
- (ii) bila beliau menjangka Kawasan tersebut akan mula berjalan.

Tuan Haji Abdul Razak: Oleh kerana difikirkan bahawa penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas yang dicadangkan di Weld Quay di Pulau Pinang itu tidak berkehendakkan tindakan segera, perkara ini adalah disimpan dalam pandangan.

**FERI BARU PULAU PINANG—
BUTTERWORTH**

42. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) bila beliau jangka pengkalan-pengkalan feri baru di Pulau Pinang dan di Butterworth akan mula digunakan;
- (ii) jumlah belanja seluruh projek ini; dan
- (iii) berapa banyak wang, jika ada, telah dipinjam dari sumber-sumber luar negeri untuk perbelanjaan projek ini dan juga kadar faedah yang dikehendaki dibayar.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (i) Pengkalan-pengkalan feri baru di Pulau Pinang dan di Butterworth telah mula dibina pada 3hb April, 1973. Adalah dijangka pengkalan tersebut boleh digunakan pada Mac, 1975.
- (ii) Projek tersebut memakan belanja berjumlah \$21 juta.

- (iii) Projek tersebut dibiayai oleh pinjaman dari Perbendaharaan Malaysia berjumlah \$10 juta dengan kadar faedah 6½% setahun. Baki perbelanjaan yang lain adalah dibiayai oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sendiri berjumlah \$11 million.

PELANCUNG-PELANCUNG KECUALIKAN CUKAI IMPOT

43. Tuan Lim Pee Hung minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan bahawa kita sedang menggalakkan pelancungan di negara ini samada Kementerian beliau akan melonggar atau mengecualikan cukai impot dan eksport ke atas barang-barang yang banyaknya berpatutan yang dibawa masuk dan keluar dari negara ini oleh pelancung-pelancung.

Tun Haji Abdul Razak: Peruntukan-peruntukan telahpun ada di dalam Perintah Pengecualian Duti Kastam, 1959 untuk barang-barang kepunyaan pelancung kejujuran (bona fide) ke negeri ini. Perkara 18 di dalam Perintah itu mengecualikan daripada duti kastam atas barang-barang yang telah diguna yang senang dibawa dan Perkara 19 mengecualikan duti kastam atas minuman keras, tembakau termasuk rokok-rokok, mancis, air wangi, sabun, ubat-ubat gigi dan ubatan-ubatan di dalam botol-botol atau kotak-kotak yang telah dibuka mengikut jumlah-jumlah yang tertentu. Jikalau pelancung itu mempunyai barang-barang lain yang bercukai untuk kegunaannya dan barang-barang itu tidak dikecualikan mengikut Perintah tersebut, maka ia boleh dibenarkan membayar duti kastam yang tertentu sebagai cengkaram. Cengkaram ini akan dipulangkan balik dengan penuhnya apabila ia meninggalkan negeri ini dengan syarat ia mengeksport balik barang-barang itu di dalam tempoh 3 bulan. Adalah difikirkan bahawa peruntukan-peruntukan ini mencukupi untuk pelancung-pelancung.

TOL JAMBATAN SULTAN ISMAIL— BAYARAN

44. Tuan Seah Teng Ngiab minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau akan menimbang menghapuskan bayaran tol di jambatan dalam kawasan Perindustrian Tanjong Agas, Muar.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya telahpun memberikan jawapan kepada soalan yang sama di dalam Dewan yang Mulia ini pada 16hb Mei, 1974.

Pada masa ini kajian sedang dijalankan ke atas dasar pengutan tol dan soal menghapuskan bayaran tol di Jambatan Sultan Ismail, Muar, adalah satu daripada perkara-perkara yang dipertimbangkan.

PATAH RIOK (COMPOUND FRACTURES)

45. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa Hospital Daerah Balik Pulau tidak boleh merawat kes-kes patah tetapi terpaksa dirawat di Hospital Besar Pulau Pinang; dan
- (b) samada sebarang rancangan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perubatan yang lengkap di Hospital Daerah tersebut supaya kes-kes seperti di atas tidak payah dirawat di Hospital Besar yang jauhnya lebih daripada 20 batu.

Tan Sri Lee siok Yew:

- (a) Hospital Daerah Balik Pulau tidak dapat menguruskan kes-kes patah riok atau compound fractures kerana ianya sebuah hospital daerah yang mempunyai jumlah bilangan katil kurang daripada 150 dan dengan sebab itulah kes-kes patah riok atau compound fractures adalah penting dirawat oleh Pakar-pakar di Hospital Besar.
- (b) Ya, sebaik-baik sahaja ada cukup bilangan pakar-pakar dalam negara ini akan dihantar ke hospital itu.

DEMAM DENGGI HAEMORRHAGIC

46. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa langkah-langkah mencegah untuk menghapuskan demam denggi seperti yang telah dibuat di daerah-daerah sekitar Kuala Lumpur tidak diambil di kawasan luar bandar terutama sekali di kawasan Parlimen Pulau Pinang Selatan kerana kawasan-kawasan luar bandar memerlukan perhatian yang lebih untuk menghapuskan demam denggi dan taun.

Tan Sri Lee Siok Yew: Langkah-langkah mencegah penyakit demam denggi haemorrhagic diambil mengikut keutamaan bagi "kawasan-kawasan yang mudah diserang penyakit"—"high risk areas", yang berdasarkan kepada teknikal assessment bagaimana luasnya masalah itu, dan kemungkinan kejadian-kejadiannya. Di kawasan Parlimen Pulau Pinang, Selatan cuma 2 kes yang disyaki telah berlaku setakat ini pada tahun ini (di kawasan Glugor). Langkah-langkah secukupnya bagi menghalang kejadian penyakit ini telah diambil, dan kajian atau survey di kawasan itu menunjukkan bahawa angkaganda *Aedes aegypti* ialah 8%. Satu kajian semula "resurvey" akan dibuat bagi menaksir hasil langkah-langkah yang diambil di kawasan itu. Di kawasan keliling Kuala Lumpur, banyak kawasan yang mudah diserang penyakit "high risk areas" didapati, dan itulah sebabnya diberikan keutamaan yang lebih.

Adalah tidak benar bahawa kawasan luar bandar perlukan lebih banyak perhatian bagi menghapuskan Demam Denggi Haemorrhagic. Pada keseluruhannya kawasan dalam bandar berkehendakan perhatian yang lebih bagi penyakit Demam Denggi Haemorrhagic, dan kawasan luar bandar berkehendakan perhatian yang lebih bagi penyakit taun.

IMPOT KERETA-KERETA

47. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah "Approved Permits" yang dikeluarkan kepada orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat untuk mengimpot kereta-kereta dalam tahun-tahun 1969, 1970, 1971, 1972 dan 1973 dan juga nyatakan asas untuk mendapatkan "Approved Permits" ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Mengikut catitan rekod yang ada, pengimpotan yang telah dibenarkan dalam tahun 1969 hingga tahun 1973 bagi kereta adalah seperti berikut:

Motokar	1969	1970	1971	1972	1973
Baru ...	786	499	430	649	419
Lama ...	379	531	681	751	865
Jumlah ...	1165	1030	1111	1400	1284

Sejak pengimpotan kereta-kereta dikenakan kawalan impot pada tahun 1966, lesen-lesen impot hanya dikeluarkan berasaskan kepada quota yang telah diperuntukkan dan juga sebab-sebab tertentu seperti berikut:

Lesen-lesen impot dikeluarkan sekiranya:

- (i) tidak ada penyamaan jenis kereta yang diimpot itu dengan yang ada dipasang oleh pemasang-pemasang kereta tempatan;
- (ii) pemohon itu ialah pegawai diplomat asing;
- (iii) apabila seseorang pegawai yang berpindah dari luar negeri masuk ke Malaysia;
- (iv) pemohon ialah pemegang permit teksis yang tidak mampu membeli kereta baru; dan
- (v) pemohon dapat memberi sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

FELDA—PENDAPATAN PENEROKA

48. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan dasar dan langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin bahawa pendapatan lumayan peneroka-peneroka FELDA dari hasil tanaman mereka dapat memenafatkan keluarga mereka dan negara dengan cara lebih teratur dan berkesan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Di antara langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin bahawa pendapatan lumayan peneroka-peneroka FELDA dapat memberi menafaat kepada keluarga mereka dan negara adalah seperti berikut:

- (a) Menggalakkan peneroka-peneroka untuk membeli saham-saham Perbadanan Kedai-kedai FELDA yang khusus ditubuhkan untuk tujuan ini dalam tahun 1972;
- (b) Mengadakan kempen jimat-cermat dan menyimpan wang;
- (c) Menggalakkan peneroka-peneroka untuk membuat simpanan dengan Tabung Haji;

(d) Menggalakkan peneroka-peneroka menambah yuran mereka dengan Persatuan-persatuan Kerjasama dengan tujuan untuk membeli lori dan traktor bagi mengangkut bahan-bahan seperti buah kelapa sawit;

(e) Menggalakkan peneroka-peneroka dalam bidang perdagangan seperti kedai-kedai runcit dan gerai dan juga dalam bidang perusahaan kecil yang lain.

Selain dari langkah-langkah yang telah dijalankan seperti yang tersebut di atas, Kementerian saya juga sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan Ajensi-ajensi Kerajaan yang berkenaan seperti MARA, UDA, PERNAS, Perbadanan Kemajuan Negeri dan pihak FELDA sendiri supaya mempergiatkan segala usaha-usaha di lapangan perniagaan dalam kawasan-kawasan FELDA yang sesuai bagi mengujudkan dan membangun pusat-pusat perniagaan yang mencukupi dan lebih "sophisticated" selaras dengan keperluan masyarakat rancangan yang moden yang sudah mempunyai kuasa membeli yang teguh pada masa ini.

Kegiatan-kegiatan atau usaha-usaha dalam mengujudkan pusat-pusat perniagaan dalam rancangan-rancangan FELDA ini akan menguntungkan mereka kerana dengan adanya rancangan-rancangan yang seperti ini mereka beroleh faedah serta keuntungan dalam lapangan perniagaan yang dapat dinikmati oleh peneroka-peneroka rancangan itu sendiri dan dengan ini juga akan dapat mengawal mengalirnya keluar wang pendapatan bulanan mereka.

MINYAK PETROL— KENAIKAN HARGA

49. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Kewangan menyatakan akibatnya ke atas inflasi di Malaysia sekarang akibat kenaikan harga minyak petrol baru-baru ini.

Tun Haji Abdul Razak: Akibat kenaikan harga minyak petrol dan motor baru-baru ini ke atas inflasi di Malaysia adalah tipis oleh kerana bahan-bahan ini hanya merupakan kira 2%* sahaja daripada perbelanjaan penggunaan purata rakyat. Dalam bulan Mei 1974, misalnya, kira-kira sebulan selepas kenaikan harga minyak petrol, Angkatunjuk Harga

Pengguna bagi pengangkutan dan perhubungan yang termasuk tambang-tambang bas dan teksi telah meningkat hanya sebanyak 3.4%. Tambahan pula bagi mereka yang mempunyai kenderaan-kenderaan bermotor sungguhpun secara langsung menerima akibat kenaikan harga, mereka biasanya adalah orang-orang yang mampu menampung kenaikan harga yang sedikit ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa sekarang kenaikan harga minyak petrol, diesel dan lain-lain minyak motor mungkin boleh mengakibatkan kenaikan tambang-tambang teksi dan kos-kos pengangkutan dan pengeluaran.

Oleh kerana inilah Kerajaan hanya membenarkan sedikit sahaja kenaikan harga-harga minyak petrol. Tambahan pula Kerajaan telah menghapuskan cukai tambahan ke atas impot diesel dan juga cukai excise dan kastam ke atas minyak-minyak pembakar yang digunakan oleh Lembaga Letrik Negara. Semua langkah-langkah ini bererti kehilangan hasil yang diperolehi oleh Kerajaan tetapi langkah-langkah ini telah diambil bagi mengurangkan kesan-kesan kenaikan harga petrol dan minyak ke atas rakyat.

* Minyak Petrol dan Motor merupakan 1.96% daripada jumlah wajaran dalam Angkatunjuk Harga Pengguna di Semenanjung Malaysia.

BANTUAN BUKU-BUKU TEKS

50. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada benar bahawa mulai tahun hadapan, Kementerian Pelajaran akan memberi bantuan buku-buku teks secara penuh kepada murid-murid dari sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan yang ibubapanya mendapat kurang daripada \$500 sebulan semantara murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan akan menerima 50% bantuan;
- (ii) samada beliau sedar bahawa diskriminasi seperti itu dalam hal bantuan kepada orang-orang miskin adalah bertentangan dengan dasar Rancangan Malaysia Kedua dalam konteks menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum; dan
- (iii) samada Kementerian beliau akan menimbang semula keputusan itu dan, selaras dengan objektif Rancangan

Malaysia Kedua untuk membantu orang-orang miskin tanpa mengira kaum, memberi bantuan buku-buku teks secara penuh kepada murid-murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan yang ibubapanya mendapat pendapatan kurang daripada \$500 sebulan.

Tuan Haji Mohamed bin Yacob:

- (i) Tidak benar. Adalah dianggarkan bahawa 50% daripada murid-murid daripada ke semua jenis sekolah bantuan penuh akan menerima bantuan buku-buku teks secara pinjaman. Ini bermakna semua murid-murid yang miskin, yang perlukan bantuan akan menerimanya. Kemudahan ini diberi kepada semua murid-murid di sekolah-sekolah rendah kebangsaan sekarang, kerana pada masa-masa yang lampau sebahagian besar daripada murid-murid itu telah dibekalkan dengan buku-buku teks percuma.
- (ii) Soal diskriminasi tidak timbul.
- (iii) Soal menimbangkan semula keputusan ini tidak timbul.

JAMBATAN PASIR TUMBUH KOTA BHARU

51. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa rakyat Negeri Kelantan sedang menghadapi kesukaran akibat kerosakan jambatan Pasir Tumbuh 6 batu dari Kota Bharu (Jalanraya Kota Bharu-Kuala Lumpur). Apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini dan kalau ada sesuatu rancangan mengenainya bilakah rancangan itu akan dilaksanakan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kerajaan memanglah menyedari akan kesukaran-kesukaran yang dialami oleh rakyat negeri Kelantan akibat kerosakan jambatan Pasir Tumbuh, Kota Bharu. Tindakan sedang diambil untuk merekabentuk sebuah jambatan yang baharu untuk menggantikan jambatan yang ada. Kerja rekabentuk ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh lima bulan lagi dan kerja pembinaannya dijangka akan bermula pada bulan April tahun depan iaitu selepas musim tengkujuh. Sementara itu tawaran telah dipelawa untuk menjalankan penyiasatan tanah.

PEMBACA METER AIR— SEKIM GAJI

52. Dr A. Soorian minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan:

- (a) mengapa pembaca meter air JKR, pembaca meter air mbaga Air Melaka dan Pulau Pinang dan pembaca meter Lembaga Letrik Negara mendapat gaji yang berlainan sungguhpun tugas-tugas dan tanggungjawab mereka serupa; dan
- (b) tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya pembaca meter air JKR Semenanjung Malaysia mendapat gaji yang berpatutan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Sekim gaji pembaca-pembaca meter air Jabatan Kerja Raya adalah berdasarkan kepada sekim gaji yang telah disyorkan oleh Suruhanjaya Di Raja Suffian, sementara pembaca-pembaca meter di Lembaga Air, Melaka dan Pulau Pinang dan pembaca meter di Lembaga Letrik Negara tidak mengikut sekim ini oleh kerana mereka adalah dibawah pihak berkuasa berkanun yang berlainan.
- (b) Sekim gaji pembaca-pembaca meter JKR di Semenanjung Malaysia mungkin akan dikaji semula bersamasama dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain dalam Kerajaan apabila kajian semula struktur-struktur gaji dilakukan nanti.

WARGANEGARA SECARA NATURALIZATION

53. Tuan R. C. M. Rayan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa beberapa orang bukan warganegara yang membuat permintaan melalui Borang "G" tidak mendapat kerakyatan mereka walaupun mereka telah tinggal di sini lebih 12 tahun (ataupun semenjak lahir) dan mempunyai kelayakan-kelayakan kediaman dan lain-lain hanya oleh kerana mereka tidak dapat mengemukakan sijil beranak mereka, jika ya, sila nyatakan:

- (i) alasan-alasan bagaimana kerakyatan akan diberi kepada peminta-peminta yang menggunakan Borang "G"; dan

- (ii) samada beliau akan memudahkan aturan ini dan terima surat sumpah sebagai ganti sijil beranak bagi mereka yang telah diperanakkan di Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (i) Pada menjawabnya saya syorkan beliau supaya membaca Perkara 19 Perlembagaan Malaysia.
- (ii) Bagi seseorang yang memohon warga-negara Malaysia secara masukan (Naturalization) di bawah Perkara 19 Perlembagaan tidaklah perlu baginya mengemukakan sijil beranak ataupun surat sumpah.

RASCOM—PERBELANJAAN

Tuan Jonathan Narwin anak Jimggong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah benar bahawa purata satu juta ringgit adalah dibelanjakan setiap hari kerana RASCOM di Sarawak.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak benar. Ahli Yang Berhormat diminta rujuk kepada perenggan 6 dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat bertarikh 8hb Januari, 1974.

**BUKU/FILEM/PITA RAKAMAN/
PIRING HITAM—KEMASUKAN**

55. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) samada Kerajaan akan membenarkan kemasukan dengan bebas buku-buku, filem-filem, pita-pita rakaman dan piring-piring hitam dari Republik Rakyat China memandangkan hubungan diplomatik telah ditubuhkan sekarang di antara kedua-dua negara; dan
- (ii) samada Kementerian beliau telah membatalkan pengharaman buku-buku yang ditulis oleh pengarang-pengarang Eropah dan Amerika mengenai negeri China seperti buku "Red Star Over China" oleh Edgar Snow, dan jika ya, nyatakan nama buku-buku mengenai negeri China yang telah dikeluarkan daripada senarai buku-buku yang diharamkan berikutan dengan penubuhan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (i) Sejak tahun 1971, sejajar dengan dasar luar negeri Malaysia yang berkecuali, Kerajaan telahpun membenarkan kemasukan buku-buku, filem-filem, pita-pita rakaman dan piring-piring hitam dari semua negeri asing samada negeri Kominis atau negeri lain tertakluk di bawah undang-undang negara ini.
- (ii) Perkara pengharaman buku-buku tidak ada hubungan dengan penubuhan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China. Walaubagaimanapun, perkara ini sentiasa di dalam pandangan dan kajian mengikut keadaan masa dan suasana di dalam negeri.

**TV MALAYSIA—RANCANGAN
TERBITAN SABAH**

56. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapakah kurang sangat rancangan-rancangan keluaran tempatan Sabah ditayangkan di Talivisyen Malaysia di Kuala Lumpur, dan samada Talivisyen Malaysia di Kuala Lumpur akan menyiarkan lebih banyak lagi rancangan-rancangan tempatan dari Sabah di masa hadapan, dan jika ia, apakah rancangan-rancangan itu, dan jika tidak, mengapa; dan
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa berita-berita mengenai Sabah jarang disiarkan di Radio dan Talivisyen Malaysia di Kuala Lumpur dan jika ya, apakah tindakan yang diambil di atas perkara ini.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj):

- (a) Tidak benar, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. T.V. Malaysia di Kuala Lumpur menyiarkan hampir semua rancangan-rancangan terbitan Sabah seperti rancangan "Kuntum Harapan" dan "Bingkisan Irama" yang disiarkan pada tiap-tiap minggu. Selain daripada itu bahan-bahan filem daripada Sabah digunakan juga untuk siaran Berita dan Peristiwa dan di dalam rancangan-rancangan berbentuk Majallah.

(b) Soalan bentuk ini telah dijawab pada 17-7-1973.

SALINAN SIJIL KEWARGANEGARAAN

57. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada seseorang pemohon yang ingin mendapat salinan sijil kewarganegaraan atau sijil Kerakyatan Negeri dikehendaki membuat satu surat sumpah, jika ya, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak perlu—hanya dikehendaki memenuhi borang permohonan yang tertentu sahaja dengan bayaran sebanyak \$2 untuk satu cabutan sijil Kerakyatan Persekutuan.

Mengenai Sijil Kerakyatan Negeri pula, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan kerana mereka adalah Pendaftar-pendaftar Rakyat Negeri.

BAYI-BAYI MENGIKUT KAUM

58. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan bayi-bayi yang telah dilahirkan dalam tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973 mengikut pecahan kaum.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Mengikut rekod-rekod yang ada hanya butir-butir bagi tahun 1970 yang dapat diberi pada masa ini seperti berikut:

Melayu	...	...	...	164,938
China	...	...	...	99,805
Indian & Pakistani	...	...	...	30,115
Lain-lain	...	...	...	2,500
				297,358

Butir-butir bagi tahun-tahun selepas itu masih di dalam proses oleh Jabatan Perangkaan.

CHEANG KOW @ CHENG MENG CHAI—TAHANAN

59. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa seorang tahanan politik Encik Cheang Kow alias Cheng Meng Chai

yang dilaporkan mengidap penyakit buah pinggang dengan tenat (serious) telah diberi rawatan di hospital yang lengkap dengan kidney machine, dan samada siasatan telah dibuat tentang dakwaan bahawa kedua-dua buah pinggangnya rosak akibat pukulan semasa dalam tahanan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Telah beberapa kali ditegaskan di dalam Dewan ini bahawa tidak ada tahanan politik di negara ini. Mereka yang ditahan di bawah Seksyen 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ialah mereka yang telah didapati secara cergas dan sedar mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan yang mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan negara dan mereka ditahan sebagai langkah untuk mencegah mereka daripada meneruskan kegiatan-kegiatan mereka itu.

Berkaitan dengan orang tahanan bernama Cheng Kow Chai alias Cheng Meng Chai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang terhormat itu, beliau telah didapati mengidap penyakit *Chronic Renal Failure*. Rawatan perubatan yang sewajar telah diberikan kepada beliau sejak dari mula sakitnya itu diketahui. Subjek telahpun dibebaskan daripada tahanan pada 28hb. Jun, 1974.

Soal penyiasatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit di sini kerana tuduhan yang dikatakan oleh beliau itu adalah tidak berasas. Saya berpuas hati ke atas layanan-layanan yang telah diberi ke atas orang-orang tahanan di tempat-tempat tahanan perlindungan. Mereka diberi layanan yang sewajarnya dan selaras mengikut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Internal Security (Detained Persons) Rules 1960.

UNIVERSITI MALAYA/ PERTANIAN—PELAJAR-PELAJAR

60. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa jumlah pelajar-pelajar yang memasuki Universiti Malaya dan Universiti Pertanian Serdang untuk tahun Akademik pada permulaan tahun 1974:

- (a) Bangsa Melayu;
- (b) Bangsa China; dan
- (c) Bangsa India

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Jumlah pelajar-pelajar di tawar memasuki Universiti Malaya dan Universiti Pertanian Serdang mengikut pecahan bangsa ialah seperti berikut:

Universiti/ Bangsa	Bumi- putra	China	India	Latn- lain	Jumlah
Universiti Malaya	1260	1184	175	42	2661
Universiti Pertanian*	108	40	10	1	159
Jumlah ...	1368	1224	185	43	2820

* untuk kursus ijazah sahaja.

INSTITIUT PELAJARAN TINGGI CHINA—PELAJAR-PELAJAR

61. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbangkan dengan ber-sungguh-sungguh untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran mereka di Universiti-universiti, maktab-maktab dan instituit-instituit pelajaran di negeri China sebaik sahaja Kedutaan kita ditubuhkan di sana.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya telahpun memberikan jawapan mengenai perkara ini apabila menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Telok Anson pada 18-7-1974.

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 dan bagi memperbadankan Bank Simpanan Nasional untuk memaju dan menggembeling simpanan khususnya dari penyimpan-penyimpan kecil, untuk menggalakkan jimat-cermat, untuk mengadakan saluran bagi orang ramai amnya menyimpan wang, untuk mengadakan peruntukan bagi memindah dan meletakhakkan tugas-tugas, aset-aset dan tanggungan-tanggungan Bank Simpanan Pejabat Pos kepada Bank itu dan untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

Y.B. AHLI DARI BANDAR MELAKA

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada mendapat satu perutusan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang hendak dikemukakan di dalam Dewan ini. Tetapi walau saya izinkan permintaan itu atau tidak, itu tidak menjadi soal sekarang, sebab saya sifatkan dia tidak ada dalam Dewan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973 DAN 1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah. "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (18hb Julai, 1974).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1973 DAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1974

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah. "Bahawa Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujukkan kepada Jawatankuasa se-sebuah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,401,780 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$122,849,550 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1973 dan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepada perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua

dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973 dan Kertas Perintah 9 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu. (18hb Julai, 1974).

Perbahasan disambung semula.

3.45 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang ada di hadapan kita ini, di samping itu suka saya menyentuh dalam banyak perkara yang ada tertera dalam Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, suka saya membangkitkan dalam Kertas Perintah 10 Tahun 1974 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Di Jabatan Perdana Menteri ini telah mengkehendakki wang sebanyak \$20 million untuk Rancangan Bank Pertanian Malaysia. Dalam masalah ini pihak petani-petani kita sangat bangga dengan rancangan ini dan juga peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan, tetapi sehingga pada saat ini ramai peladang-peladang kita yang belum lagi dapat memahami dengan sepenuhnya dan juga belum lagi dapat menikmati rancangan yang telah disediakan oleh Kerajaan. Berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh peladang-peladang kita ketika hendak mendapat peruntukan ini, maka dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Kerajaan pada masa akan datang hendaklah memberikan satu penerangan dan penjelasan yang dapat diterima dan dapat diamalkan di atas rancangan yang sangat baik ini.

Yang kedua, Kementerian Perusahaan Utama, iaitu peruntukan tambahan sebanyak \$4 million adalah dikehendakki dalam tahun ini sebagai modal bersama Kerajaan dalam Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad untuk membolehkan syarikat ini menanam modal dalam berbagai projek. Usaha ini telah dijalankan oleh Kerajaan sangat baik dalam perusahaan menanam koko dan lain-lain perusahaan. Tetapi satu perkara yang saya nampak iaitu berhubung dengan meluaskan kawasan

menanam ne as, sebab pasaran nenas kita ini akan dapat me arik lebih banyak lagi negara-negara yang akan membelinya. Saya harap Negeri Johor sebuah negeri yang sesuai dengan tanaman nenas, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji sebuah kawasan yang sesuai dan layak ditanam nenas iaitu di Air Hitam, Batu 18, Muar. Kawasannya ada seluas lebih kurang 7,000 ekar iaitu kawasan hutan patut dibatalkan dan dijadikan tanah Kerajaan dan diusahakan dengan penanaman nenas. Tanah ini pada masa sekarang tidak boleh diusahakan, kayu balak tidak sesuai kerana tanahnya rendah, berair dan di sempadan tempat ini banyak terdapat tempat-tempat kawasan yang ditanam dengan nenas yang diusahakan oleh petani-petani kita. Jadi saya fikir dengan adanya rancangan ini akan memberi munafaat yang besar kepada rakyat dan juga kepada negara ini.

Kepala P. 50, Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa yang berkehendakkan wang kerana memberikan pinjaman kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Ini satu perkara yang sangat menggalakkan. Wang diperuntukkan sebanyak \$4.2 million. Ini sangat menggalakkan peladang-peladang kita melalui Lembaga Pertubuhan Peladang, tetapi yang saya hendak memberitahu kepada Dewan ini dan Menteri yang berkenaan iaitu hendaklah diawasi dengan cermat. Selama ini kita telah memberi baja dan alat-alat yang ada kaitannya dengan peladang diletakkan dalam setor di tempat masing-masing telah banyak menerima kecurian. Sekiranya kecuaiian ini dilakukan berterusan, maka wang yang diuntukkan oleh Kerajaan ini bukan sahaja rugi termasuk juga rakyat hampa dengan rancangan ini. Kecurian ini bukannya berlaku kepada satu dua buah setor peladang, tetapi saya tahu lebih daripada empat lima buah. Jadi kalau keadaan ini kita tidak jaga dan kawal betul-betul dengan dijagai oleh jaga dalam kawasan-kawasan ini, saya percaya dengan wang peruntukan yang begini banyak kita berikan akan berulang-ulang berlakunya kecurian ini.

Yang kedua, kita telah memberikan kredit kepada peladang-peladang kita dan kita minta mereka ini membayar balik wang-wang ini supaya dapat ditampung semula dalam peruntukan Kerajaan. Jadi masalah ini saya

nampak setengah-setengah Lembaga Pertubuhan Peladang tidak begitu berusaha pada mendapatkan balik wang pinjaman ini daripada peladang kita. Kalau kita lemah dalam masaalah ini tentu akan mengecewakan rancangan Kerajaan. Rakyat yang telahpun percaya sanggup berhutang dengan Kerajaan patut dibayar balik dan rancangan-rancangan ini mereka telahpun mendapat nikmatnya.

Yang ketiga, dalam masaalah Lembaga Pertubuhan Peladang itu juga pada masa sekarang mereka tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan begitu sempurna, tidak dapat diketahui oleh peringkat daerah, sebab dalam Majlis Tindakan Daerah tidak ada dimasukkan anggota Lembaga Pertubuhan Peladang ini. Yang ada ialah di peringkat Negeri, di peringkat Negeri, Pengarah Pertanian Negeri duduk di dalamnya. Tetapi bila sampai ke peringkat daerah, anggota Lembaga Pertubuhan Peladang ini tidak ada di peringkat Majlis Tindakan itu. Dengan keadaan yang seperti ini segala rancangan, segala kemajuan yang dibuat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang ini tidak akan dapat diketahui oleh Peringkat Daerah. Saya harap perkara ini patut difikirkan bersama oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jabatan Perdana Menteri, Kepala "B" Parlimen ada peruntukan sebanyak yang tertentu yang tersebut dalam Kertas ini. Saya mengharapkan dengan wang peruntukan ini tujuannya kerana hendak membaikkkan pentadbiran Parlimen dan Parlimen ini telah banyak kali mengadakan mesyuaratnya. Tetapi pada akhir-akhir ini satu perkara yang sangat mendukacitakan saya, tidak tahulah peraturan ini samada datang daripada Tuan Yang di-Pertua, ataupun daripada pihak keselamatan Parlimen ini, telah membuat tegahan kepada wartawan-wartawan atau pemberita-pemberita wanita yang membawa bek tangannya ke pejabat ini. Pada masa dahulu tegahan ini tidak ada. Ini satu perkara yang mendatangkan sungutan kepada mereka dan patut kita timbangkan, sebab wartawan-wartawan wanita kita ini mereka tidak memakai seluar, segala alat-alat atau make-up disimpan dalam bek tangannya. Jadi kemudahan wartawan ini patut kita timbangkan supaya mereka selesa bertugas, demi kepentingan negara kita dan juga Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya hendak bangkitkan berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan. Satu perkara yang sangat membanggakan kita ialah berbagai-bagai rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan kepada nelayan-nelayan kita dan dalam Kepala ini juga telah meminta peruntukan kerana rancangan berhubung dengan nelayan ini. Saya minta dalam masaalah nelayan ini supaya Kerajaan memikirkan semula akan keadaan hidup nelayan-nelayan kita dalam tanahair ini, pertama sekali Kerajaan tentu sedia maklum sudah 17 tahun kita merdeka dan berbagai rancangan kita buat, tetapi keadaan hidup nelayan kita tidak begitu sempurna dan pada akhir ini pula dalam negara kita ini kekurangan ikan.

Dalam masaalah ini, kita patut menentukan seseorang penangkap ikan itu hidupnya supaya dapat dibaiki—taraf ekonominya baik. Dengan keadaan yang semacam ini saya fikir kepercayaan mereka dalam usaha ini akan dapat diteruskan. Kalau Kerajaan boleh membuat satu rancangan yang ekonomik kepada peladang-peladang kita dengan memberi tanah sebanyak 8 ekar, tetapi kepada kita tidak buat satu rancangan yang ada ekonomik kepada nelayan-nelayan kita. Selain daripada itu, saya harap nelayan kita ini jangan ditawarkan pula apabila usahanya dari menjadi nelayan tidak begitu berjaya, kita suruh pula mereka masuk dalam lapangan pertanian. Jadi, kita mahu menentukan hidup rakyat dalam negeri ini ialah kalau sudah bahagian peladang, peladang, kalau bahagian nelayan, nelayan. Sebab kaitan hidup rakyat dengan nelayan, kaitan negara dengan nelayan ini adalah masih menjadi satu tulang belakang kepada negara ini, sebab sesebuah negara itu mesti ada nelayan-nelayan, mesti ada hasil-hasil ikan diperolehi dari tangkapan ikan yang diusahakan oleh nelayan. Kalau kita pindahkan ke lain lapangan, saya fikir satu masa akan datang kekurangan ikan dalam negeri kita ini akan kita temui, dan anak-anak mereka juga saya harap supaya diberi latihan menangkap ikan dengan cara modern supaya keadaan mata pencarian mereka dapat sejajar sebagaimana penangkap ikan yang terlatih.

Satu perkara lagi yang patut saya kemukakan dalam Dewan ini dalam masaalah perikanan ialah Kerajaan patut memberi satu kawalan, sebab penangkap-penangkap ikan

di kawasan-kawasan tangkapan ikan, nelayan-nelayan kita ini sentiasa berganding atau berlawanan dengan penangkap ikan dari negeri-negeri luar yang datang daripada Taiwan, yang datang dari Jepun dan yang datang dari Thailand yang mempunyai alatan yang cukup. Kalau nelayan-nelayan kita ini tidak kita berikan kelengkapan yang cukup modern sama dengan nelayan-nelayan yang modern ini, saya percaya taraf hidup mereka akan kecewa dan negara ini akan kekurangan ikan. Jadi, peruntukan yang kita beri ini kerana rancangan mereka tidak akan berjaya dan tidak memberi menafaat kepada mereka dan juga kepada negara.

3.55 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan peruntukan yang diminta di hadapan kita ini, saya ingin menyentuh mengenai dengan Kepala B. 14—Kementerian Pertanian dan Perikanan iaitu berkehendakkan kepada peruntukan tambahan sebanyak \$2,696,000 bagi tujuan MARDI kerana peruntukan yang diberi sebanyak \$7 juta dalam tahun 1973 yang lalu tidak mencukupi. Soal MARDI ini, sudah banyak kali disebutkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini perbahasan berkenaan dengan dasar amnya sahaja, bukan kepada butir-butir.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam menyentuh dasar am, saya rasa saya terpaksa menyentuh sedikit sebanyak tentang peruntukan yang diminta. Dalam menyatakan perkara MARDI ini, seperti yang saya katakan baru sekejap bahawa MARDI pernah disebutkan di dalam Dewan ini tentang kerja-kerjanya kurang memuaskan. Saya tidak menidakkan kerja-kerja yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan. Apa yang saya maksudkan, ini menarik perhatian Kerajaan supaya MARDI ini diberi jumlah pegawai yang mencukupi, kerana negara kita ini mahu tidak mahu adalah sebahagian besarnya bergantung kepada pertanian dan corak pertanian kita mestilah diberi suatu tanggungjawab yang berat kepada MARDI, kerana jikalau kita berpeluang melawat ke negara sahabat kita iaitu Thailand, perkara-perkara yang tidak sesuai di sini boleh ditanam di negeri sana dengan keadaan baik dan mengeluarkan hasil

yang baik. Ini menunjukkan pegawai-pegawai di negara yang tersebut dapat menjalankan kerja dan lebih mempunyai kemahiran dari kita. Dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan memberi perhatian berat untuk menambahkan pegawai-pegawai yang lebih kepada MARDI supaya pejabat-pejabat MARDI yang ada di tiap-tiap negeri itu tidak hanya indah pada Jabatan sahaja, tetapi jumlah pegawainya tidak mencukupi.

Saya terpaksa menyatakan demikian, saya dapat faham di kawasan Pantai Timur, di Pahang ada suatu pejabat MARDI dan di Kelantan ada pejabat MARDI; Trengganu itu duduknya di tengah-tengah bergantung kepada Pahang dengan Kelantan. Jikalau saya kaji jumlah pegawai yang saya nampak belanja untuk tuntutan elaun dan lain-lain lebih banyak menghabiskan wang, dan saya fikir kerja yang dijalankan tidak berpadan, kerana tempat duduk antara Kuantan dengan Kota Bharu yang hendak mengejar ke Trengganu untuk membuat research itu terlampau jauh.

Sekarang saya ingin menyentuh Kementerian Penerangan. Alhamdulillah, di dalam Dewan ini pada ketika saya bercakap, dan terdahulu daripada ini, dengan kebijaksanaan telah menghalau seorang Ahli yang pernah menentang Kementerian Penerangan ini kalau diberi peruntukan yang banyak, lebih-lebih lagi semalam sewaktu beliau bercakap dan menghentam Kementerian Penerangan ini, kerana katanya, diberi peruntukan yang banyak berhampiran dengan pilihanraya. Kepada saya Kementerian Penerangan adalah merupakan satu Kementerian yang sangat-sangat penting, bukan soal menghadapi pilihanraya ataupun tidak pilihanraya, kerana Kementerian ini adalah merupakan Kementerian yang bertanggungjawab memberi fahaman kepada rakyat dengan sejelas-jelasnya apa yang dibuat oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa, dan apa yang tidak patut dilakukan oleh rakyat jika difikirkan bertentangan dengan undang-undang dan peraturan yang ada di dalam negara kita ini.

Pendek kata, Kementerian ini adalah sebuah Kementerian yang memimpin rakyat ke arah menjadi rakyat yang benar-benar bertanggungjawab kepada negara. Saya

nampak, setiap kali Dewan ini bersidang, apakala peluang pihak Pembangkang bercakap mengenai dengan Kementerian Penerangan, maka Kementerian inilah yang dihentam seolah-olah pihak Pembangkang takut benar kepada Kementerian Penerangan ini. Kalau dikirakan pihak Pembangkang takut kepada Kementerian ini samalah seperti seorang yang mencuri takut kepada Polis, kalau seorang pencuri nampak Polis, maka sudah tentu dia takut hendak mengambil atau mencuri berhampiran dengan tempat polis itu, kerana sudah tentulah Polis hendak menangkap pencuri itu.

Pada faham saya Kementerian Penerangan ini bertanggungjawab untuk membersihkan fikiran rakyat kepada perkara-perkara yang ditaburkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan boleh merosakkan perhubungan baik di antara rakyat sama rakyat di dalam negara kita ini. Cuma satu sahaja saya hendak memberi sedikit teguran kepada Kementerian ini tentang iklan. Di sini dikehendaki tambahan sebanyak \$2,332,163 bagi bayaran komisen kepada wakil-wakil iklan dalam tahun 1973. Iklan-iklan yang ada di dalam TV kadang-kadang seronok dan baik. Yang tak baik, saya tak mahu sebut, saya sebut yang seronok dan baik sahaja. Yang seronoknya begini: Katalah iklan itu cuba hendak menunjukkan seorang yang memberus gigi dengan menggunakan Colgate misalnya, maka giginya atau mulutnya berbau sedap, maka bagi orang yang membuat iklan itu hendak menyakinkan penonton, terpaksa direka sebagai satu iklan sesudah berus gigi maka berciumlah orang itu dalam talivisyen. Saya bimbang anak-anak muda kita yang kerap kali melihat TV itu akan membuat satu peraturan setiap kali dia sudah memberus gigi dengan Colgate maka dia pun bercium, antara lelaki dengan perempuan. Apa salahnya kalau hendak menunjukkan tidak berbau busuk, sesudah gosok gigi itu bercium lelaki sama lelaki. Itupun boleh menyakinkan bahawa tidak busuk lagi bau mulut kalau sudah digosok dengan Colgate.

Begitu juga saya nampak iklan rokok; seorang yang turun dari kapal terbang tiba-tiba jatuh rokoknya, kemudian sedang dia berpeluk orang lain pergi ambil rokok itu. Inilah yang saya nampak banyak perkara yang tak payah saya sebut di sini, dan saya fikir Menteri penerangan lebih faham, banyak perkara yang pernah dikritik kerana

corak atau gambar-gambar iklan yang ada dalam TV kita. Pendek kata, kalau pernah Perdana Menteri mengatakan bahawa sesuatu yang hendak kita buat dalam negara ini mestilah bercorak masyarakat Malaysia, saya harap iklan-iklan TV itu biarlah bercorak masyarakat Malaysia.

Begitu juga pernah saya dengar beberapa kali Menteri Penerangan menyebutkan, Menteri dahulu dan yang baru, tidak menggalakkan penyanyi berambut panjang dalam siaran TV, tetapi saya nampak mula-mula dahulu undang-undang itu berjalan baik, tetapi sekarang penyanyi makin panjang rambutnya. Saya tak tahu samada peraturan itu sudah ditarik balik, diminta apakala Menteri menjawab, dapat menerangkan samada peraturan itu sudah ditarik balik ataupun tidak.

Menyentuh Kepala B. 25 berkenaan peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun mengenai peruntukan tambahan sebanyak \$42 juta yang dikehendaki oleh LPN untuk membeli 85 ribu tan lagi beras dari negeri China untuk simpanan stockpile. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Pusat, khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, waktu melawat Trengganu baru-baru ini telah menurunkan takrif negeri Trengganu yang selama ini diletakkan di bahawa kelas F mengenai harga beras telah diberi suatu pertimbangan kepada kelas B, walaupun di Dewan ini semasa perkara itu saya sebut, Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata "sesuai dengan kelas F". Syukur segala kenyataan telah ada, maka Timbalan Perdana Menteri telah memberi suatu pertolongan besar kepada rakyat Trengganu dengan meletakkan di bawah kelas B.

Mengenai beras juga di Dewan ini dahulu saya telah merayu supaya dikurangkan ataupun dihapuskan masalah potongan 30% kepada pengilang-pengilang. Pihak berkenaan menjawab tidak perlu, tetapi seminggu lepas, saya dengar pihak berkenaan dengan LPN telah menyatakan dalam akhbar bahawa perkara itu telah diselesaikan dan diberi kebenaran sementara mengecualikan potongan 30% kepada para pengilang. Cuma saya belum dengar lagi masalah pemindahan beras 30 kati yang ditetapkan oleh LPN menjadi satu syarat mutlak kepada seorang hendak memindah beras dari sesebuah negeri

ke sebuah negeri tak boleh lebih daripada 30 kati, samada sesuai atau tidak harap dapat dibuat kajian semula, kerana kalau LPN sendiri sudah memasukkan dalam satu kampit sebanyak 30 kati beras. Kalau saya beli beras LPN hendak bawa balik ke Trengganu, saya terpaksa bahagi tiga kampit itu baru boleh dibawa balik. Jadi tidaklah sesuai saya rasa peraturan seperti itu dijalankan dalam negara ini, sebab negara kita ini bukanlah berada di dalam keadaan darurat.

Saya ingin juga menyentuh P. 61, Kementerian Kebajikan Am, peruntukan yang diminta sebanyak \$11,397 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan, 1972 bagi pembinaan Asrama Rumah Tahanan Budak-budak di Kuala Trengganu. Saya cuma hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah mengambil berat untuk membina asrama dan rumah tahanan budak-budak yang sudah rosak akhlakanya di Kuala Trengganu. Saya berharap supaya pegawai-pegawai yang ditugaskan di sana itu dapat betul-betul memberikan didikan bukan sahaja dari segi kebendaan, tetapi hendaklah dibentuk jiwa kanak-kanak itu. Apakala mereka keluar daripada pusat tersebut dapatlah menjadi manusia yang berguna pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa. Di sini ada peruntukan yang diminta ialah sebanyak \$2,500,000. \$1 juta untuk Perusahaan-perusahaan Pertanian; \$720,000 untuk Kejenteraan Ladang dan Kenderaan; \$400,000 untuk Modal Pemasaran dan \$380,000 untuk Projek Ternakan Ayam. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah untuk Perusahaan Pertanian termasuklah kepada Lembaga Pertubuhan Peladang.

Saya dapat faham bahawa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah memberi perhatian yang berat kepada Lembaga Pertubuhan Peladang, dan semasa diadakan mesyuarat pertubuhan peladang baru-baru ini pihak Yang Amat Berhormat Tun telah membuat pengumuman bersetuju meluluskan wang sebanyak \$60 juta untuk diberi bantuan subsidi mengenai dengan baja. Saya bagi pihak petani—sebab sebelum berada di sini saya juga sebagai anak tani—mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil

berat tentang memberi subsidi baja kepada petani. Cuma yang saya kurang senang sedikit apakala saya membaca suratkhabar sehari dua ini, saya dapat faham daripada berita itu sebab berita itu tidak terang samada dari Kerajaan ataupun dari Lembaga sendiri mengatakan di dalam berita itu bahawa tiap-tiap satu kampit baja rakyat hanya dikehendaki membayar \$10 sahaja, yang lebih itu akan ditanggung oleh Kerajaan. Ertinya, selebih itulah merupakan subsidi. Saya ingin mendapat penegasan di dalam Dewan ini apakala Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menggulung, kalau kedudukan harga baja sudah meningkat sampai kepada \$35 atau \$40 bagi satu kampit, adakah rakyat atau petani mesti bayar sekadar \$10 itu sahaja dan yang lebih \$20 itu merupakan subsidi daripada Kerajaan ataupun kalau keadaan baja ini bertambah naik lagi, maka subsidi Kerajaan itu bertambah naik lagi untuk mencukupi kadar \$60 juta. Kalau itu merupakan persediaan yang dibuat oleh Kerajaan, maka saya rasa itulah sebaik-baiknya, tetapi saya amat samar-samar sekali samada Kerajaan dapat membuat demikian atau tidak dengan kemampuan yang ada kepada Kerajaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan di sini ialah mengenai dengan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga. Bila disebut Kementerian Kerja Raya dan Tenaga di dalamnya tentulah termasuk mengenai dengan Lembaga Letrik Negara. Lembaga Letrik Negara ini sudah kerap kali disebut di dalam Dewan ini tetapi oleh kerana banyak sangat ahli-ahli yang mengatakan inilah Dewan yang akhir bagi ahli-ahli yang ada, barangkali pada masa akan datang banyak bertukar, jadi biarlah saya hendak sebut di dalam Dewan ini mengenai dengan kawasan saya berhubung dengan Lembaga Letrik Negara ini. Sudah banyak surat-menyurat antara saya sendiri dengan pihak pegawai-pegawai atau Pengurus Lembaga Letrik Negara itu. Ditulisnya surat kepada saya supaya berunding dengan orangramai di kawasan saya menebang pokok kerana hendak pasang tiang, hendak ditarik wayar. Sudah siap orangramai tebang pokok ditanya kepada Lembaga Letrik Negara bila hendak bawa tiang, dijawabnya wang tidak ada. Yang saya hairan di Kelantan, Trengganu dan Pahang tidak ada tiang, yang ada tiangnya daripada Taiping. Maka tiang

daripada Taiping dibawa ke Pahang, dibawa ke Trengganu dan dibawa ke Kelantan. Saya berharap kepada Biro Siasatan Negara cuba menyasiat Lembaga Letrik Negara ini, kalau-kalau ada pegawai-pegawai yang tertentu yang diberi kuasa mengenai dengan tender untuk mendapatkan tiang ini. Mereka ini ada mempunyai perhubungan dengan pembekal tiang letrik yang didapati daripada Taiping ini, kerana saya rasa tidak menasabah sekali Negeri Kelantan, Negeri Trengganu dan Negeri Pahang hendak dibekalkan tiang letrik daripada Taiping, sedangkan Negeri Pahang banyak kayu, Negeri Trengganu banyak kayu dan Negeri Kelantan juga banyak kayu.

Yang kedua, pihak Lembaga Letrik Negara juga baru-baru ini mengatakan dia kekurangan wayar. Dua-tiga hari kemudian-nya ada kenyataan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengatakan, dia sendiri tidak tahu yang pihak Lembaga Letrik Negara kekurangan wayar. Jadi saya tidak faham. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kata dia tidak sedar, Lembaga Letrik Negara kata dia kekurangan wayar, apatah lagi perkara-perkara yang lain. Jadi supaya antara dua ini di dalam membuat hujah kepada orangramai tentang kelewatan dan tentang kelambatan melaksanakan satu-satu projek ini tidak mentertawakan rakyat, biarlah sefahaman. Kalau hendak kata bendanya tidak adapun biarlah sefahaman supaya tembelangnya tidak pecah. Jadi, kalau Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kata, dia tidak sedar, Lembaga Letrik Negara kata kekurangan wayar; ini sudah pecah tembelangnya samada Kementerian Perdagangan dan Perindustriankah yang tidak betul, ataupun Lembaga Letrik Negara yang tidak betul.

Yang anihnya, kalau sudah projek itu ditulis tahun 1971-1974 belum siap, 1972-1975 barangkali. Saya fikir lebih baik pada masa akan datang Lembaga Letrik Negara ini tidak usah tulis langsung projek ini untuk tahun berapa, pakai ikut sedap dia hendak buat kerana malu sebagai seorang Wakil Rakyat diberitahunya kepada kita rancangan ini untuk tahun sekian-kian. Sebelum dihantar tiang sahaja, tahun yang kedua dihantar wayar, tahun yang ketiga baru kira hendak disambung api. Saya tidak tahu sampai begitu rumit di dalam Lembaga Letrik Negara ini kerana saya tidak pernah hampir sangat, tetapi apakala saya pergi

berjumpa dengan pegawai-pegawai di pejabatnya nyata kepada saya bahawa segala perkara yang dijawabkan kepada saya itu 10% pun tidak sampai yang benar, 90% adalah bohong sahaja surat-menyurat antara pegawai dengan saya, dan ini saya dapat bukti jika dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri membuktikan bagaimana pegawai-pegawai cuba menjawab surat-surat ini dengan keadaan yang bohong kepada orangramai. Saya harap di dalam Dewan yang mulia ini Lembaga Letrik Negara dengan ada pengerusi barunya yang baru-baru dilantik akan dapat mengambil perhatian yang berat supaya apa yang benar-benar berlaku di kawasan saya tidak akan berulang-ulang lagi, dan saya sendiri pun rasa sudah jemu hendak menyebutkan perkara ini berulang-ulang di dalam Dewan ini.

Pada akhirnya, saya lagi sekali mengatakan bahawa saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya permintaan dan usul yang ada di hadapan ini. Dan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas sikap keberanian Tuan Yang di-Pertua mengusir wakil dari Bandar Melaka tadi dengan mensifatkan dia sudah tidak ada dalam Dewan ini sebelum Dewan ini dibubarkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya bercadang perbincangan atas bacaan kali yang kedua ini kita teruskan sehingga pukul 5.00 petang di mana saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap mintalah dipendek-pendekkan.

4.19 ptg.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu permintaan tambahan kepada 4 jenis belanjawan tambahan yang diminta di Dewan ini, dan saya akan hanya mengambil dua tiga Kepala sahaja yang saya fikirkan perlu bagi perhatian Kementerian yang berkenaan.

Walaupun jumlah yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu supaya diluluskan oleh Dewan ini meluluskan satu tambahan yang begitu banyak iaitu tambahan ketiga bagi tahun 1973 dan

tambahan pertama bagi tahun 1974 iaitu bagi urusan dan pembangunan yang berjumlah lebih daripada \$30 juta. Tetapi pada hemat saya ini bukan satu cara Kerajaan menjalankan perbelanjaan ini, membelanjakan wang ini dengan cara yang tidak bertanggungjawab atau dengan sia-sia atau dengan boleh merosakkan atau diburukkan lagi keadaan inflasi di negara kita ini, kerana saya dapati daripada jumlah yang dipohonkan bagi kelulusan Dewan ini pada tiap-tiap kepala itu adalah jumlah yang sangat diperlukan oleh Kerajaan bagi menjalankan projek-projek yang telah dijanjikannya kepada rakyat.

Saya sedar bahawa Kerajaan yang memerintah hari ini satu Kerajaan yang penuh bertanggungjawab dan bukan sahaja sudah menyempurnakan janji-janji yang dibuatnya pada masa-masa yang lalu, bahkan melebihi daripada janjinya itu. Ini adalah semuanya terbit dan timbul daripada hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan supaya rakyat yang susah keadaannya bertambah baik kehidupannya dan pendapatannya lebih tinggi. Maka dengan sebab itulah saya menyokong dengan kuatnya usul memohon supaya tambahan ini diluluskan di dalam Dewan ini.

Di dalam Kertas Perintah 6 iaitu Kementerian Pertanian dan Perikanan satu jumlah \$47 juta telah dikehendaki iaitu bagi membolehkan Kementerian Pertanian mengimpot dan mendapatkan bekalan urea iaitu untuk menolong petani-petani terutama di dalam hal penanaman padi. Saya menyokong kuat tentang usaha Kerajaan untuk membantu dengan cara subsidi kepada petani-petani yang memerlukan baja urea yang harganya berlipat ganda lebih daripada 200% tingginya daripada harganya dahulu. Jika Kerajaan tidak memberi subsidi ataupun pertolongan ini kepada pihak petani sudah tentulah petani yang pertama sekali tidak dapat menjalankan perusahaannya menanam, khususnya menanam padi bagi kepentingan kita sekalian, rakyat seluruhnya yang 90% rakyat negara kita ini memerlukan makanan ini daripada hasil di negara kita sendiri, dan ini walaupun dapat mereka itu menanam maka sudah tentu harga padi jauh lebih tinggi daripada harganya pada masa ini dan ini juga akan melibatkan harga beras yang akan lebih tinggi. Maka sikap Kerajaan untuk membantu petani-petani ini dengan memberikan harga yang dibantu iaitu dengan cara

subsidi, harga baja urea ~~sekarang~~ yang sangat tinggi ini yang diimpot daripada luar negara kita ini, maka ini adalah satu langkah yang bijak bagi menyenangkan dan merengangkan bebanan petani-petani dan juga bagi memberi faedah kepada pengguna-pengguna khasnya daripada petani-petani.

Di dalam soal ini, saya suka menarik perhatian Dewan ini iaitu mungkin daripada baja yang tidak mencukupi atau kurang baik mutunya, maka satu daripada jenis padi yang terbaik ~~sehari~~ di dalam negeri kita ini dahulunya disebutkan "Padi Mat Candu" yang dijeniskan jenis beras panjang di dalam Jadual Harga Kawalan Beras sekarang ini, tetapi Mat Candu yang dikeluarkan daripada Tanjong Karang atau Sabak Bernam ini sudah menjadi pendek iaitu kecut dan tidak lagi merupakan jenis yang panjang. Walaupun yang dikeluarkan daripada MUDA, daripada Jelapang padi di Kedah sana masih lagi jenis yang panjang.

Kepala P. 14—MARDI. Saya harap MARDI akan cuba berusaha menyiasat kenapa padi yang jenis itu juga, keturunan daripada Padi Mat Candu yang ditanam di Kedah sampai sekarang ini masih lagi dijeniskan beras yang panjang, tetapi jenis padi itu juga yang ditanam di Tanjong Karang/Sabak Bernam sudah jadi pendek, sudah jadi kontot atau kecut atau apa sahaja yang merupakan pendek daripada asalnya, dan sekarang tidak lagi dapat dijeniskan beras yang panjang. Ini bermakna harganya lebih kurang lagi. Ini akan merugikan petani yang menanam padi ini di dalam kawasan yang saya sebutkan tadi. Ini perlu bagi MARDI menyiasat perkara ini samada kerana sebab keadaannya atau bajanya kurang. Ini sangat perlu dikaji dalam perkara ini.

Saya juga menyentuh perkara Kementerian Pelajaran iaitu memerlukan wang sebanyak \$28 juta untuk membolehkan Kerajaan mengadakan buku-buku teks. Saya beri kepujian kepada Kementerian Pelajaran yang sudah berhempas-pulas selama ini, saya tahu yang dengan kerana kekurangan wangnya tidak dapat membekalkan anak-anak kita daripada keluarga yang kurang baik atau miskin tidak dapat mengadakan buku-buku teks.

Saya percaya dengan adanya peruntukan yang diluluskan oleh Dewan ini akan dapatlah menerangkan pihak Kementerian

Pelajaran menjalankan tugasnya lebih sempurna lagi membekalkan buku-buku teks ini kepada anak-anak yang miskin supaya mereka tidak tergendala belajar. Hanya satu sahaja yang saya harap kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya buku-buku ini dibekalkan masanya agak awal pada masa mula-mula buka sekolah dalam penggal tahun itu. Kalau tidak, ini akan juga merugikan pihak murid-murid yang akan dapat buku-buku lewat. Dan satu daripada caranya ialah menentukan buku-buku yang misti di gunakan bagi sesebuah sekolah itu lebih awal lagi daripada masa-masa yang telah lalu kerana pada masa-masa yang telah lalu oleh sebab terlambat memberikan daftar buku itu kepada sekolah-sekolah apa buku-buku yang hendak dipakai, maka penerbit-penerbit lambat menerbitkan dan ini juga akibatnya anak-anak murid kita tidak dapat buku itu lebih awal. Saya percaya dengan adanya peruntukan ini diluluskan oleh Dewan ini Kementerian Pelajaran dapat bergerak dengan lebih licin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kepala Perintah 10 iaitu Kepala 7 dan Kepala 23. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan. Di dalam Kertas Perintah 10 dan dua bank yang tersebut di dalam Kertas ini. Yang pertama, Bank Pertanian yang telah ditambah \$30 juta dan berkehendakkan \$20 juta lagi bagi Bank Pertanian ini.

Kalau Dewan ini meneliti projek-projek yang telah dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini, nampak benarlah sangat jelas dan nyata bahawa Kerajaan bersungguh-sungguh hendak meninggikan taraf petani-petani kita ini dengan apa juga daya dan usaha, dengan mengadakan berbagai-bagai projek bagi meninggikan kehidupan petani-petani ini, sekarang dengan adanya Bank Pertanian yang akan meminjamkan wang dengan faedah yang rendah, maka ini juga akan menjadi satu bantuan yang besar kepada petani-petani kita untuk bergerak di dalam sebuah negara yang serbanya maju sekarang yang menghadapi kepada perindustrian. Ini satu perlumbaan yang mereka ini akan kekurangan kiranya tidak dapat dibantu oleh pihak Kerajaan.

Kepala P. 23—Perbendaharaan ada peruntukan dikehendaki sebanyak \$15 juta pinjaman kepada Bank Pembangunan Malaysia. Apa yang saya ketahui, Tuan Yang di-

Pertua, Bank Pembangunan Malaysia ini telahpun didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Berhad dengan tujuan-tujuan tentulah berlainan sedikit daripada commercial bank, bank Perdagangan yang telah banyak ujud di negara kita ini.

Apa yang saya telah diberitahu bahawa Bank Pembangunan ini telah tertubuh dengan tujuan-tujuan, antaranya, untuk menggalak dan membantu bumiputra di dalam menilai, merancang, membiayai dan melaksanakan projek-projek perindustrian sahaja. Dan mengadakan equity di dalam sesuatu projek dengan mengadakan pinjaman jangka masa yang panjang atau sederhana dengan dikenakan kadar bunga yang istimewa iaitu tidak begitu tinggi. Saya diberitahu kurang daripada 7% faedah yang dikenakan kepada peminjam-peminjam dengan bayaran jangka masa panjang yang tidak lebih daripada 15 tahun. Dan juga penyertaan di dalam sesuatu projek yang mana equitynya boleh dijual balik kepada peminjam atau kepada bumiputra itu setelah selesai pinjaman itu dibayar semula. Begitu juga antara tujuannya ialah memberi jaminan kepada peminjam iaitu untuk jentera perindustrian, kerana saya percaya bumiputra telah banyak sekarang melibatkan dirinya di dalam bidang perindustrian, tetapi mereka tidak mendapat peluang atau kesempatan menjalankan perindustrian ini sebab kekurangan modal untuk membeli jentera-jentera ini. Maka dengan adanya Bank Pembangunan ini akan dapat meminjamkan dalam lebih kurang 60% daripada nilai-nilai jentera ini untuk syarikat-syarikat bumiputra atau yang berjoint venture dengan syarikat-syarikat lain untuk membeli jentera ini bagi meneruskan perusahaannya.

Jadi dengan adanya Bank Pembangunan ini, saya percaya lagi sekali dapat pihak Kerajaan dengan tujuan-tujuan yang ada ini untuk bumiputra mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan juga mencapai matalamat sosial di dalam kontrek Dasar Ekonomi Baharu, terutamanya mengujudkan pengusaha-pengusaha bumiputra di dalam bidang perindustrian yang sangat kurang pada masa ini.

Hanya satu, saya memohon kepada pihak Perbendaharaan, mengenai pinjaman wang \$15 juta ini. Saya berharap pinjaman yang diberikan kepada Bank Pembangunan ini tidak dikenakan bunga atau faedah yang

tinggi, kerana sebagaimana yang saya sebut daripada awal tadi Bank Pembangunan ini berlainan dengan commercial banks yang boleh mengenakan faedah yang tinggi. Dia tidak akan mengenakan faedah yang tinggi, dengan sebab itu Kerajaan juga patut memberikan pinjaman ini kalau dapat di dalam lima tahun yang pertama tidak dikenakan apa-apa faedah juga pun, dan hanya tahun keenam dikenakan faedah yang rendah bagi membolehkan dan dapat melaksanakan cita-cita Kerajaan supaya bumiputra dapat melaksanakan penyertaan di bidang perindustrian yang sangat pesat berjalan di dalam negara kita ini.

Begitu juga saya berharap peruntukan sebanyak \$15 juta ini hanya permintaan bagi kali ini. Tetapi pada masa yang akan datang dapat lagi pihak Kerajaan menguntukkan lagi peruntukan yang lebih, kerana \$15 juta bagi membantu perindustrian hanya merupakan bantuan untuk beberapa projek sahaja. Kita tahu bahawa perindustrian memerlukan wang yang banyak, tetapi kalau \$15 juta sahaja untuk membantu bumiputra di bidang perindustrian angka ini amatlah kecil. Dengan sebab itu, saya berharap pada masa yang akan datang dapat pula Perbendaharaan menguntukkan wang yang lebih, kerana saya telah diberitahu iaitu mengikut cash flow yang diadakan yang diusahakan oleh pihak Bank Pembangunan ini sehingga tahun 1978 memerlukan tidak kurang dari \$70 juta lagi kiranya hendak dilayan permintaan-permintaan daripada bumiputra. Sekiranya tidak diadakan peruntukan ini, samada daripada Kerajaan kita sendiri atau dari luar negeri, maka tertubuhnya Bank Pembangunan ini tidak akan memberikan menafaat dan faedah sebagaimana yang dicita-citakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur menyebut dengan sebab ada peruntukan bantuan iaitu subsidi kepada beras begitu banyak untuk membolehkan pihak Lembaga Padi dan Beras Negara membeli beras daripada negeri China, maka sukalah saya menyebutkan iaitu pihak Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, patutlah memahami bahawa subsidi yang diberikan oleh Kerajaan bagi menolong rakyat, iaitu pada tiap-tiap satu kali beras hampir 50% daripada harga itu ialah dibiayai oleh Kerajaan. Kalau kita perhatikan di negeri-negeri lain, terutama di negeri jiran kita, harga beras di tanahair kita ini amatlah

rendah disebabkan subsidi daripada Kerajaan. Ini lagi menunjuk dan membuktikan bahawa Kerajaan kita bersungguh-sungguh, bukan sahaja pada cakap dan janji, tetapi juga telah melaksanakan lebih daripada apa yang diharapkan oleh rakyat negeri ini bagi membantu mereka.

Ahli dari Besut tadi ada membangkitkan dua tiga perkara yang telah dibangkitkan berulang-ulang kali dalam Dewan ini. Saya suka juga menerangkan apa yang saya ketahui bahawa Trengganu memanglah dimasukkan, dijeniskan atau dikelaskan di dalam "F" kerana jauhnya daripada jelapang padi, sekarang tidak seperti dahulu lagi, beras di Kelantan pun terpaksa dibawa daripada sini. Biasanya beras dari Kelantan mengalir ke Selatan melalui Trengganu, memberi faedah kepada orang Trengganu dan mengalir sampai ke Pahang dan Kuala Lumpur, tetapi sekarang sudah terbalik, terpaksa dibawa ke sana. Jadi, kalau Trengganu dijeniskan masuk di dalam kawasan "B" bermakna beras itu harganya rendah sedikit daripada kelas yang di dalam kawasan "F", tetapi beras tidak ada di situ, tidak ada orang hendak berniaga membawa beras ke negeri Trengganu. Dengan sebab itu, akan menyusahkan rakyat negeri Trengganu sendiri. Biar terlebih sedikit beberapa sen tetapi berasnya ada. Walau bagaimanapun, yang saya dapat tahu pihak Lembaga Padi dan Beras Negara telah menasihatkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya disetujui dimasukkan di dalam kawasan "B". Ini bermakna menghendaki lebih lagi jenis-jenis ini dihantar ke Trengganu sana lebih daripada masa-masa yang lalu kerana Trengganu mengharap boleh dikatakan hampir semua jenis itu daripada beras yang disubsidi oleh Kerajaan Negeri. Tetapi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ialah beras murah tidak dapat dalam negeri ini, ini adalah satu kenyataan yang terlalu umum, petani-petani hari ini memang tidak banyak menanam jenis yang rendah ini, kerana jenis yang rendah ini harganya murah. Bila beras murah, padi ini murah juga daripada beras yang agak mahal. Kalau siapa pun menjadi petani sudah tentu dia menanam padi yang hasilnya boleh mendatangkan lebih kepada mereka. Dengan sebab itu, penanaman padi jenis murah ini memang kurang, tetapi Kerajaan melalui L.P.N., apa yang saya

ketahui, telah menjalankan usaha bagi menampung, mengisi kekosongan ini dengan mengimpot beras yang murah ini; tidak mengimpot beras jenis yang mahal. Beras yang mahal tidak diimpot ke dalam negeri ini, tetapi hanya jenis yang rendah supaya dapat membantu rakyat. Itulah sebabnya kita terpaksa mengimpot beras kerana 10% daripada keperluan negara, tetapi beras yang kita impot itu hanyalah beras yang bermutu rendah.

Begitu juga 10 kati ini katanya masih memerlukan permit. Apa yang saya tahu, kiranya sudah sampai masanya kelak, berjalan baik harga kawalan beras ini tidak perlu ada lagi antara negeri dengan negeri, melainkan daripada jelapang padi itu perlu juga diadakan sekatan supaya diketahui berapa banyak padi yang keluar daripada satu jelapang padi ke arah atau ke negeri, daerah-daerah lain. Ini sangat perlu, tetapi ini hanya bagi sementara. Katanya, tidak boleh dibawa kalau beli 30 kati kena tahan. Yang sebenarnya boleh, hanya minta permit, dengan izin. Yang tidak boleh itu kalau dengan tidak ada izin. Kalau dengan izin memang boleh, lebih daripada itupun boleh, berlari-lori orang membawa beras kerana ada permit. Itu sahaja dan ini bagi kepentingan rakyat.

Begitu juga tentang 30% potongan. Ini hanya dilonggarkan untuk sementara ini sahaja kerana selarang di antara padi luar musim dengan yang telah lalu maka di Negeri Kedah di sana kelonggaran buat sementara ini tetapi mesti dibuat selama-lamanya. Ini juga menunjukkan pihak Kerajaan dan pihak L.P.N. mengkaji keadaan ini, situasi ini daripada satu masa ke satu masa. Tidakkah undang-undang itu diadakan dan berjalan buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya terhadap satu dua kepala di dalam Kertas-kertas Perintah ini.

4.44 ptg.

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I shall try to be as brief as possible in my participation in this debate.

First of all, Mr Speaker, Sir, may I touch on the Election Commission. The election is around the corner and we are rather perturbed to note that the electoral rolls for Sarawak are not yet ready and I would like

to make an appeal here to the Election Commission to please accelerate the preparation of the electoral rolls for Sarawak.

The other point on which I would also like to make a plea here is that in view of the fact that we in Malaysia are a democracy equal Radio time should be given to both the Government and the Opposition at election time. The Government has had all the time and opportunity for the last four years of presenting the Government's case and I think it is only fair that the Opposition should also be given a chance to do so during the time of the election.

On the question of election expenses, I would now like to draw the attention of the Election Commission to the need for the Election Commission to keep a close eye on election expenses to ensure that all candidates do not spend more than what is allowed to be spent. In other words, if Ministers use helicopters and Government transport, this also should be taken into account as election expenses, particularly if they are candidates themselves. Even Ministers say the candidates should not abuse. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What Head are you referring to, Honourable Member?

Datuk James Wong Kim Min: Under the Election Commission, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What Command Paper? What Head are you touching on, because if no Head is given, then one should not touch on it.

Datuk James Wong Kim Min: Head B. 4, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: All right, carry on.

Datuk James Wong Kim Min: Thank you, Sir. The other point I would also like to draw to the attention, at this stage, of the Election Commission is that they should make sure that only Malaysians are allowed to participate in the campaigning during the elections. It is essential, Sir. I feel, that elections should be conducted as fairly and democratically as possible so that the image of Malaysia as a democratic nation would not be impaired. We should not adopt the *lain naik ribong, lain naik pinang* attitude, because if we do that, surely it would not be a fair election.

Another point I would like here to draw to the attention of the Chairman of the Election Commission is that I do sincerely hope that the briefing of the Returning Officers should be done properly and that the Returning Officers should know what they are doing so that they would not be easily intimidated.

Sir, the other point I would now bring up is on Agriculture under Head B. 14. We were very pleased to hear recently that rice would now be grown in Sarawak. But this is not the first time that we have heard of this. Sir. Several years ago none other than our Prime Minister then had said that Sarawak would be one of Malaysia's rice bowls. But in this instance promises should not be made lightly and I hope the Federal Government would now sincerely carry out a complete research on the possibilities of growing rice in Sarawak. Incidentally, I would like to mention in passing here that a statement was made that 65,000 acres of rice would be grown in the Fifth Division. With respect, Sir, I think they would not find that amount of land in the Fifth Division and this is the kind of over-statement which sometimes destroys the credibility and the good intentions of the Federal Government and I ask the Federal Government to please in future be more careful when they make statements and not to overstate their promises.

The other point which I would like to make is under Head B. 35—Kementerian Penerangan. I am very pleased to note here that Television will be established in Sarawak but, in this connection on the question of Penerangan as a whole, I would like to draw the attention to the abuse of Radio Sarawak which has recently been done. During the visit, on the 13th July, 1974, of none other than the Prime Minister to Sarawak, there was a rally in the Central Padang in Kuching and at this Central Padang rally speeches were broadcast live over the Radio and many people in Sarawak were rather perturbed to note that the Honourable Member for Payang had used some rather un-Rukunegara language at that instance during the rally and it was broadcast over the Radio live. I would ask here the Federal Minister in charge of Information and Broadcasting to please be more careful in future when allowing speeches to be broadcast live over Radio as it is unfair for

Ministers especially to make statements over the Radio which are against the Rukunegara, which is our Nation's Ideology. For instance, this is a letter written by a gentleman who has been aggrieved by this. He said, I quote:

"In his speech at the rally, Datuk Abdul-Rahman uttered some very belittling and bitter remarks on us, namely, Bujang Puloh, whom he referred as tukang angkat beg or porter at the Aurora Hotel; Haji Jerai, Wazar Khan, Abang Annuar and myself, whom he referred as Snawi Pendek. Why must Datuk Abdul-Rahman refer to me at the rally and call me 'Snawi Pendek?'"

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: But the injured parties surely can take whatever action they may wish.

Datuk James Wong Kim Min: But he is not pendek, Sir! "Pendek" means "short".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No, I said the injured parties could, if they so wish, take action against whoever spoke against them. There is no use of bringing it to this House here. We are debating Government policy here.

Datuk James Wong Kim Min: I agree, Sir. Nevertheless, I would like to know, is it the Government's policy to slander people over Radio Sarawak? Surely that is not the Government's policy.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You can put that question and let the Minister reply later. But surely there is no need to bring in details because this debate has nothing to do with it.

Datuk James Wong Kim Min: I am not overdoing it, Sir. I am just trying to make a point here lest it be thought that I am bringing something which is fictitious into this House. What I am trying to say is that with the election coming now there will be rallies and there will be broadcasts, Sir, and I think the Federal Ministers should ensure that what is broadcast over Radio Sarawak should be responsibly done and should not belittle or be insulting or be slanderous.

The other point, Sir, which I would like to raise here is in connection with Education under Head B. 21. As you know, Sir, primary education in Sarawak has been taken over by

the Government now, but it is rather sad to note that the transitional period between the Local Government and the Government taking-over has been rather short and there has been some dislocation with the result that some of the old primary schools in Sarawak which were made of *kajang* or *atap* are leaking very badly. The new policy of the Government, of course, is that no new buildings will be put up unless the land is surveyed by the Land Survey Department and that the buildings should be put up by the P.W.D. But in the interim, Sir, what happens? For them to do this, there is a procedure, of course, which is very time-consuming; and meanwhile the school buildings are deteriorating. To give an instance, Sir, in the case of one school in Ukong, there are 190 students in the up-river school; there are 79 boarders there but, unfortunately as there is no boarding school, the 79 boarders have to sleep in the classrooms at night; and there are only 4 classrooms for 5 classes, just to give an instance. I hope the Minister of Education will look into the overall problem of Sarawak here and make sure that school buildings are brought up to a certain standard where they are habitable pending the building of better schools.

The other point, Sir, which I would like to touch very briefly here is this. I note that under Head B. 22—Kementerian Luar Negeri, Sir, that more buildings will be bought abroad. But in this instance, Sir, I would like to make a plea here again to our Minister of Foreign Affairs. We have a non-alignment policy, we have said we are neutral, but let us not only preach but let us practise our non-alignment and our neutrality, so that the whole world can see that we are really neutral and that we do not interfere in the affairs of other countries.

4.54 p.m.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) While supporting the Supplementary Supply Bill, I would like to touch on Command Paper No. 5 under the Head—Ministry of Education, where an allocation of \$28 million is asked for the provision of textbooks. I would say that providing free textbooks alone is not sufficient. What is equally important is the provision not only of free textbooks but also of free education.

I would urge the Government to consider education as a birthright of every citizen in this country, and this education should be made compulsory and given free even up to university level, if necessary, as is being done in countries like Sri Lanka which is not so financially sound and not so prosperous as Malaysia is today.

It is only when this objective is attained, namely compulsory free education is given, that this country can be safely regarded as an intellectually advanced and economically developed country comparable in some ways to the countries of other parts of the world.

Education can be considered from two angles: education for education's sake and education for individual and national economic development. In the case of the latter, the education programme should be such that pre-vocational subjects are taught to give students knowledge of certain skills to enable them to make a living after leaving school. Owing to the limited number of places available at the higher institutions of learning, many bright and intelligent students are deprived of a chance to further their studies. The time has now come for the Government to build more technical and secondary schools throughout the country to cope with this increasing rush and demand for studies by the students themselves. The Government should also consider building more vocational schools throughout the country and throughout every State to accommodate these students who are not fit for higher education and those drop-outs from M.C.E. examination to enable them to learn some useful trade and earn a living for themselves without depending on the Government for jobs. In effect, if this is done by the Government, instead of the Government helping these students to secure jobs, the students would be helping the Government in the field of industrial development, advancement and so on.

Now, touching on Command Paper No. 3 in regard to Treasury and Treasury Services, I would say Malaysia has a large Treasury functioning in every State for the purpose, *inter alia*, of collecting Government duties from members of the public. However, I regret to say that in some cases, the services offered to the public are not satisfactory. Sufficient attention has not been paid regarding the location of Stamp Offices

in the various parts of the country. Although these Stamp Offices collect large sums of money by way of stamp duty, for example, stamping of agreement, stamping of memorandum of transfer of land, stamping of statutory declarations, stamping of policies of insurance and various other documents, yet in some places the convenience of the general public who go to get their documents stamped has not been taken into account. For example, in Ipoh, the people are undergoing great difficulty and hardship and inconvenience in having to go to the Stamp Office in Jalan Ali Pitchay situated about 1½ miles away from the Secretariat, General Post Office, lawyers' offices, Land Office and the business centre, merely for the purpose of stamping their documents. I suggest that this Stamp Office should be shifted without delay to any place near the General Post Office or the Secretariat or the Land Office, so as to avoid inconvenience and unnecessary expense in having to hire a taxi for \$2 to stamp, for example, a Statutory Declaration costing only \$2. Similarly, the Stamp Office for Sungei Siput is either at Kuala Kangsar or Ipoh, which are about 14 or 18 miles away from Sungei Siput respectively and people have to go there by bus or taxi to get their documents stamped. The stamping of a statutory declaration may cost \$2, but the taxi fare up and down may cost much more than \$2. In this way, half-a-day is also lost in travelling either to Kuala Kangsar or to Ipoh to stamp a small document. I would suggest that the Stamp Office be opened up at Sungei Siput itself near the District Office or at the Post Office to help people stamp their documents without much inconvenience, expense and delay.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya telah katakan tadi pada pukul 5.00 petang ini saya akan jemput Menteri menjawab. Ahli-ahli yang belum bercakap, dalam masa Jawatankuasa boleh bercakap.

5.00 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ada ramai Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini menyentuh soal Suruhanjaya Pilihanraya dan seolah-olah pilihanraya itu akan berlaku esok. Tetapi sebetulnya umur Dewan ini masih ada lagi satu setengah

tahun dan sehingga masa ini belum lagi diketahui bilakah masanya Dewan ini akan dibubarkan.

Walau bagaimanapun, Ahli dari Bandar Melaka menarik perhatian supaya Suruhanjaya Pilihanraya memanggil mesyuarat semua parti politik bagi membincangkan dan membereskan masalah-masalah yang timbul supaya pilihanraya yang akan datang dapat berjalan dengan sempurna itu, maka bolehlah saya menyatakan di sini sungguhpun tidak menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya untuk berhubung dengan mana-mana parti politik, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya selalu mengambil ingatan tentang perlunya tata tertib bagi mana-mana parti atau orang perseorangan yang akan bertanding dalam pilihanraya yang akan datang atau mana-mana pilihanraya yang akan berlangsung. Oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia belum menentukan keputusan tentang tarikh pengeluaran writ, pencalonan dan pilihanraya oleh kerana Dewan Rakyat belum tahu bila dibubarkan, maka dirasai perkara ini belum lagi tiba masanya untuk dibincangkan. Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah diterangkan dalam persidangan yang lalu Suruhanjaya Pilihanraya telah menyediakan satu peraturan tata tertib yang bertujuan untuk memberitahu kepada parti-parti atau orang-orang perseorangan mengenai perkara-perkara yang disebutkan itu. Apabila tiba masanya, Suruhanjaya Pilihanraya akan membuat penjelasan bagi perkara yang tersebut di atas sebagaimana yang telah dilakukan pada pilihanraya umum di masa-masa yang telah lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah membuat pertanyaan atau melahirkan keraguan bahawa peruntukan yang diberi kepada Suruhanjaya Pilihanraya tidak mencukupi sehingga urusan pencetakan daftar pemilih sangat terhad. Yang sebenarnya, peruntukan yang diberi kepada Suruhanjaya Pilihanraya itu mencukupi bagi keperluan Suruhanjaya Pilihanraya berhubung dengan pencetakan daftar pemilih. Sebenarnya Suruhanjaya Pilihanraya tidak menghadkan pemberian terhadap daftar pemilih. Surat Pekeliling yang telah diberi baru-baru ini oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu adalah dimaksudkan kepada mereka yang hendak menempah daftar pemilih dan mendapatkannya lebih awal. Maka itulah sebabnya ditentukan bahawa penempahan itu mesti

sampai pada 2hb Julai tahun ini, kerana mengikut kebiasaan daftar pemilih ini dijual bagi satu-satu pilihanraya kecil bila notis dikeluarkan untuk pilihanraya itu.

Begitu juga bagi pilihanraya umum dijual daftar-daftar pemilih atau daftar-daftar pengundi itu selepas notis dikeluarkan. Dengan demikian, bukanlah maksud Suruhanjaya Pilihanraya untuk menghadkan percetakan daftar pemilih, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya hendak mengelakkan dari mencetak secara membazir, kerana tiap-tiap set berlebih yang dicetak itu akan memakan belanja \$8,370 untuk kertas dan dakwat sahaja dan tidak termasuk bayaran tenaga buruh dan sewa mesin. Oleh kerana daftar pemilih ini mengikut undang-undang yang disediakan sebanyak 4,307 yunit pendaftaran, dan bererti tiap-tiap satu set penuh bagi Malaysia akan mengandungi 4,307 buku kecil, dan tiap-tiap buku kecil ini merupakan sebahagian daripada daftar pemilih. Jika dijual mengikut yunit pendaftaran, maka tidak boleh tidak setelah sebahagian kecil yunit pendaftaran daftar kecil itu dijual, maka baki daftar pemilih itu menjadi tidak lengkap dan tidaklah digunakan lagi. Dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh mencetak balik, kerana percetakan ini menggunakan masters dan masters ini cuma boleh digunakan bagi sekali sahaja, dan dengan itu tidak boleh digunakan semula untuk diulang percetakan bagi mana-mana yunit pendaftaran yang tidak cukup. Dengan demikian, untuk jualan pertama Suruhanjaya Pilihanraya menghadkan penjualan bagi tiap-tiap negeri.

Mereka yang hendak membeli mengikut bahagian Pilihanraya Parlimen atau Negeri atau mengikut Kawasan Pilihanraya Parlimen atau Negeri akan berpeluang berbuat demikian bila pilihanraya dilangsungkan, iaitu sebaik-baik sahaja writ untuknya dikeluarkan.

Ahli dari Miri-Subis telah menyatakan kebimbangan tentang Daftar Pengundi di Sarawak dan ini juga akan disiapkan sebaik sahaja pilihanraya hendak diadakan di Sarawak. Tentang perbelanjaan pilihanraya maka memanglah pihak Suruhanjaya Pilihanraya itu sentiasa memerhati supaya semua perbelanjaan pilihanraya tidak melebihi daripada apa yang dihadkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu. Saya memberi jaminan bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya bahawa

pilihanraya yang akan dijalankan nanti akan dijalankan dengan sebeb-bebasnya, dengan cara yang penuh demokrasi seperti yang selalu dijalankan semenjak negara ini mencapai kemerdekaan, dan segala pegawai-pegawai yang berkenaan dengan pilihanraya akan diberi taklimat sepenuhnya bagi menjalankan tugas masing-masing dengan sebaik-baiknya untuk menjayakan pilihanraya ini.

Ahli dari Batu telah menyatakan bahawa ada seorang guru dari Sekolah China yang telah meminta atau memaksa "treat" atau "perbelanjaan" kepadanya untuk muslihatnya sendiri. Tuduhan seperti ini yang sengaja dibuat dalam Dewan ini, saya harap jika benar, maka perkara ini hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Perdana Menteri atau kepada saya sendiri dengan sulit supaya perkara ini dapat disiasat dan tindakan diambil terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan, jika benar-benar perkara itu berlaku, dan tidaklah berguna sangat perkara itu dibangkitkan secara am di dalam Dewan ini.

Ahli dari Batu juga telah membangkitkan perkara berkenaan memorandum Kesatuan Penghulu-penghulu mengenai tuntutan gaji mereka itu. Sungguhpun tuntutan gaji mereka yang pertama itu telah ditolak oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, tetapi pihak Kesatuan Penghulu-penghulu telah membuat satu rayuan di masa akhir-akhir ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan rayuannya itu sedang ditimbang semula oleh Perdana Menteri, dan saya percaya bahawa satu penyelesaian yang adil dan baik akan dapat diberi kepada Penghulu-penghulu tentang tuntutan gaji mereka itu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli dari Muar Dalam yang telah memuji usaha Kerajaan mengadakan Bank Pertanian yang menunjukkan Kerajaan sungguh-sungguh berusaha meninggikan taraf hidup petani-petani dan memberi pertolongan kepada petani mengadakan perusahaan pertanian menerusi Bank Pertanian. Setakat ini sambutan yang diberi kepada Bank Pertanian adalah sangat baik dan memuaskan. Jikalau ada kekurangan sedikit-sebanyak, atau kurang penerangan tentang Bank Pertanian seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu akan cuba diatasi oleh pihak Bank Pertanian sehingga lebih ramai lagi petani-petani dan nelayan-nelayan mengambil

faedah daripada Bank Pertanian ini. Setakat ini memanglah Bank Pertanian merupakan satu usaha yang sangat baik yang telah menolong ramai kaum tani dan kaum nelayan dalam perusahaan mereka itu.

Soal L.P.N. telah diterangkan dengan jelas tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, dan nampaknya beliau lebih tahu atas hal ini.

Berkenaan dasar luar negeri yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis supaya betul-betul berdasar berkecuali dan tidak campur tangan dalam urusan negeri orang lain, saya memberi jaminan bahawa memanglah Malaysia menjalankan dasar luar yang bebas dan aktif, tidak berpihak dan berkecuali, dan tidak ada sebab untuk meragukan yang pihak Malaysia tidak akan meneruskan dasar ini. Saya heran kenapa Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis meragukan dasar ini dan saya percaya bahawa ulasan ini mungkin timbul daripada sesuatu motif yang hanya Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu mengetahuinya sendiri.

5.11 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang dan juga Usul ini, dan saya mengucapkan terima kasih juga di atas sokongan penuh yang telah diberikan oleh mereka itu terhadap permintaan yang ada di dalam Rang Undang-undang dan juga Usul ini. Segala pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan mana yang difikirkan sesuai akan diambil tindakan yang seperlunya.

Hanya yang saya hendak sentuh di sini ialah teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu dan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang mengatakan bahawa tambahan belanjawan yang dipohonkan daripada Dewan ini adalah bertentangan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan tekanan inflasi dan juga pengedaran wang dalam negeri. Beliau juga menyebutkan bahawa jika dibandingkan peruntukan tambahan yang diperlukan bagi tahun 1974 ini dengan peruntukan yang telah diminta pada tahun yang lalu ada nampak

bezanya, di mana pada tahun 1973 peruntukan tambahan hanya berjumlah \$90 juta sahaja dan bagi tahun ini sebanyak \$129 juta.

Suka saya menyatakan di sini bahawa di dalam kita menghadapi masalah kenaikan harga atau inflasi ini, kita mesti juga memerhatikan bahawa growth atau productivity daripada ekonomi negara kita ini hendaklah juga dijalankan. Dengan sebab itulah peruntukan tambahan ini diminta bagi menampung keperluan untuk menggerakkan lagi productivity di dalam negara kita ini. Sambil itu kita tidak lupa bahawa dari segi mencegah kedudukan kenaikan harga barang-barang ini, seperti mana yang telah dikatakan bahawa kita akan terus memerhatikan keadaan ini daripada semasa ke semasa dan tindakan yang sesuai akan terus kita ambil bagi menentukan bahawa kedudukan inflasi di negara kita ini tidak akan menjadi lebih buruk lagi dan akan mendatangkan kesukaran yang amat berat, bukan sahaja kepada orang ramai, tetapi juga kepada negara. Kalau kita lihat atau kita teliti dari pada peruntukan yang diminta oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan maka nyatalah bahawa permintaan itu adalah permintaan-permintaan bagi belanja-belanja yang productive. Dan sebab mengapa peruntukan tambahan pada tahun ini telah bertambah sebanyak \$129 juta berbanding dengan tahun lalu. Pertamanya, ialah belanja untuk buku-buku teks dan kedua belanja untuk membeli urea, dan dua perkara ini adalah perkara yang penting.

Dari segi urea ialah bagi menentukan bahawa pembekalan urea di negara kita ini yang diperlukan oleh petani-petani mestilah dapat kita bekalkan dengan secukupnya, dan sebab itulah peruntukan ini yang diminta untuk menentukan bahawa perbekalan urea ini yang diperlukan oleh petani-petani itu dapat diadakan dengan cekap dan juga dengan harga yang berpatutan.

Dan dari segi buku-buku teks ini adalah salah satu daripada usaha Kerajaan untuk menolong ibubapa-ibubapa yang kurang mampu dari segi buku-buku teks yang diperlukan oleh anak-anak mereka untuk persekolahan mereka. Dengan adanya bantuan buku teks yang mana peruntukan tambahan ini diminta, maka masalah kekurangan atau ketiadaan buku teks oleh kanak-kanak sekolah terutama sekali mereka yang di dalam lingkungan keluarga yang

berpendapatan rendah atau kurang mampu akan dapat juga kita atasi. Dengan hal demikian, masalah kemajaun pelajaran bagi setiap orang kanak-kanak kita baik mereka daripada keturunan yang berada atau tidak berada akan dapat kita atasi dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya dan sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang telah memberi sokongan dan juga yang telah memberi pandangan-pandangan mengenai Rang Undang-undang dan juga Usul yang sedang dibentangkan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$4,401,780 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$122,849,550 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1973 dan 1974, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1973 dan Kertas Perintah 9 tahun 1974 mengenai wang tambahan bagi tahun 1974, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilang setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai kedua-dua Kertas Perintah itu.

Mesyuarat Dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL PERTAMA/KEDUA

Kepala B. 1, B. 4, B. 5, B. 7, B. 10, B. 66 (Jadual Pertama)

Kepala B. 7, B. 10, B. 66 (Jadual Kedua)

Kepala P. 7—Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

5.18 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1973 di bawah kepala B. 1, B. 4, B. 5, B. 7, B. 10 dan B. 66 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1974, B. 7, B. 10 dan B. 66 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan saya juga meminta supaya Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974 di bawah Kepala P. 7 diluluskan.

Tambahan di bawah Kepala-kepala yang saya sebutkan adalah seperti berikut:

A. Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1973.

Kepala B. 1—Parlimen.

Tambahan sebanyak \$265,300 adalah dikehendaki di bawah kepala ini bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan lawatan Perwakilan Parlimen Malaysia ke U.S.S.R. dan ke Indonesia dan juga perbelanjaan Ahli-ahli Parlimen menghadiri mesyuarat-mesyuarat Parlimen. Perbelanjaan berkaitan dengan Jawatankuasa Parlimen mengenai Bil Kahwin dan Cerai adalah juga dibayar daripada peruntukan ini. Tambahan ini juga adalah untuk membiayai sewa rumah rasmi Yang di-Pertua Dewan Negara seperti yang diperuntukan dalam Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960.

Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya.

Tambahan sebanyak \$323,565 adalah dikehendaki di bawah Kepala ini untuk membayar gaji dan elaun rumah sementara kakitangan. Juga tambahan dikehendaki untuk membayar elaun-elaun kepada pegawai-pegawai, Kerani-kerani Sementara dan lain-lain kakitangan berkenaan dengan penyediaan daftar-daftar pemilih dan bayaran api letrik, sewa bangunan swasta bagi kegunaan Pejabat Penyelia Pilihanraya.

Kepala B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tambahan sebanyak \$133,500 adalah dikehendaki di bawah Kepala ini untuk membayar tunggakan elaun memangku, elaun-elaun pelatih tadbir sementara, elaun-elaun

khas dan elaun-elaun rumah bagi pegawai-pegawai di cawangan Sabah/Sarawak. Tambahan adalah juga diperlukan untuk membayar belanja rombongan Suruhanjaya melawat Thailand, Filipina dan Korea untuk menemuduga Jurutera Awam di sana.

Kepala B. 7—Jabatan Perdana Menteri.

Tambahan sebanyak \$47,900 adalah dikehendaki di bawah peruntukan gaji bagi Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun/Awam untuk membayar elaun kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya itu bagi tempoh pertengahan kedua 1973.

Kepala B. 10—Perangkaan.

Tambahan sebanyak \$264,367 adalah dikehendaki di bawah Peruntukan Pelbagai untuk menjalankan satu projek khas untuk menyiasat perangkaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan di Semenanjung Malaysia.

Kepala B. 66—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Suruhanjaya ini telah ditubuhkan mulai 1hb September, 1973 berikutan dengan satu pindaan yang telah dibuat kepada Perlembagaan. Peruntukan sebanyak \$128,750 adalah dikehendaki untuk membayar gaji kakitangan Urusetia Suruhanjaya dan membeli perabot dan alat-alat yang lain untuk penubuhan Suruhanjaya itu.

B. Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1974.

Kepala B. 7—Jabatan Perdana Menteri.

Tambahan sebanyak \$705,731 adalah dikehendaki untuk membayar gaji kakitangan dan elaun ahli-ahli Suruhanjaya Gaji Badan-badan Berkanun/Awam bagi pertengahan pertama 1974. Peruntukan sebanyak \$400,772—adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan yang telah ditubuh mulai 1hb Februari, 1974.

Kepala B. 10—Perangkaan.

Tambahan sebanyak 544,183 adalah dikehendaki di bawah peruntukan ini bagi menyenggara yunit-yunit computer dan membeli alat-alat tambahan kepada computer yang ada.

B. 66—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Peruntukan sebanyak \$528,200 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi tahun 1974. Seperti yang telah saya sebutkan tadi Suruhanjaya ini baru ditubuhkan mulai 1hb September, 1973. Oleh itu, tidak ada peruntukan dibuat dalam anggaran bagi tahun ini.

C. Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil 1), 1974.

Kepala P. 7—Bank Pertanian.

Jumlah peruntukan bagi Bank Pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah sebanyak \$50 juta. Dari jumlah ini sebanyak \$30 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 1971-1973. Bagi tempoh tahun 1974 Bank Pertanian tidak diberi apa-apa peruntukan hanya token vote sebanyak \$10. Dari itu bank Pertanian memerlukan baki peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebanyak \$20 juta untuk melaksanakan projek-projek yang penting seperti berikut:

- (i) Kredit pengeluaran padi.
- (ii) Kredit pengeluaran dan pemasaran daun tembakau.
- (iii) Kredit tanaman kontan (cash crops).
- (iv) Pinjaman pembelian trektor, lori enjin motorbot dan pukat tunda.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya semua peruntukan tambahan yang saya sebutkan tadi diluluskan.

5.24 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):
Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, just now we heard the Deputy Minister saying that a certain sum of money was spent on the mission by Parliamentarians from Malaysia to Russia. While some of us have gone there and have made a study of the conditions in Communist Russia, I think it is also fair enough now that with the establishment of diplomatic ties with the People's Republic of China, some time in the near future, a similar mission comprising of Parliamentarians from Malaysia could also be sent there and this time I would urge that the Parliamentarians

should comprise of representatives from all political parties and not only of members from the Government side.

Mr Chairman, Sir, under Kepala B. 7, I see that the Prime Minister's Department has asked for an expenditure of over \$700,000 for payment of gaji and other essentials. I would like to make some references on the Prime Minister's Department, and I would say that the money spent on the Honourable Prime Minister's visit to China was well spent and that his trip there between May 28th and June 2nd was indeed a historical trip and the Communique itself at the end of the trip was a historical document. It was also a historical event for Malaysia to establish ties with China. The initiative augurs well both internationally and regionally and also for the two countries in particular. I would like to say here that normally on such an event of historical importance, while we appreciate the clarification made by the Honourable Prime Minister in his Ministerial Statement, on this side of the House we would have thought that such an important matter would have been debated and discussed at length by the Members of this House, so as to look into all aspects of the matter and also to pave the way for a smoother liaison with China.

For example, on the question of travelling visas to China, the other day this House also heard a lot of questions being asked by the Opposition Members and the replies from the Government Benchers. While I think these are useful, however, they are still not quite clear; and even after Tun Razak's return from China and his Ministerial Statement, the position is still not clear. Many Malaysians in this country who would like to travel to China are still finding it difficult as there are quite a number of restrictions.

The Honourable Minister of Home Affairs has said that there are still two conditions to be fulfilled. One is that there should be evidence of genuine relations in China whom the people from Malaysia like to see or that the Malaysians who like to go to China should also be genuinely sick and could not be cured in this country. In the light of the establishment of ties with China and also in the light of the Prime Minister's Statement of a sincere and mutual desire on the part of both Malaysia and the People's Republic

of China to forge new links of friendship, goodwill and understanding, I would urge the Honourable Minister of Home Affairs to waive these travelling restrictions now and not just wait until.

Tuan Pengerusi: Have you got any Head for Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri?

Dr Chen Man Hin: Perdana Menteri, Head B. 7.

Tuan Pengerusi: Yes, that is Perdana Menteri you are referring to. I would agree and allow you to touch generally on the visit because certain funds are required for the visit but not to go into absolute details as to what should be done as regards the procedure for passport and visa and so on. That is out of the issue.

Dr Chen Man Hin: Yes, thank you, Mr Chairman, Sir. I would urge the Government to reconsider these restrictions and to waive them even before the exchange of Ambassadors. Mr Chairman, Sir, both Malaysia and the People's Republic of China have declared in their Joint Communique that they do not recognise dual nationality. This means that Malaysians of Chinese origin are irrevocably tied to this country, to the future and the destiny of Malaysia and that those who are born here will live here and die here. The old charge that the Chinese can go back to China cannot hold water any more.

Tuan Pengerusi: That again is a matter of policy which should have been debated earlier at the Second Reading stage.

Dr Chen Man Hin: Unfortunately, I had no chance then.

Tuan Pengerusi: Because other Members spoke much too long. The Chair cannot help it. But I cannot allow the Honourable Member to touch on Government policy at this stage.

Dr Chen Man Hin: Mr Chairman, Sir, as I said, since their destinies are tied here irrevocably, then in this case we are all regarded as Malaysians irrespective of our origins; we are all equal as stated in the Constitution. Therefore, a lot of people, Sir, are suggesting that there should not be any

scheme to distinguish between them or have such terms as Bumiputras and non-Bumiputras.

Mr Chairman, Sir, under the Head of Suruhanjaya Pilihanraya, B. 4, I would urge the Government here to be more considerate in its dealings with the people, especially the Opposition parties, and they should not place too much restrictions on them. In the past few months there have been various complaints from the people at large that while they were prepared to register as voters, unfortunately quite a number of them have not been approached by the Assistant Registration Officers and many of them have been struck off the list for the coming elections. This is most unfortunate and I hope the Suruhanjaya Pilihanraya will look into this matter and rectify this and devise a system whereby the people who want to support the democratic system, who want to vote, can really have a chance to have their names on the list.

5.33 ptg.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur di atas sokongannya dan penghargaannya kepada hasil lawatan bersejarah Perdana Menteri ke Negeri Republik Rakyat China dan di atas pengakuannya bahawa usaha itu menunjukkan satu inisiatif yang besar di kalangan dunia internasional.

Tentang cadangannya supaya satu rombongan Ahli-ahli Parlimen dihantar ke Republik Rakyat China, maka perkara ini akan dapat ditimbulkan kemudian. Saya tidaklah dapat dan patut mengulas tentang apa yang disebutkannya tentang travel restriction kerana perkara ini telah berulang-ulang kali diterangkan dalam Dewan ini dalam sidang yang lepas dan juga dalam sidang ini.

Mengenai dengan Suruhanjaya Pilihanraya berhubung soal pengundi-pengundi yang tidak termasuk dalam daftar, maka sepatutnya parti-parti politik yang berkenaan mengambil berat supaya meminta pengundi-pengundi mendaftarkan nama mereka dalam daftar pengundi, kerana telah diberikan masa yang cukup bagi mereka itu iaitu sebulan lamanya, untuk melihat samada nama mereka itu ada atau tidak dalam daftar.

Jikalau tidak ada maka pada masa diadakan pendaftaran kali yang berikutnya, patutlah orang-orang itu mendaftarkan namanya. Ini telah dijalankan oleh mana-mana pihak yang telah sedar akan hal ini, dan saya rasa tidaklah patut menjadi rungutan yang berulang-ulang kali dalam Dewan ini, dan saya suka menyatakan sekali lagi bahawa bila diadakan pilihanraya pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan menyelenggarakan pilihanraya ini dengan seadil-adil dan sebaik-baiknya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$265,300 untuk Kepala B. 1; \$323,565 untuk Kepala B. 4, \$133,500 untuk Kepala B. 5, \$47,900 untuk Kepala B. 7, \$264,367 untuk Kepala B. 10 dan \$128,750 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$705,731 untuk Kepala B. 7, \$544,183 untuk Kepala B. 10 dan \$528,200 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan \$20,000,000 untuk Kepala P. 7 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1), 1974.

Kepala B. 14 (Jadual Pertama dan Kedua).

Kepala P. 14—Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1973 dan 1974.

5.36 ptg.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran:

- (i) Tambahan Mengurus Ketiga 1973 sebanyak \$2,696,000 Kepala B. 14;
- (ii) Tambahan Mengurus Pertama 1974 sebanyak \$48,500,000 Kepala B. 14;
- (iii) Tambahan Pembangunan Ketiga 1973 sebanyak \$300,000 Kepala P. 14;
- (iv) Tambahan Pembangunan Pertama 1974 sebanyak \$10 (Peruntukan Tanda) Kepala P. 14.

untuk Kementerian saya.

Peruntukan tambahan belanja mengurus \$2,696,000 diperlukan dalam tahun 1973 bagi menokok peruntukan sebanyak \$7,369,500 di bawah Kepala B. 14, untuk Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau MARDI. Dengan

tambahan ini jumlah peruntukan belanja mengurus untuk MARDI dalam tahun 1973 ialah \$10,065,500. Kira-kira \$1.9 juta adalah digunakan bagi membayar gaji tambahan dan elaun bantuan khas dan lebih kurang \$558,500 bagi menanggung perbelanjaan Oil Palm Genetics Laboratory di Layang-Layang yang telah diambil alih dari Kumpulan Guthrie dan lebihnya ialah perbelanjaan mengurus tadbiran.

Peruntukan tambahan di bawah Kepala B. 14 bagi 1974 berjumlah \$48.5 juta diperlukan bagi dua butiran perbelanjaan iaitu \$47.5 juta bagi Sekim Subsidi Baja Urea, dan \$1 juta sebagai perbelanjaan mengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau MAJUIKAN. Peruntukan \$47.5 juta akan menambah peruntukan untuk Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan sementara peruntukan \$1 juta lagi itu akan menambahkan butiran baharu bertajuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Pergolakan politik di Asia Barat membawa kepada krisis tenaga sejagat (global energy crisis). Natiyah yang buruk telah dirasai dengan tenatnya di negeri ini merupakan kenaikan harga baja urea yang melambung tinggi di luar dugaan petani-petani mengalami kesukaran untuk mendapat bekalan baja daripada pembekal-pembekal biasa. Misalnya, di kawasan perairan Muda di Kedah harga baja urea pada awal tahun 1974 telah dilapurkan sebanyak \$800 satu tan atau \$16 bagi satu kampil 44 paun berbanding dengan \$206 satu tan di dalam tahun 1970 dan \$249 satu tan dalam tahun 1973.

Di dalam hal ini sukacita saya mengambil peluang menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita sendiri telah berjaya mendapatkan baja daripada luar negeri iaitu daripada Saudi Arabia. Masaalah pembekalan baja urea untuk tanaman padi tahun 1974 telah dapat diatasi, namun demikian kita terpaksa membayar harga baja menurut kadar harga pasaran dunia dan dengan ujudnya hakikat ini maka harga baja urea telah dibayar oleh petani-petani akan tetap tinggi seperti yang didapati ketika ini.

Bagi membolehkan petani-petani mendapat bekalan yang tetap dengan harga yang mereka mampu, maka Kerajaan telah memutuskan supaya baja urea yang diimport daripada Asia Barat dan juga bekalan

terdapat dijual dalam negeri oleh pembekal atau pengedar ditabungkan bagi pelancaran sekim subsidi baja urea pada tahun ini. Kementerian saya memerlukan \$47.5 juta bagi memulakannya bagi perbelanjaan mengimport baja sebanyak 31,000 tan daripada Asia Barat dan 15,000 tan punca-punca yang lain.

Sebagai yang telah saya nyatakan sebentar tadi, kenaikan harga dan kesukaran mendapat baja oleh petani-petani kita adalah dianggap sebagai satu cabaran oleh Kerajaan. Sekiranya kedudukan yang buruk ini diabaikan begitu sahaja maka tidak syak lagi petani-petani akan enggan menggunakan baja urea dan kurang menggunakannya menggantikan dengan baja yang murah seperti tahi kelawar dan sebagainya. Ini akan membawa kepada kurangnya pendapatan padi bagi masa akan datang. Dengan sebab itu pihak Kerajaan telahpun bersetuju untuk memberi subsidi dan jentera perjalanan pembahagian baja ini telahpun siap disusun dan dilancarkan dengan melantik PERNAS Trading sebagai ejen Kerajaan mengimport baja dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai wakil pembahagi ke serata pelusuk negara. Sekiranya peruntukan \$47.5 juta ini memerlukan tambahan lagi, maka Kementerian saya akan memohon lagi peruntukan tambahan daripada Dewan yang mulia ini kelak.

Berkenaan dengan bantuan atau subsidi baja ini ialah pihak petani-petani dikehendaki membayar \$10 bagi tiap-tiap satu kampil yang berisi 44 paun. Selebih daripada itu akan ditanggung oleh Kerajaan.

Berhubung dengan peruntukan \$1 juta lagi bagi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia itu pula, peruntukan ini sebagai yang telah saya sebutkan sebentar tadi adalah dimaksudkan sebagai perbelanjaan kegiatan pentadbiran am, perancang dan penyelidikan, pelaksanaan projek, pemasaran yang kesemuanya merupakan kegiatan perkhidmatan (service) perbadanan yang berkenaan itu.

Di atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi maka peruntukan bagi pengurusan kepada MAJUIKAN perlulah ditambah. Peruntukan sebanyak \$217,000.00 yang telah sedia dibekalkan di bawah Anggaran Pembangunan P. 14; Pecahan-kepala MAJU-IKAN akan dibekukan sebaik-baik sahaja Dewan meluluskan tambahan ini.

Peruntukan tambahan sebanyak \$300,000 adalah tambahan kepada peruntukan pinjaman sebanyak \$3,629,400 kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ataupun FAMA di bawah Kepala P. 14 dalam tahun 1973 dan dimaksudkan bagi menubuhkan tiga pusat memproses kelapa iaitu satu di Hilir Perak, Sabak Bernam dan di Batu Pahat. Telah dipersetujui dalam tahun 1972 iaitu FAMA mendapatkan pinjaman dari Bank Pertanian menjalankan projek ini dan setelah diadakan rundingan-rundingan maka FAMA telah berjaya mendapatkan 60% pinjaman daripada Bank Pertanian termasuk kumpulan wang perniagaannya dan bakinya \$100,000 bagi tiap-tiap pusat dikeluarkan oleh FAMA sendiri. Peruntukan tambahan \$300,000 ini adalah berupa pemberian terus Kerajaan kepada FAMA bagi memenuhi hasrat menubuhkan ketiga-tiga pusat yang saya sebutkan tadi.

Peruntukan tanda \$10.00 di bawah Kepala P. 14 ialah untuk mengujudkan satu Pecahan-kepala (18) yang baharu bertajuk MARDI Sabah iaitu bertujuan bagi membahagikan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang berjumlah \$750,000 di antara kegiatan penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI di Negeri Sabah dan juga di Negeri Sarawak.

Di sini saya sukacita menyatakan bahawa 12 buah penyelidikan berkait dengan lada hitam di Sarawak, 4 buah projek penyelidikan berkait dengan tanah gambut dan penyelidikan mengenai tanaman pusingan sedang berjalan di Sarawak di bawah rancangan ini ketika ini. Bagi Sabah pula perbincangan sedang berjalan di antara MARDI dan Kerajaan Negeri untuk menentukan bidang-bidang penyelidikan yang boleh dilaksanakan dan ini termasuk kemungkinan penyelidikan berkait dengan kelapa sawit dan padi.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan, tambahan ketiga belanja mengurus bagi tahun 1973 berjumlah \$2,696,000, Anggaran Perbelanjaan tambahan pertama belanja mengurus bagi tahun 1974 berjumlah \$48.5 juta; Anggaran Pembangunan tambahan ketiga tambah berjumlah \$300,000 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pertama bagi tahun 1974 bagi peruntukan tanda \$10 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

5.47 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dengan rengkasnya di bahagian Kementerian Pertanian dan Perikanan. Kementerian ini adalah satu Kementerian yang sangat penting dan juga yang boleh mengubah keadaan para petani di negara ini, lebih-lebih lagi bagi rakyat luar bandar Negeri Sarawak yang banyak bergantung penghidupan mereka di atas kerja bercucuk tanam dan nelayan. Apa yang perlu saya sebutkan di sini ialah mengenai baja untuk tanaman lada.

Kebun lada seperti pihak yang berkenaan sedia maklum adalah sentiasa berkehendakkan baja. Mengikut sungutan daripada kebanyakan rakyat yang menanam lada di kawasan saya ialah harga baja lada naik melambung sangat sekarang sehingga harga satu kampil yang beratnya lebih kurang 80 kati sampai \$41.00 yang bertulis cap pada kampil itu "Nasin". Dengan hal yang demikian, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya harga baja tersebut dapat dikurangkan atau diberi subsidi oleh Kerajaan. Jika boleh Kerajaan atau Jabatan Pertanian mahupun MARDI Negeri Sarawak boleh menjual baja seperti itu kepada rakyat yang berkehendakkannya supaya harga dapat dikawal mengikut harga yang berpatutan supaya para penanam lada atau petani-petani kita tidak menjadi mangsa pihak yang mengambil keuntungan yang berlebihan. Dengan sebab harga baja lada meningkat naik, banyak kebun lada dibiarkan begitu sahaja oleh rakyat yang berkenaan kerana tidak berkemampuan untuk membelinya. Ini sudah pasti melemahkan lagi bagi pembangunan ekonomi rakyat yang miskin di luarbandar seperti kami di Sarawak.

Mengenai baja urea, kami di Sarawak juga berharap mendapat bahagian bagi kepentingan penanam padi di sana yang mana pada tahun ini hasil padi di Negeri Sarawak sangatlah kurang. Sebab tanah-tanah padi di situ sudah tidak begitu baik, boleh dikatakan tanah sudah tua. Oleh itu, kami juga berkehendakkan baja untuk tanaman padi di sana.

5.49 ptg.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit mengenai Kementerian Pertanian dan Perikanan, dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the Honourable Minister has already stressed the importance of urea and that his Ministry is making efforts to get more urea. I would only like to remind the House that the recent Report of the ECAFE, i.e. the Economic Commission for Asia and the Far East, stated that the production of cereal food in this region recorded only 1% increase annually, whereas the population increase in the same region is about 3% or more. Therefore, Mr Chairman, there is a definite shortage or there may be a great shortage of food in the future and while Malaysia is making great efforts to increase the production of food—rice and other products—I hope the Honourable Minister will not only spend money to get urea but also other fertilisers. I hear there is a shortage of fertilisers and perhaps it may be wise for the Department to send missions to friendly countries in the Middle East to get more urea to ensure that our farmers in this country will not be short of urea when they want it and that the production of food is adequate in order to stave off any possible famine.

Then again, Mr Chairman, there is the question of insufficient land. While we have a lot of manpower, the other factor which may also hamper production of food is the shortage of land for the people. Here, I would ask the Honourable Minister to ensure that land is supplied adequately to the people to plant not only rice but also other crops or cereals like corn because quite a number of people are hungry for land. In fact, whenever visits are made to the rural areas, whether they be Chinese, Malays or Indians, these poor people invariably state that they would like a few acres of land and therefore we could overcome this problem if the Government could ensure with the opening up of the new development areas like Pahang Tenggara, Jengka Triangle, Johor Tenggara and Trengganu Tengah that these poor people are not left out and that land is given to them. While on the question of land, care should be taken that there should be fairness and that the settlers and farmers should also be representative of the multi-racial composition of the country and if, as the Government has stated, it wants a *masyarakat adil*, then it should also be fair in the allocation of land.

5.53 ptg.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengalu-ngalukan peruntukan Kementerian Pertanian dan Perikanan ini, terutama sekali dalam Kepala B. 14 iaitu peruntukan sebanyak \$48,500,000 untuk memberi baja kepada petani-petani.

Saya rasa ini adalah satu usaha daripada Kerajaan untuk melipat-gandakan lagi hasil-hasil pertanian pada masa yang ke hadapan, kerana Malaysia sekarang ini merupakan sebuah negeri pertanian yang berkehendakkan peruntukan atau pengeluaran pertaniannya akan melebihi daripada kehendak negara yang kiranya pada masa hadapan akan dapat diekspot ke luar negeri. Hanya satu sahaja yang saya suka hendak menyebutkan di sini bahawa dengan bantuan subsidi baja yang diberi oleh Kerajaan pada hari ini, diharaplah akan dapat sampai matlamat itu kepada petani-petani pada keseluruhannya. Pada masa-masa yang lalu saya dapat tahu bantuan baja secara percuma diberikan melalui badan-badan yang tertentu kebanyakan pihak-pihak di kampung-kampung tidak dapat merasai ataupun kurang merasai baja-baja bantuan itu. Jadi dengan adanya bantuan cara baru ini saya rasa petani-petani akan dapat menikmati bantuan baja ataupun cara subsidi yang diberikan oleh Kerajaan. Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan bahawa dengan peruntukan yang banyak ini akan dapat mengurangkan penggunaan baja tahi kelawar dan sebagainya.

Saya rasa perlu saya sebutkan di sini bahawa Perlis, Kedah dan sebahagian daripada Negeri Perak sehingga sekarang ini masih menggunakan baja tahi kelawar. Baja tahi kelawar ini disebutkan baja asli berguna untuk membanyakkan buah dan menyuburkan pokok, terutama sekali padi. Selain daripada baja urea yang akan diimport daripada luar negeri itu perlulah juga pihak Kementerian ini mengambil daya utama menyiasat dan menyelidiki serta kalau perlu dibuatkan rancangan cara besar-besaran untuk memproses baja asli ini dengan mengambil campuran-campuran baja bahan-bahan daripada di dalam negeri ini sendiri, umpamanya, daripada tahi-tahi binatang dan manusia, tulang-tulang, serbuk-serbuk ikan, abu-abu dan arang untuk dijadikan baja asli bagi Malaysia ini. Apa yang didapati daripada hasil baja asli ini, padi di daerah Perlis dan

Kedah ada mendatangkan mutu yang baik, sebagaimana yang diucapkan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Muar Dalam tadi, bahawa padi jenis Mat Candu umpamanya yang ditanam di Negeri Selangor ini buahnya tidak panjang dan tidak elok sebagaimana yang didapati daripada Negeri Kedah. Ini menunjukkan ada jenis baja yang lain yang menjadi campurannya, yang sudah tentu ialah baja asli, yang saya katakan tadi. Untuk menaikkan mutu beras yang elok dan hasil yang memuaskan yang boleh menandingi negeri lain, umpamanya menandingi 100% beras Thailand, perlulah juga baja daripada jenis asli ini dimajukan mulai dari sekarang ini. Dan daripada kemajuan yang saya katakan tadi maka akan berkuranglah wang yang kita impot dari luar negeri.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,696,000 untuk Kepala B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$48,500,000 untuk Kepala B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan \$300,000 untuk Kepala P. 14 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1973; dan \$10 untuk Kepala B. 14 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

Kepala P. 15—Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973.

P. 15—Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mencadangkan bahawa Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973 bagi Kementerian saya yang berjumlah \$2,900,000 di bawah Kepala P. 15 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974 berjumlah \$4,000,000 di bawah Kepala P. 15.

Adapun Peruntukan (Tambahan) (Bil. 3) untuk tahun 1973 yang berjumlah \$2,900,000 merupakan pinjaman kepada Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad. Sementara Peruntukan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974 yang berjumlah

\$4,000,000 adalah merupakan saham Kerajaan kepada syarikat tersebut maka peruntukan sebanyak \$2,900,000 adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad untuk menambahkan modal pusingan bagi cawangan syarikat tersebut iaitu Kilang Nenas Malaysia Sendirian Berhad, maka peruntukan tambahan sebanyak \$4,000,000 itu pula adalah dikehendaki dalam tahun ini sebagai modal bersama Kerajaan dalam Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad untuk membolehkan syarikat ini menanam modal di dalam berbagai-bagai projek yang lain. Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1973 sebanyak \$2,900,000 di bawah Kepala P. 15 dan peruntukan belanja Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974 berjumlah \$4,000,000 di bawah kepala P. 15 untuk Kementerian kami diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,900,000 untuk Kepala P. 15 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973 dan \$4,000,000 untuk Kepala P. 15 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

Kepala P. 16—Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya bangun mengusulkan supaya Kepala P. 16, Pecahan Kepala P. 26 di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

Anggaran di bawah kepala yang dinyatakan tadi adalah seperti berikut:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1974—

Pecahan-Kepala P. 26, Bangunan-bangunan di Luar Negeri

Peruntukan dalam Anggaran tidak ada.

Peruntukan tambahan dikehendaki \$99,500.

Kerajaan telah membeli sebuah rumah di Nairobi, Kenya bagi dijadikan tempat kediaman Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di sana. Pembelian rumah tersebut adalah disebabkan kesusahan untuk mendapatkan tempat kediaman bagi pegawai-pegawai Malaysia yang berkhidmat di Nairobi dan bagi menyelesaikan kerumitan untuk menyewa tempat penginapan di bandaraya tersebut oleh kerana kekurangan hotel yang bersesuaian untuk dhif-dhif yang melawat ke kawasan itu. Oleh kerana itu peruntukan sebanyak \$99,500 adalah dipohonkan sebagai peruntukan tambahan yang mana peruntukan sebanyak \$92,000 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya kelulusan diberikan kepada peruntukan tambahan bagi pecahan-kepala yang saya nyatakan tadi.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$99,500 untuk Kepala P. 16 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

Kepala B. 18 (Jadual Pertama)

Kepala P. 17 dan P. 18 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973

6.06 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) Ketiga, 1973 berjumlah \$49,500 di bawah Kepala B. 18 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973 di bawah Kepala P. 17 sebanyak \$20 dan di bawah Kepala P. 18 sebanyak \$158,700 supaya diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan.

Peruntukan Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1973 sebanyak \$49,500 di bawah Kepala B. 18 iaitu Muzium ialah dikehendaki oleh kerana peruntukan yang ada sebanyak \$75,000 telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan dalam tahun itu, iaitu perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan. Jumlah ini telahpun didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Menyentuh mengenai Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1973 di bawah Kepala P. 17, peruntukan sebanyak \$20 adalah diperlukan bagi menggantikan pendahuluan peruntukan tanda kepada Pecahan Kepala 7—Memperbaiki Stadium Merdeka dan Pecahan-kepala 8—Kompleks Kebudayaan Kebangsaan yang telahpun didahulukan daripada Wang Simpanan Luar Jangka. Dalam tahun 1973 peruntukan sebanyak \$126,900 adalah dikehendaki oleh Kementerian ini bagi membiayai bayaran iktisas kepada Jurutera Perunding untuk memperbaiki Stadium Merdeka iaitu di bawah Pecahan-kepala 7, P. 17. Oleh kerana tidak ada peruntukan yang disediakan dalam Anggaran Tahun 1973 untuk memperbaiki Stadium Merdeka ini maka peruntukan tanda sebanyak \$10 telah didahulukan daripada Wang Simpanan Luar Jangka, manakala jumlah yang dikehendaki sebanyak \$126,900 telah diperolehi dari simpanan Pecahan-kepala 31—Pusat Pelbagai-guna Negeri Sabah. Oleh itu Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja bagi menggantikan pendahuluan tersebut dan meminda anggaran harga Pecahan-kepala ini daripada \$118,622 kepada \$2,811,481.

Dalam tahun 1973 juga peruntukan sebanyak \$40,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perkhidmatan akitek dan menjalankan kerja-kerja siasatan tanah bagi pembina Kompleks Kebudayaan Kebangsaan di bawah Pecahan-kepala 8. Peruntukan tanda sebanyak \$10 telah didahulukan daripada Wang Simpanan Luar Jangka bagi meminda anggaran bagi pecahan-kepala ini daripada \$1,510 kepada \$1,000,000. Manakala jumlah sebanyak \$40,000 boleh diperolehi secara pindahan peruntukan daripada Pecahan Kepala 3—Pusat-pusat Pelbagai guna Negeri. Oleh itu Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi menggantikan pendahuluan tersebut dan meminda peruntukan di bawah pecahan-kepala ini daripada \$1,510 kepada \$1,000,000.

Berhubung dengan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973 di bawah Kepala P. 18 pula, peruntukan tambahan sebanyak \$158,700 adalah dikehendaki bagi menyiapkan kerja-kerja pembinaan seperti memulihkan dan mencantikkan Candi Sungai Batu, pembinaan tapak Muzium di kawasan

Lembah Bujang, pembinaan dan memulih Kota Belanda, Pangkor dan lain-lain lagi. Oleh itu Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$158,700 yang telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan meminda anggaran bagi pecahan-kepala ini kepada \$837,810 kepada \$997,000.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$49,500 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$20. untuk Kepala P. 17 dan \$158,700 untuk Kepala P. 18 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973.

Kepala B. 19 (Jadual Kedua)

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan supaya peruntukan berjumlah sebanyak \$200,000 di bawah Kepala Bekalan 19—Kementerian Pertahanan seperti yang dibentangkan dalam Memorandum Perbendaharaan berkenaan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1974 bagi Kerajaan Malaysia diluluskan.

Peruntukan sebanyak \$200,000 yang dikemukakan ini adalah untuk perbelanjaan pentadbiran Lembaga Tabung Angkatan Tentera bagi tahun 1974 yang telah dijanjikan oleh Kerajaan bagi pekerjaan pelancaran selama dua atau tiga tahun. Wang ini digunakan untuk pembayaran gaji dan elaun dan pembelian alat-alat pejabat dan lain-lain kelengkapan bagi membolehkan Lembaga tersebut berjalan dengan licin. Adalah dimaklumkan juga bahawa dalam tahun 1973 peruntukan sebanyak \$150,000 telah disediakan untuk perbelanjaan pentadbiran Lembaga tersebut mulai dari bulan Julai, 1973.

Tuan Pengerusi, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum akan tujuan mengadakan Tabung Angkatan Tentera seperti mana yang dinyatakan apabila Dewan ini meluluskan Akta 101 tahun 1973 dahulu.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$200,000 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada (Jadual Kedua).

Kepala B. 21 (Jadual Pertama) B. 20 (Jadual Kedua)

6.13 ptg.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan sebanyak \$28 juta di bawah Kepala B. 20—Kementerian Pelajaran untuk membeli buku-buku teks dan peruntukan sebanyak \$7,199,963 di bawah Kepala B. 21—Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual.

Penerangan lanjut telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Saya mohon supaya peruntukan tersebut diluluskan.

6.14 ptg.

Tuan Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan peruntukan wang di bawah Kepala B. 20 sebanyak \$28 juta iaitu untuk membolehkan Kerajaan mengadakan buku-buku teks untuk penuntut-penuntut dari kumpulan yang berpendapatan rendah di sekolah-sekolah menengah Kerajaan. Ini memanglah sangat dialu-alukan oleh rakyat jelata sekalian, terutama sekali di kampung yang kekurangan buku-buku teks atau buku-buku teks yang tidak sampai walaupun sukatan pelajarannya telah sampai pada awal-awal tahun lagi. Apa yang saya dapat tahu daripada sukatan pelajaran (syllabus) itu, Jabatan Pelajaran mengarahkan kanak-kanak atau penuntut-penuntut mengikuti sukatan pelajaran itu dari bulan Januari sehingga sampai kepada saat peperiksaan mereka telah meminta saya mencari buku itu sendiri sehingga ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan ke tempat-tempat yang lain. Buku-buku itu kebanyakan tidak boleh didapati sehingga sekarang ini. Dengan sebab

itu akan menjadi kekecewaan kepada ibu-bapa dan kepada penuntut-penuntut atau kepada kanak-kanak yang mengikuti sukatan pelajaran itu.

Saya harap pada masa yang ke hadapan dengan adanya peruntukan yang banyak ini, pihak Kementerian ini akan lebih bergiat lagi berusaha untuk mendapatkan buku-buku teks itu lebih awal lagi, mengikut sukatan pelajaran yang diaturkan oleh Kementerian ini pada tiap-tiap masa. Apa yang saya dapat tahu bahawa setengah kanak-kanak atau ibubapa yang kekurangan wang daripada kampung yang tidak mampu membeli buku-buku yang baru terpaksa membeli buku-buku yang lama, tetapi apa yang didapati daripada buku-buku yang lama itu tidak lengkap sebagaimana yang dikehendaki daripada sukatan pelajaran yang baru dijalankan pada tiap-tiap tahun ini. Perkara ini merunsingkan ibubapa yang kurang mampu yang berkehendakkan anak-anak mereka itu sama-sama mendapat nikmat pelajaran sepertimana kanak-kanak yang mampu, terutama sekali yang tinggal di bandar-bandar besar yang banyak mendapat buku-buku yang tersebut itu.

Saya ulangi sekali lagi supaya dengan peruntukan yang banyak ini, saya percaya Kementerian Pelajaran akan dapat menggiatkan lagi usaha dan tenaga bagi mencapai maksud dan cita-cita memberikan pelajaran yang sama kepada penuntut-penuntut samada di kampung dan di luar bandar.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,199,963 untuk Kepala B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan \$28,000,000 untuk Kepala B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 22 (Jadual Kedua)

Kepala P. 22 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973

6.18 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mengemukakan perbelanjaan berlebih bagi tahun 1974 di bawah Kepala B. 22—Kementerian Luar Negeri berjumlah \$2,660,000 dan perbelanjaan berlebih bagi

tahun 1973 di bawah Kepala P. 22—Kementerian Luar Negeri. Pecahan Kepala 1—Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut yang berjumlah \$1,043,000 untuk diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam Kertas Perintah No. 6 Tahun 1974, muka surat 7 jumlah tambahan adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan Persidangan Kelima Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 21hb Jun. 1974 hingga 25hb Jun. 1974.

Seperti yang diterangkan dalam Kertas Perintah No. 8 Tahun 1974 muka surat 4, jumlah tambahan adalah dikehendaki disebabkan oleh pembelian sebuah apartment di Hong Kong untuk digunakan sebagai Rumah Rasmi Persuruhjaya Malaysia dan juga pembelian sebuah bangunan Canceri di Hague.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan ini diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,660,000 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua dan \$1,043,000 untuk Kepala P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1973.

Kepala B. 23, B. 24, B. 25, B. 26 (Jadual Pertama)

Kepala B. 25 (Jadual Kedua)

Kepala P. 23 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974

6.20 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan:

- (a) Wang sejumlah \$15,369,465 di bawah Kepala B. 23, B. 24, B. 25 dan B. 26 di Jadual Pertama Bil tambahan Peruntukan (1973 dan 1974) 1974 sebagai tambahan ketiga bagi tahun 1973; dan
- (b) Wang sejumlah \$48,000,000 (\$48 juta) di bawah Kepala B. 25 di Jadual Kedua Bil Tambahan Peruntukan (1973 dan 1974) tahun 1974 sebagai tambahan Pertama Tahun 1974 diluluskan.

Di antara perbelanjaan yang perlu ialah Kepala B. 24.

(i) *Kepala B. 24—Perkhidmatan Am Perbendaharaan*

Dari jumlah \$5,726,465 peruntukan tambahan di bawah Kepala ini, sebanyak \$5,394,021 diperlukan untuk menjelaskan tuntutan-tuntutan oleh Singapura terbit dari perpisahan pada tahun 1965 berkenaan dengan bayaran sewa kawasan dan bangunan-banguna yang diduduki oleh Angkatan Bersenjata Malaysia bagi tempoh 9hb Ogos, 1965 hingga 31hb Mei, 1972 dan sumbangan kepada Universiti Singapura untuk 92 orang penuntut Malaysia yang belajar di sana.

Pecahan Kepala P. 9—Pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor

Berikutan dengan pengistiharan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju memberi pendahuluan sebanyak \$200 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor sementara menentukan jumlah sebenar di atas nilai tanah dan bangunan-bangunan kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor di dalam Wilayah Persekutuan. Oleh kerana peruntukan dalam tahun 1973 hanya sebanyak \$20 juta dan pada tahun ini hanya sebanyak \$50 juta, sementara pendahuluan permulaan yang telah dibayar sehingga ini ialah \$100 juta, maka tambahan sebanyak \$30 juta adalah diperlukan. Bagaimanapun baki pendahuluan ini selebihnya akan dibayar secara ansuran bagi membiayai projek-projek yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.25 ptg.

Tuan Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan bercakap sedikit mengenai Kepala B. 23—Perbendaharaan.

Saya mengambil kesempatan mengemukakan peruntukan tambahan sebanyak \$20 juta lagi sebagai pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri oleh

kerana peruntukan yang ada sebanyak \$30 juta itu yang diperuntukkan pada masa yang lalu didapati tidak mencukupi.

Saya rasa menasabah sangat permintaan tambahan sebanyak \$20 juta ini diberikan dengan dibelanjakan seberapa segeranya, terutama sekali bagi Negeri-negeri yang mundur. Kita patut ingat pada masa Pembukaan Parlimen Penggal Yang Keempat baru-baru ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ada menyebutkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberikan tambahan wang peruntukan yang lebih kepada negeri-negeri yang mundur, yang sudah tentunya terbayang kepada kita negeri-negeri yang mundur dan kekurangan wang yang di antaranya termasuk Negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu yang pada masa penjajah dahulu disebutkan sebagai Negeri-negeri Melayu Yang Tidak Bersekutu, iaitu yang mundur dalam segala-galanya. Negeri-negeri tersebut sekarang ini yang dalam saat pembangunan sama-sama bangun dan mengejar masa untuk mencapai kemajuan dalam berbagai-bagai lapangan. Jadi Negeri-negeri tersebut telahpun menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing. Ada yang telah menubuhkan 2-3 tahun, 5-6 tahun yang sudah, tetapi bagi Negeri Perlis baru ditubuhkan pada 1hb Januari, 1974 iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis. Perjalanannya sekarang adalah di peringkat permulaan iaitu dengan membukakan kedai borong untuk supply kepada pekedai-pekedai kecil Melayu di kampung-kampung dan sedikit-sebanyak berniaga beras yang lesennya diberi oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara dan lain-lain perniagaan yang kecil dijalankan di dalam Negeri sahaja.

Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis belum lagi mengadakan projek besar-besaran iaitu mendirikan kilang-kilang perusahaan untuk menambahkan lagi pekerjaan kepada pemuda-pemuda dan orangramai di Negeri Perlis yang tidak lagi dapat bekerja di Kilang Tebu dan Kilang Simen kerana umurnya telah tua, patut bekerja di dalam lapangan-lapangan lain yang menghasilkan hasil pertanian yang lain. Perkara-perkara ini belum dijayakan dan begitu juga Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis belum lagi dapat mendirikan bangunan-bangunannya untuk mengatasi kekurangan kedai-kedai dan

komplek perniagaan dalam Negeri Perlis ini yang termasuk bandar Kangar, Kuala Perlis dan Padang Besar.

Dengan adanya tambahan sebanyak \$20 juta ini, saya minta dan merayu dengan sesungguhnya kepada pihak Kerajaan, iaitu pihak Perbendaharaan ini sendiri supaya menumpukan perhatian kepada negeri yang serba kurang ini dapat bertambah maju di dalam lapangan kemajuan dan pembangunan dalam serba projek yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini. Saya rasa jika sekiranya dengan bantuan yang bersungguhsungguh daripada Kerajaan Negeri, khususnya Kerajaan Pusat melalui Perbendaharaan ini tentulah projek-projek seperti mana projek-projek pelancungan dapat dimajukan dalam Negeri Perlis.

Selama ini Pusat Pelancungan tidak dapat berbuat apa-apa dan Kerajaan Negeri Perlis tidak dapat membelanjakan wang untuk develop, untuk mengadakan kemajuan-kemajuan dari segi pelancungan, terutama sekali pelancungan yang boleh mendatangkan keuntungan dan menarik pelancung-pelancung sebagaimana Kuala Perlis, Padang Besar dan di tempat-tempat lain tidak dapat dibina dengan selengkapnyanya dan pelancung-pelancung daripada luar negeri sentiasa bertanya-tanya, apakah kemajuan yang sebenarnya dalam Negeri Perlis, tetapi tidaklah dapat sekarang ini dimajukan tempat-tempat itu mengikut yang sesuai bagi kehendak-kehendak pelancung, terutama sekali mengenai tempat-tempat yang bersejarah, tempat-tempat menginap, tempat-tempat makanan, shopping dan sebagainya. Kalau sekiranya diberi bantuan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis ini, saya percaya Perbadanan Kemajuan Negeri akan dapat melaksanakan semuanya atau menurut kehendak orang ramai yang berkehendakkan pelancungan dan di samping itu dapat memajukan Negeri Perlis, negeri yang di utara sekali yang menjadi contoh dan tauladan yang mencerminkan negeri-negeri jiran kita iaitu Negeri Thailand yang sama-sama maju sekarang ini.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$235,000 untuk Kepala B. 23, \$5,726,465 untuk Kepala B. 24, \$9,000,000 untuk Kepala B. 25 dan \$408,000 untuk Kepala B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan

\$48,000,000 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$90,000,000 untuk Kepala P. 23 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1974.

Majlis bersidang semula.

PENANGGUHAN

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Haji Wan Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

LESEN TEKSI—RAYUAN

6.30 ptg.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. Sir

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Sir, on a point of clarification, if the Honourable Member would give way.

Tuan Lim Cho Hock: Yes.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Perhubungan, si pemohon yang menjadi subject matter ini kalau dia hendak ulang bicara di hadapan saya, benda ini *sub judice*. Jadi kalau hendak bawa Adjournment, orang itu tidak boleh lagi hendak appeal di hadapan saya di hari kemudian. Itu saya hendak dapat clarification dari Ahli yang membawa cadangan ini. Yang Berhormat itu sebagai seorang peguam saya takut you prejudice your own client.

Tuan Lim Cho Hock: This case is not a court case; just an appeal to the Government for a licence.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (Dengan izin) I think the Honourable Member, who is a lawyer, cannot understand my Bahasa Malaysia properly. I do not know whether this is one of your voters appealing to you to address this Adjournment Speech in Parliament. But if he is appealing in this case, because he has got

every right to appeal and his appeal goes to me, his pending appeal, in the language we understand, is *sub judice*, and therefore if you bring it here in adjournment I cannot consider the appeal any more. Can you understand me? I do not want to prejudice the case of this poor man who does not know the legality of this appeal.

Tuan Yang di-Pertua: Would you like to withdraw?

Tuan Lim Cho Hock: No, there is no appeal. I am telling you there is no appeal. There is no appeal lodged by Encik Salleh.

Mr. Speaker, Sir, in this area known as Batu 2, Jalan Gopeng, Batu Gajah, there are about 2,000 people and this particular area is about two miles away from the town of Batu Gajah and the people there are finding it very difficult to get transport to Batu Gajah to do some marketing, perhaps, or if the sick wants to go to hospital he or she find it difficult to go to Batu Gajah hospital. Therefore the residents in that particular area are very keen to have a resident taxi driver and this Encik Salleh bin Mokmin, who is a resident in the area, has applied for a taxi licence for a number of years and if I am not mistaken, he applied more than seven times for a taxi licence to play for trade in that particular area since 1960. But to-date all his applications have been rejected. Of course, no reasons have been given. The people there are not very happy with the situation because they feel that this particular person deserves to have a licence so that they will find easy transport to go to Batu Gajah. They also feel that a lot of influential people in the country have been able to get not one taxi licence but many taxi licences. Therefore, they feel that this particular person should be given a licence. Then lately a taxi licence was given to a person known as Encik Hussain bin Awang. This particular person stays in Kedah, if I am not mistaken, but he made use of a fictitious address in Batu 2, Jalan Gopeng, Batu Gajah, to apply for his particular licence and somehow or other he was given the licence and his vehicle number is AG 535.

Now, the people there are very unhappy with the Road Transport Department because they feel that an outsider having a

licence to play for trade there is quite inconvenient for the people there because, say, in the case of an emergency where a woman may want to go to hospital to give birth, she may not be able to get this particular taxi driver to take her to hospital. Now if the taxi driver is a resident in the area, then this particular woman would find it very convenient to get him to provide her transport to hospital.

So, the people there have approached me to raise this matter in Parliament in the hope that the licence granted to this Kedah man be revoked and a fresh licence be given to Encik Salleh bin Mokmin. Therefore, I hope that the Government will review this matter and see that the people there have their request answered. That is all, Sir.

6.37 pm.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat mewakili Batu Gajah dan seorang peguam tahu baik-baik undang-undang berkenaan procedure, siapa yang tidak puas hati memohon permit teksi ini walaupun dia sudah lepas 10 hari, dalam tempoh 10 hari dia boleh merayu kepada Menteri dan bukan di Parlimen. Walaupun selepas 10 hari dia boleh merayu lagi. Saya sebagai Menteri ada kuasa to extend the time for putting in the notice of appeal. Saya bertanya tadi, kata Yang Berhormat dia tidak buat appeal. Orang yang dapat ini bernama Encik Hussain bin Awang, pemohon No. 9. Yang sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat di kawasan Gopeng, Batu Gajah, sudah ada 5 buah kereta sewa (there are already five taxis) termasuk yang di Batu Dua, Jalan Gopeng, Batu Gajah.

Berkenaan dengan pemohon Encik Salleh bin Mokmin, pemohon telah ditemuduga oleh Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan pada 14hb Januari, 1974. Butir-butir yang diutamakan ialah anak tempatan, tinggal di situ, bekas askar (ex-member of the Forces) dan mempunyai lesen memandu dan ada driving licence P.S.V. dalam perkara ini. Daripada 13 pemohon yang ditemuduga (interviewed) didapati pemohon yang berjaya (the successful applicant, i.e. Hussain bin Awang is on the list as No. 9), Kampung Batu Dua, iaitu sama seperti yang dibuku daftar di keretanya AG 535, Jalan Gopeng, Batu Gajah, Kinta, Perak, dengan ada

kelayakan berikut. These are the qualifications of Hussain bin Awang who got it: Pemohon tinggal di pengkalan (he lives at the base), mempunyai lesen memandu P.S.V. (He got a taxi driving licence in 1965), Pemohon adalah bekas Askar Melayu Di Raja selama 8 tahun, 171 hari (8 years, 171 days' service in the Malay Regiment), bekerja sebagai pemandu teksi ganti-ganti (as a spare taxi driver earning round about \$150 a month). Beliau mempunyai modal untuk membeli kereta (He had the capital to buy a taxi).

Laporan temuduga bagi Encik Salleh bin Mokmin (This is the complainant, the one for whom you are appealing now): Pemohon tinggal di pengkalan (he also stayed at the base), mempunyai lesen memandu P.S.V. semenjak tahun 1960 (He has got a taxi driving licence since 1960), pemohon adalah bekas S.C. (He is an ex-S.C. only for 5 years). This is where the difference in qualifications lies: 8 years, 171 days against 5 years. So this other man has got seniority of over three years. Bekerja sebagai pemandu teksi berganti-ganti. Sebab itulah daripada 13 orang pemohon, yang seorang iaitu Hussain bin Awang (ex-member of the Forces) 8 tahun 171 hari dan Salleh bin Mokmin bekas SC cuma 5 tahun. Dengan sebab itulah Majlis Pelesen mempersetujui Hussain diberi priority memandangkan perkhidmatannya yang lama dalam askar.

Saya harap pada masa hadapan bukan sahaja pada Ahli Yang Berhormat atau mana-mana Ahli-ahli Parlimen patut menasihatkan sesiapa juga supaya merayu, boleh ulang bicara kepada saya dan saya boleh selidiki. Kalau orang itu tak tinggal di situ, kita akan siasat dan Majlis Pelesen boleh batalkan balik lesennya jika yang dapat taxi tidak tinggal di base.. Itulah sahaja yang saya hendak beritahu kepada Ahli Yang Berhormat; tolong beritahu kepada sesiapa yang berkenaan, kalau dia hendak ulang bicara, belum lambat lagi, dia boleh masuk ulang bicara, saya akan beri pertimbangan.

KUIL SRI MAHA MARIAMMAN, BUKIT NENAS ESTATE—AMBILALIH

6.40 ptg.

Dr A. Soorian (Port Dickson): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this is a call to the Kumpulan Guthrie (Sendirian) Berhad to

uphold the decision made by the Labour Ministry in March, 1973 to stop the attempt to take over the Sri Maha Mariamman Temple at Bukit Nenas Estate, Negri Sembilan and to enforce such a decision.

It is deeply regretted, Sir, that the foreign-based firm, the Kumpulan Guthrie, is interfering in the freedom of worship of the workers of Bukit Nenas Estate by attempting to take over the holy place in Rasah, Seremban.

Sir, representations from the workers of Bukit Nenas Estate, which was formerly owned by the Guthries, have been made to me that the Guthries (Sdn) Bhd. is trying to evict the Management Committee of the Sri Maha Mariamman Kovil at Rasah Road by the appointment of a new Committee nominated by the Kumpulan Guthrie and the Chemara Research Station Management.

Sir, this temple is one of the oldest and the most revered and has always been the centre of attraction for the devotees and was built by the sweat and toil of the workers in Bukit Nenas Estate some 70 years ago. Recently, the workers raised over \$30,000 to renovate the temple. These workers have been running the temple since it was built. The Bukit Nenas temple land was fragmented about 3 years ago and sold by the Guthries.

Although the land belongs to the Guthries, by the Law of Equity the running of the holy premises is the absolute right of the workers there and, by this Law, Guthrie's should not interfere at all in the management of the temple. It is amazing, Sir, why the Guthries approved of the running of the temple by the workers for over 70 years and only now raise objection and wish to take over the management.

The Committee of Bukit Nenas Temple went to see the Director of Estates Division, Kumpulan Guthrie in Wisma Damansara, on Friday 21 June 1974, but the Director refused to see them. This is indeed in very bad taste and reflects poorly of a management that claims to be on the right side. If the management is fair, there is no reason at all for the Director to be so unaccommodating and abrupt.

It is only fair and fitting that the Minister of Labour should enforce his decision made in March 1973, i.e. the management of this Temple should be the prerogative of the

Bukit Nenas Estate workers and no one else. It is sincerely hoped that the Management heeds the words of the Minister and lays off all interference in this rather important matter.

It is hoped, Sir, that the Honourable Minister will enforce his own decision made last year. Sir, it is quite lascivious and astonishing that a foreign company that is dominating the economy of our country should also be giving us lectures on how to conduct our mode of worship. Sir, it is equally lascivious and astonishing that the Minister who is concerned with this affair is absent here, and I suppose it is one of his presumptions that there would not be a quorum. So, he is playing truant.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, konsep kebebasan beribadat membawa pengertian bahawa setiap kumpulan-kumpulan tertentu itu berhak mengamalkan kepercayaan dan ajaran-ajaran agama mereka, asalkan ianya tidak bertentangan dengan kebaikan umum. Soal kebebasan beribadat diganggu di Ladang Bukit Nenas, Negeri Sembilan tiada timbul, memandangkan hakikat bahawa tidak terhadap sesuatu kumpulan yang telah di larang dari mengamalkan kepercayaan dan ajaran agama mereka, baik oleh orang-orang Malaysia atau orang-orang asing. Apa yang menjadi pertikaian ialah bagaimana seharusnya pengurusan kuil itu dijalankan.

Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telahpun pergi ke ladang tersebut untuk mengadakan penyelesaian. Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah membuat keputusan bahawa kuil tersebut hendaklah diuruskan oleh pekerja-pekerja Ladang Bukit Nenas dengan Syarikat Guthrie berlaku sebagai pemegang amanah, dan bertentangan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, keputusan tersebut adalah dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan menasihatkan mereka yang berjumpa beliau mengenai hal ini supaya

bekerjasama dengan Jawatankuasa yang ada yang bertanggungjawab dalam pengurusan kuil tersebut.

Dr A. Soorian: Untuk penjelasan. Siakah Ahli Jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam perkara itu, adakah Jawatankuasa bagi pihak Kumpulan Guthrie atau Jawatankuasa bagi pihak pekerja Ladang Bukit Nenas?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah dibentuk sebegitu rupa iaitu kedua-dua bahagian itu ada dalam Jawatankuasa itu.

Dr A. Soorian: Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu tidak begitu lengkap. Sebab Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri tidak berapa faham akan masalah ini, dan Menteri Buruh tidak ada di sini, dan ini satu contoh yang tidak baik, dan saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ada segala dokumen yang berkenaan yang saya study sendiri akan masalah ini. Jadi Ahli Yang Berhormat itu tak payah bangkitkan lagi. Jawapan yang telah saya terangkan tadi adalah terang dan jelas dan beliau tidak boleh bangkitkan lagi dan saya harap Ahli Yang Berhormat boleh berjumpa dengan mereka yang berkenaan dan selesaikan masalah ini.

Dr A. Soorian: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri ada terlibat dalam perkara ini atau Menteri sahaja yang terlibat?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tak timbul, kerana saya menerangkan atas dasar Kerajaan, pandangan yang saya beri ini adalah pihak Kementerian saya, bukan pandangan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, (22hb) Julai, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.47 petang.